



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua	(Halaman 2)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 2)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 3)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 4)
- Urusan Mesyuarat	(Halaman 4)
- Cuti Kepada Ahli - Kebenaran	(Halaman 4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
USUL-USUL:	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 27)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok</i>	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – T.M di JPM
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwani Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Tuan Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – Menteri Di JPM
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

-
35. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - Menteri Kewangan Kedua (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – SUP (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Meraliti binti Mamat

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 7 Mei 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56(1) Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(1), Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Timbalan Yang di-Pertua. Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan usul memilih Timbalan Yang di-Pertua.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini.

[Upacara Angkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng yang baru sebentar tadi dipilih dan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekali gus saya mengucapkan tahniah juga kerana beliau memperoleh kepercayaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilantik sebagai Ahli Dewan yang mulia ini bagi penggal yang kedua dan juga memperoleh kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dicalonkan dan dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya yakin Yang Berhormat pasti memahami peranan Dewan Negara yang diberi oleh Perlembagaan Negara khusus dalam konteks mendukung prinsip *check and balance* dan peranan penyemakan agar semakin sempurna proses penggubalan undang-undang bagi negara kita. Saya berdoa semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya. Terima kasih.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 8 Januari 2007:

1. Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
2. Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad

Pada 19 Januari 2007:

1. Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/l Narayanan

Pada 9 Mac 2007:

1. Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain

Pada 6 April 2007:

1. Yang Berhormat Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 19 Mac 2007, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarah supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan adalah seperti di LAMPIRAN]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 2007;
2. Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006;
3. Akta Ordinan No. 7 (Kuasa2 Perlu) Hak milik, (Pindaan) 2006;
4. Akta Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006;
5. Akta Kastam (Pindaan) 2006;
6. Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006;
7. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (Pindaan) 2006;
8. Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2006;
9. Akta Kewangan 2006;
10. Akta Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006;
11. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2006;
12. Akta Eksais (Pindaan) 2006;
13. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006;
14. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006;
15. Akta Arkitek (Pindaan) 2006;
16. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006;
17. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006;
18. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2006;
19. Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2006;
20. Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan
21. Akta Kumpulan Wang Persaraan 2006.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

25 April 2007

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006;
2. Rang Undang-undang Industri Bio Bahan Api Malaysia 2006;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007;
4. Rang Undang-undang Koperasi Malaysia 2006;
5. Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Peruntukan Khas (Pindaan) 2006;
6. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006;
7. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006; dan
8. Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006

Yang ikhlas,

t.t

"YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad dari 7 Mei 2007 hingga 21 Mei 2007.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta Perdana Menteri menyatakan apakah program khusus kerajaan bagi melahirkan rakyat berfikir kelas pertama (*first class mentality*).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pembangunan modal insan dan pembangunan minda kelas pertama di kalangan rakyat merupakan satu agenda besar kerajaan ke arah mencapai status negara maju menjelang negara maju tahun 2020. Pembangunan modal insan dan pembentukan minda kelas pertama telah diberikan penekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam misi nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan, umpamanya peningkatan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama telah diletakkan sebagai teras kedua misi nasional.

Sebenarnya asas di sebalik agenda besar tersebut adalah untuk mengubah minda dan cara berfikir rakyat supaya mereka lebih mampu bersaing dan berjaya dalam ekonomi global berlandaskan pengetahuan. Dengan cara itu negara akan dapat meningkatkan daya saingnya dan kesejahteraan rakyat akan lebih terjamin pada masa hadapan.

Sesungguhnya usaha untuk mengubah minda dan cara berfikir rakyat merupakan satu usaha besar yang memerlukan masa yang panjang serta penggunaan pendekatan yang pelbagai untuk benar-benar berkesan. Oleh itu kerajaan berpendapat bahawa mengadakan satu program khusus untuk membentuk minda kelas pertama di kalangan rakyat adalah pendekatan yang kurang sesuai.

Sebaliknya kerajaan telah mengambil langkah untuk menerapkan falsafah minda kelas pertama tersebut ke dalam sebahagian besar dasar-dasar serta program-program anjuran kerajaan terutamanya yang berteraskan pendidikan dan pembangunan modal insan. Umpamanya Pelan Pembangunan Pendidikan Negara mengandungi pelbagai usaha untuk menambahbaikkan sistem pendidikan negara secara menyeluruh serta membangunkan masyarakat berminda kelas pertama yakni masyarakat berpengetahuan, inovatif, berbudaya dan bermoral tinggi. Walau bagaimanapun, penerapan minda kelas pertama tidak seharusnya hanya terbatas kepada dasar dan program yang berunsur pendidikan dan pembangunan modal insan sahaja.

Malah dasar dan program-program berbentuk ekonomi, sosial dan politik juga harus ada unsur-unsur minda kelas pertama untuk benar-benar berkesan. Justeru itu kerajaan percaya bahawa setiap program yang mempunyai elemen pembentukan minda kelas pertama mempunyai nilainya yang tersendiri dan mampu menyumbang ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang maju dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi kemudian Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan mentaliti dan minda kelas pertama. Saya hendak sebutkan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Pak Lah. Dengan izin, *quote...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, Perdana Menteri kita yang kita sayangi. *"We must abandon the notion that the government owe us a living, it is this mentality that breeds dependency and promotes rent-seekers. When the government is seen, not as a facilitator of business, but a provider of contracts and concessions, genuine entrepreneurs will be crowded out by commission agent, with 'know-who' abilities and no 'know-how' talents".*

Tuan Yang di-Pertua, adakah *rent-seekers mentality* yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita empat tahun lalu ini masih wujud dan adakah *rent-seekers mentality* bercanggah dengan mentaliti kelas pertama dan macam manakah rakyat yang berminda *rent-seekers mentality* itu berubah menjadi rakyat yang berminda kelas pertama, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah sebenarnya di antara perkara yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu membentuk sikap *first class mentality* untuk menghapuskan *rent-seekers* di kalangan mereka yang menganggap untuk mendapat keuntungan dengan cara yang cepat di atas angin. Jadi untuk menghapuskan perkara ini, kita sebenarnya dalam kerajaan dan juga rakyat harus memainkan peranan bersama untuk membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghapuskannya. Tanpa kerjasama daripada rakyat saya kira perkara ini tidak akan dapat dihapuskan tetapi seperti mana yang telah disebut dalam jawapan saya sebentar tadi, ini merupakan satu usaha yang bukan boleh diatasi dalam masa yang singkat, tetapi merupakan satu usaha *long term* yang perlu kita sama-sama bekerja untuk menghapuskannya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, mentaliti kelas pertama juga melibatkan soal daya saing. Tidakkah kerajaan merasakan bahawa program-program hiburan realiti dan sebagainya lebih banyak mengkhayalkan daripada membentuk mentaliti kelas pertama dan apa tindakan kerajaan sebenarnya? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita berusaha untuk membentuk mentaliti kelas pertama, ianya bukan bermakna bahawa kita mesti menghapuskan perkara-perkara yang lain iaitu kalau sekiranya ada cara hiburan yang lain, maka kita harus hapuskan hiburan itu semata-mata untuk mendapat kelas pertama. Kepada kerajaan, ini menunjukkan bahawa kita tidak ada daya saing untuk mengatasi apa yang dilakukan oleh *reality program* yang disebut ini tadi. Yang kita hendak ialah *first class mentality* bukan *insulation*, tetapi di dalam masyarakat yang sekarang wujud di mana *first class mentality* itu boleh mengatasi segala apa juga program-program yang boleh dilihat sebagai boleh membantut kemajuan *first time mentality* di kalangan rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kurang mengandungi banyak unsur kreativiti?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul juga kerana perkara yang penting di sini Yang Berhormat ialah persaingan. Jadi kalau kita hapuskan program-program yang lain, maka tidak ada persaingan. Jadi sikap bersaing untuk mengatasi tidak akan wujud kerana kita *spoon fed* apa sahaja yang boleh menyebabkan kita kurang saingan kita potong. Itu tidak akan mewujudkan satu pemikiran kreativiti yang ada kerana kita di *spoon fed* untuk mendapat pencapaian *first class* mentaliti ini.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai senarai nama-nama khusus yang telah terpilih yang boleh dicontohi, diikuti dan juga dijadikan idola yang telah diklasifikasikan sebagai insan atau rakyat berfikiran minda kelas pertama untuk rujukan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab dalam jawapan saya di peringkat awal tadi, iaitu kita tidak ada satu program yang khusus dan kita tidak fikir pun ini patut diwujudkan melainkan ia harus dimasukkan dalam semua program yang ada di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh tanya, kalau tidak saya hendak tanya di mana tempat *world view* atau *wide world view* atau '*weltanschauung*' dalam minda kelas pertama, terima kasih.

2. Tuan Tan Bon You minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah insentif dan galakkan yang diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan makanan halal terutamanya syarikat yang terlibat dalam perniagaan makanan halal terutamanya syarikat yang mengeksport makanan halal ke negara-negara Asia Barat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, di antara insentif yang ditawarkan oleh kerajaan untuk menembusi pasaran halal antarabangsa termasuklah negara-negara Asia Barat adalah seperti berikut:

- (i) elaun cukai pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan yang layak dalam tempoh lima tahun dan dibenarkan untuk ditolak daripada 100% pendapatan berkanun;
- (ii) potongan dua kali ke atas semua perbelanjaan bagi mendapatkan pensijilan dan akreditasi halal;
- (iii) geran untuk peningkatan produktiviti dan menambahbaikkan kualiti serta persijilan untuk *enterprise* kecil dan sederhana; dan
- (iv) geran khas yang diperuntukkan di bawah Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana iaitu (SMIDEC) berjumlah RM10 juta bagi pembangunan dan promosi produk halal.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diingatkan bahawa untuk mendapatkan pensijilan dan standard halal untuk mana-mana produk, maka ianya perlu mematuhi dua bentuk kriteria iaitu:

- (i) kriteria halal yang ditentukan oleh JAKIM seperti sembelihan binatang halal mengikut protokol sembelihan Malaysia, penggunaan ramuan yang disahkan halal di dalam pembuatan produk dan proses pembuatan yang tidak melibatkan bahan-bahan tidak halal dan terjamin bersihnya; dan
- (ii) kriteria standard antarabangsa seperti tahap analisis bahaya dan kawalan kritikal dengan izin *Hazard Analysis* dan *Critical Control Point* or HACCP dan amalan perkilangan baik dengan izin *Good Manufacturing Practice* atau GMP.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, standard halal Malaysia telah patenkan iaitu MS 1500/2004 Jabatan Standard Malaysia. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Tan Bon You, kemudian Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada insentif yang dinyatakan tadi, apakah langkah-langkah dan usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memperkukuh kedudukan eksport serta memastikan industri ini akan terus berdaya saing di peringkat global. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Tan Bon You atas soalnya. Memang insentif-insentif yang saya sebutkan tadi merupakan hanya sebahagian langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempromosikan eksport barangan halal. Selain daripada itu, kerajaan telah mengambil dua strategi yang amat penting untuk memperkukuh kedudukan barangan halal di pasaran eksport kita.

Yang pertama, selaku pengerusi OIC, kita telah berusaha untuk mewujudkan standard antarabangsa bagi pensijilan halal dengan menjadikan standard halal Malaysia sebagai penanda aras. Bagi tujuan ini, usaha mempromosi standard halal Malaysia secara meluas telah dilakukan melalui Forum OIC. Untuk makluman Ali-ahli Yang Berhormat, cadangan kita telah diterima oleh anggota negara OIC secara prinsip.

Strategi kedua ialah mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pemasaran dan perdagangan barangan halal melalui MIHAS iaitu Malaysia International Halal Showcase. Dalam MIHAS, sesi pepadanan perniagaan atau *business matching* telah dianjurkan antara pengeluar produk-produk halal di negara kita dengan peniaga-peniaga dari luar negara. Misalnya pada tahun 2005, sebanyak 753 pertubuhan perniagaan telah diatur dalam Mesyuarat MIHAS itu dan akibatnya kita telah mencapai sebanyak RM229.9 juta nilai perdagangan. Pada tahun 2006, sebanyak 2,506 pertubuhan perniagaan telah pun diatur dan akibatnya kita telah mencapai RM168.3 juta. Untuk tahun ini, MIHAS akan diadakan pada bulan Mei ini. Selain daripada MIHAS, beberapa misi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya rasa itu cukup jelas. Beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya telah pun dijawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail Kassim, sila.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan atau program yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menjadikan negara kita ini sebagai halal hub khusus bagi barangan negara-negara Asian kerana halal kita ini terbukti mendapat pengiktirafan yang amat besar oleh negara-negara Asia Barat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu telah terjawab dari perspektif global. Jika dikhususkan kepada Asia tenggara, bolehlah Yang Berhormat tambah Asian dalam konteks ASEAN.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi kerajaan yang diambil ialah bukan sahaja untuk global dan juga untuk negara-negara di Asia Tengah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat membolehkan saya benarkan hanya tiga pertanyaan dan saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat.

3. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos pembinaan lebuh raya bertol di seluruh negara dan berapakah jumlah lebuh raya bertol yang secara asasnya dibiayai oleh pihak kerajaan dengan memberi subsidi disebabkan kekurangan pengguna yang menggunakan lebuh raya tersebut dan berapakah jumlah yang dibayar oleh kerajaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos pembinaan bagi lebuh raya bertol yang sedang beroperasi adalah seperti di Lampiran 1. Saya akan menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat sedikit masa nanti. Kalau saya membaca ini, ia mengambil sesi seluruhnya kerana ada 25 muka jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini kerajaan belum pernah memberi subsidi kepada syarikat konsesi akibat daripada kekurangan pengguna yang menggunakan lebuh raya yang sedang beroperasi.

Dalam pada itu, tiada klausa di dalam perjanjian konsesi yang memperuntukkan bahawa kerajaan akan memberi subsidi disebabkan kekurangan pengguna menggunakan lebuh raya tersebut. Secara keseluruhannya lebuh raya yang sedang beroperasi telah mencatatkan jumlah trafik sebenar yang lebih rendah berbanding jumlah trafik unjuran. Antara lebuh raya yang mencatatkan peratus pencapaian trafik yang rendah iaitu antara 30-40% daripada jumlah trafik unjuran ialah Lebuh Raya Lingkaran Kajang dipunyai oleh Silk, Lebuh Raya Shah Alam-Kuang dipunyai oleh Guthrie, Lebuh Raya Pantai Baru dan Lebuh Raya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT). Jumlah trafik sebenar berbanding dengan jumlah trafik unjuran untuk tempoh 2004 hingga 2006, saya akan berikan pada sedikit masa nanti.

Berkenaan dengan kos dan juga syarikat konsesi Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat ialah 21. Kos yang telah dibelanjakan oleh mereka ialah sejumlah RM20,303,000,000 iaitu:

LEBUH RAYA	KOS DIBELANJAKAN
Utara - Selatan	RM5.9 bilion
Utara-Selatan Hubungan Tengah	RM1.2 bilion
Kuala Lumpur - Karak	RM450 juta
Jambatan Pulau Pinang	RM940 juta
Shah Alam - Consortium Express Way	RM1.1 bilion
Laluan Kedua Malaysia - Singapura	RM1 bilion
Cheras - Kajang	RM290 juta
Sungai Besi	RM280 juta
Damansara	RM1 bilion
Butterworth - Kulim	RM250 juta
Seremban - Port Dickson	RM220 juta
Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur	RM1.1 bilion
Skim Penyuraian Trafik (SPRINT)	RM720 juta
Pantai Baru	RM950 juta
Pantai Selat Klang Utara Barat	RM580 juta
Jalan Pintas Selat Klang Utara	RM10 juta
Jalan dan Jejambat Kuala Lumpur	RM820 juta
Pantai Timur	RM1.3 bilion

Yang ini harga dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Ada juga harga baru lagi iaitu belum dikira lagi. Dulunya RM1.3 bilion, pembinaan baru akan mengambil kos sekurang-kurangnya RM2.3 bilion oleh kerana sudah lama dalam pembinaan. Lebuhraya Lingkaran Kajang sejumlah RM760 juta, Lebuhraya Shah Alam - Klang sejumlah RM390 juta dan akhirnya Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth sejumlah RM253 juta dan lebih kurang RM20,303,000,000, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok kemudian Datuk Haji Rizuan.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Seri di atas jawapan yang cukup jelas sekali. Soalan tambahan saya, semasa kajian sosioekonomi yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kerja Raya, berapakah jumlah jangkaan bilangan kenderaan berpotensi untuk menggunakan Lebuhraya Pantai - Timur? Jika Lebuhraya Pantai - Timur kurang kenderaan, apakah kerajaan perlu membayar kos penyelenggaraan? Apa kata sebaliknya, adakah kadar tol akan dikurangkan? Contohnya Lebuhraya Damansara - Puchong, semasa lebuhraya dibuat kajian hanya 100,000 kenderaan sebulan, ini telah melebihi sejuta, harga tol terus naik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, maklumat akan diedarkan kepada Yang Berhormat sedikit masa nanti dalam lampiran yang akan disampaikan kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat akan kemukakan sebagai jawapan bertulis.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengapakah kerajaan tidak merancang untuk membina lorong yang mencukupi di lebuh raya di peringkat awal. Sering dijalankan kerja-kerja penambahan lorong yang menyebabkan kesesakan lalu lintas. Berapakah jumlah kos pelebaran lebuh raya untuk menambah lorong di seluruh negara? Adakah ianya boleh menyebabkan kadar tol dinaikkan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita masuk untuk makan tengah hari kita masuk untuk makan tengah hari sahaja, tidak boleh masa untuk satu bulan, harga itu lebih mahal. Pembinaan lebuh raya pada masa itu bukanlah satu harga yang rendah. Ini tidak ada di seluruh dunia sebuah kerajaan yang membina semua lebuh raya dengan sekali gus. Kita mengikut secara berperingkat dan juga *capability* kewangan kerajaan kita.

Oleh kerana itulah kita telah membina mengikuti dengan pertamanya Lebuh Raya Lingkaran Selat Klang RM10 juta. Pengalaman daripada itu telah menunjukkan kita boleh juga mengadakan satu lebuh raya pada masa itu. Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah merancang untuk mengadakan satu lebuh raya daripada Johor Bahru ke sempadan Siam. Itu pun kita telah jalankan beberapa peringkat. Tidak ada negara yang ada enam lorong, lapan lorong. Kita tidak boleh membina banyak lorong. Kita bina empat lorong dan sekarang kita akan membina untuk motosikal oleh kerana motosikal dia mahu terbang, dia tidak mahu jalan atas jalan yang kita beri, macam itu sudah jadi landasan sekaranglah, landasan kapal terbang.

Ada juga beberapa banyak masalah yang dihadapi oleh kita, mentaliti pengguna jalan mesti ditukar, mentaliti pengguna jalan macam mana kita boleh tukar. Kita *fine* sama dia, kita denda sama, masuk dalam penjara baru dia takut. Ini demokrasi yang paling terbuka, demokrasi yang paling terbuka kita tidak boleh buat itu semua. Rakyat pun main jugalah sedikit. Oleh kerana itulah Ahli Yang Berhormat kita tidak boleh membina semua lebuh raya dengan sekali gus. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dan calon Parti Yang Berhormat menang dalam demokrasi...

Ahli-ahli Dewan: [Tepuk]

4. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan apakah ketidakyakinan dan cemuhan sesetengah pihak termasuk yang berpengaruh terhadap ketulenan laporan prestasi ekonomi negara boleh menjejaskan kemasukan pelabur asing dan kestabilan ekonomi serta politik negara dan apakah kerajaan yakin ramalan prestasi ekonomi negara bagi tahun 2007 boleh dicapai.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus yakin dengan prestasi ekonomi negara. Petunjuk-petunjuk ekonomi utama menunjukkan trend yang menggalakkan bahkan lebih terserlah sejak akhir-akhir ini. Oleh itu cemuhan dan ketidakyakinan pihak-pihak tertentu adalah tidak berasas sama sekali dan hanya menampakkan niat kurang baik dan agenda tersendiri mereka untuk menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Di pihak kerajaan banyak usaha telah dibuat untuk memperbetulkan persepsi sedemikian termasuk juga kepada pelabur asing mengenai kedudukan dan prestasi sebenar ekonomi Malaysia.

Berdasarkan perangkaan terkini, prestasi keseluruhan ekonomi negara telah meningkat dengan kukuh daripada 5.2% pada tahun 2005, kepada 5.9% pada tahun 2006 dan dijangka berkembang lagi sebanyak 6% pada tahun 2007. Perkembangan ekonomi yang menggalakkan ini juga selaras dengan trend peningkatan petunjuk-petunjuk ekonomi utama lain. Antaranya jumlah rizab antarabangsa negara telah bertambah kukuh kepada USD89.5 bilion pada 13 April 2007 berbanding USD82.5 bilion pada akhir tahun 2006 dan USD70.5 bilion pada akhir tahun 2005. Jumlah USD89.5 bilion ini mencukupi untuk membiayai 8.2 bulan import dan merupakan sembilan kali ganda hutang negara yang berjangka pendek.

Wujudnya juga lebih dalam perdagangan luar negara yang berterusan sejak November 1997, iaitu selama 112 bulan berturut-turut. Defisit fiskal yang berada pada tahap yang tinggi 5.7% pada tahun 2000 telah berkurangan sehingga menjadi 3.5% dalam tahun 2006.

Keadaan inflasi yang berada pada tahap 3.6% dalam tahun 2006 juga semakin berkurangan. Dalam bulan Januari 2007 turun kepada 3.2%, pada bulan Februari turun lagi kepada 3.1% dan pada bulan Mac telah turun kepada 1.5%.

Harga komoditi terus merangsang. Pada 5 Mei 2007 harga kelapa sawit adalah pada RM2,361.50 berbanding pada akhir 2006 sebanyak RM2,000 dan harga getah yang mana berada pada tahap RM637 pada akhir tahun 2006, telah meningkat kepada RM731.50 pada 5 Mei 2007.

Indeks komposit Bursa Malaysia telah melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun kepada 1,363 mata pada 4 Mei 2007 berbanding 1,096 mata pada akhir Disember 2006 dan 899 mata pada akhir Disember 2005. Jumlah kemasukan bersih pelaburan asing FDI ke Malaysia telah meningkat dengan ketara daripada RM15 bilion pada tahun 2005 kepada RM22 bilion pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka prestasi ekonomi negara yang menggalakkan dan kukuh ini dicapai dalam suasana politik negara yang terus stabil. Seperti mana terbukti jelas dalam kemenangan Barisan Nasional di Kuala Berang, Pengkalan Pasir, Batu Talam, Machap dan Ijok.

Justeru semua mesti yakin akan kekuatan dan ketahanan ekonomi negara untuk terus maju ke hadapan sekalipun dalam persekitaran luar yang semakin mencabar. Pada masa yang sama kita hendaklah juga menolak dakwaan dan dakyah sesetengah pihak termasuk oleh pihak-pihak tertentu yang cuba menimbulkan keraguan yang tidak berasas sama sekali terhadap ketulen laporan prestasi ekonomi negara yang sememangnya dikagumi dan dihormati oleh negara-negara asing bahkan Malaysia menjadi negara contoh dan negara idaman kepada negara-negara membangun dan negara-negara Islam di seluruh dunia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi kemudian Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, benarkah prestasi ekonomi yang dicapai ini tidak boleh dibanggakan kerana ia lebih banyak bergantung dan dipengaruhi oleh suasana ekonomi dunia yang bertambah baik, bukan disebabkan oleh faktor domestik dan juga dasar-dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan bahawa jawapan saya yang begitu panjang lebar dan cuba memberi pelbagai statistik ini seharusnya memberi keyakinan kepada kita bahawa keadaan ekonomi kita sememangnya kukuh dan kuat. Kita tidak dapat lari pada hari ini daripada berada dalam sebuah dunia yang begitu global. Negara kita walaupun kecil, merupakan negara yang terbesar di kalangan pedagang di dunia. Sejak awal-awal lagi negara kita merupakan negara yang bergantung kepada perdagangan luar. Di mana pada suatu masa sejak tahun kemerdekaan, ekonomi kita yang bergantung kepada bijih timah dan getah merupakan 80% daripada jumlah eksport kita kepada negara lain.

Jadi sepatutnya tidak mengejutkan sekiranya prestasi ekonomi negara kita di peringkat dunia dan peringkat antarabangsa dalam perdagangan antarabangsa dan dalam kemampuan kita menarik pelabur-pelabur asing ini merangsang bahan dagangan kita. Banyak negara di dunia ini yang masih lagi tertutup dan tidak terbuka yang mengalami keadaan ekonomi yang teruk. Kita sepatutnya bersyukur dengan dasar keterbukaan kita ini, kita dapat bersama-sama dengan dunia untuk mencipta pertumbuhan yang baik dan mewujudkan kemakmuran dalam negara kita.

Kehandalan dasar negara kita sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan berada di persada dunia ialah untuk menimbulkan keyakinan di peringkat antarabangsa, di peringkat dunia dan terus menghasilkan pertumbuhan yang baik untuk negara kita.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah *Kuala Lumpur Composite Index* dalam pasaran ekuiti menunjukkan satu prestasi yang menyerlah tetapi di samping itu beberapa syarikat tidak akan menyenaraikan ataupun dengan izin *delist* syarikat mereka. Bukankah ini akan membawa satu persepsi yang negatif kepada pelabur-pelabur asing? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Rata-rata di dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat baru disenaraikan dan syarikat-syarikat lama boleh digugurkan. Ada sesetengah mereka digugurkan kerana prestasi mereka yang tidak baik. Ada sesetengah mereka memilih untuk keluar daripada penyenaraian kerana pilihan mereka. Dalam sebuah negara yang terbuka dan merupakan negara demokrasi, kekuatan kita ialah untuk menarik pelabur dari luar dan untuk menarik syarikat-syarikat supaya menyenaraikan syarikat mereka di papan besar kita.

Dasar yang baik ialah bukan sahaja kebebasan untuk syarikat-syarikat menyenaraikan syarikat mereka tetapi kebebasan juga untuk mereka keluar dari penyenaraian jika memilih untuk berbuat demikian, untuk dibenarkan. Adalah menjadi satu tragedi negara sekiranya kita membenarkan syarikat-syarikat untuk disenaraikan dengan syarat mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan oleh pengawal selia tetapi kita tidak sanggup membiarkan mereka untuk memilih untuk dikeluarkan. Ini kerana seolah-olah kita membuka pintu untuk yang masuk dan menutup pintu untuk yang keluar. Ini satu dasar yang tidak bijak.

Kita juga perlu yakin kepada pelabur-pelabur. Dalam konteks ini adalah pelabur-pelabur minoriti. Kita mesti memberi kepercayaan dan keyakinan dan kebijaksanaan mereka untuk membuat pilihan kerana syarikat-syarikat ini sebelum dibenarkan untuk keluar daripada penyenaraian perlu mendapat persetujuan daripada pelabur-pelabur minoriti. Inilah syarat-syarat yang ditetapkan melalui *general offer* dan sebagainya. Jadi terserahlah kepada pemegang-pemegang saham untuk menentukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Bottom linen*nya ringgit semakin kuat dan *private* ekuiti semakin meningkat. Adakah itu kesimpulannya?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, tepat sekali.

5. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah cadangan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Perkhidmatan Polis yang sudah dilaksanakan sehingga kini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan unit agama dalam perkhidmatan polis sebagaimana wujudnya KAGAT dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, daripada 125 cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, 102 atau 82% cadangan telah dan dalam pelaksanaan. Manakala 23 atau 18% masih dalam kajian terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia juga ada mencadangkan penubuhan unit agama dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia. Cadangan ini telah diluluskan dengan 1,410 perjawatan melalui waran Kementerian Kewangan bertarikh 3 April 2007.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan berpuas hati dengan cadangan-cadangan yang dilaksanakan dan terutamanya adakah ia berjaya mengurangkan rasuah di kalangan polis? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Cadangan-cadangan yang mana yang saya sebutkan tadi maknanya apa juga cadangan yang telah dibuat kita telah terima. Maknanya daripada 125, 102 telah kita terima. Jadi maknanya ini apa juga yang telah dicadangkan melainkan cadangan-cadangan yang akan dilaksanakan 23% atau 18% itu masih dalam kajian yang melibatkan perundangan. Jadi soal rasuah ini saya rasa ini adalah suatu yang

sukar saya hendak jawab, kerana benda-benda dalam Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ia melibatkan banyak perkara lain. Iaitu dari segi pembangunan, dari segi penambahbaikan, dari segi kemudahan dan sebagainya. Jadi sebahagian daripada rasuah ini ada juga tapi walau bagaimanapun ini bergantung kepada keadaannya.

6. Tuan Chiu Tiang Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk membina generasi Malaysia yang mempunyai pemikiran kreatif, berjiwa penyelidikan dan pembangunan, berani mencuba sesuatu yang baru dan inovatif serta memupuk minat sains di kalangan pelajar sekolah lagi seperti perumpamaan, 'melentur buluh biarlah dari rebung'.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah proaktif untuk memupuk sikap ingin tahu dan keinginan meneroka ataupun berjiwa penyelidik di kalangan murid-murid. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah melibatkan kurikulum sains melalui pendekatan inkuiri-penemuan atau dengan izin *inquiry discovery* yang bermatlamat untuk merangsang sikap ingin tahu murid-murid.

Murid-murid juga mengikuti kurikulum yang berasaskan aktiviti yang digariskan melalui *suggested learning activities* dengan izin, dalam sukatan pelajaran. Kebanyakan aktiviti ini pula merupakan aktiviti yang bersifat *hands on* dan *minds on*. Oleh itu, pengalaman pembelajaran di bilik darjah melalui aktiviti tersebut membolehkan murid-murid secara langsung dipupuk dengan sikap ingin tahu dan keinginan meneroka.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran turut menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif atau KBKK secara ringkas dalam semua sukatan pelajaran. Huraian sukatan pelajaran dan kandungan buku teks bagi semua mata pelajaran. Pendekatan terbaru dalam pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan konstruktif dan kontekstual turut dilaksanakan bagi menjayakan hasrat tersebut. Terima kasih.

Tuan Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah rancangan kementerian untuk menanamkan semangat inkuiri terhadap sains di sekolah-sekolah luar bandar.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kokurikulum yang diikuti buat masa ini adalah untuk semua sekolah tidak kira sama ada sekolah itu terletak di kawasan bandar ataupun di luar bandar. Kurikulum untuk *math* dan sains yang digunakan juga adalah sama. Umpamanya sebagai contoh, kurikulum matematik adalah untuk memupuk kuasa dan daya pemikiran di kalangan pelajar. Cara kelas yang dijalankan itu adalah sama untuk semua sekolah contohnya untuk tahun 1, 2 dan 3, murid-murid diajar tentang nombor dan juga kemahiran mengira.

Pendekatan pelajaran yang diamalkan untuk murid menguasai ilmu ini ialah untuk murid-murid membilang, untuk memahami nombor dan menggunakan kekuatan minda untuk menggambarkan proses pengiraan bagi mendapatkan hasil pengiraan. Cuma ditegaskan di sini bahawa Kementerian Pelajaran akan mengambil berat tentang penempatan guru-guru yang sesuai di sekolah-sekolah pedalaman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kementerian kaitkan semua ini dengan hasrat pimpinan hendak wujudkan minda kelas pertama?

Puan Komala Devi: Sudah tentu Tuan Yang di-pertua. Hasrat Kementerian Pelajaran adalah untuk melahirkan murid-murid yang pada masa akan datang, sekolah dijadikan satu tempat persediaan untuk pelajar-pelajar ini pada masa kelak *fit* dengan izin, dalam alam pekerjaan.

7. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan setakat ini sejauh mana ketegasan penguatkuasaan undang-undang yang telah dilakukan untuk membendung kegiatan pembalakan haram atau secara berleluasa yang sering dilaporkan berlaku sejak sekian lama sehingga menjejaskan kualiti alam sekitar dan perubahan geologi, seperti mana yang berlaku di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Kelantan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap isu-isu mengenai pencemaran alam sekitar. Sehubungan dengan itu, pengusaha hasil hutan di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) perlu menepati kaedah pengurusan hutan secara berkekalan khususnya pematuhan kepada catuan tebanan tahunan bagi mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Bagi aktiviti pengusaha hasil hutan di kawasan tanah-tanah hutan di luar Hutan Simpanan Kekal, ianya tidak tertakluk kepada kaedah pengurusan hutan secara berkekalan. Ini termasuk yang berlaku di Lojing.

Dalam hubungan ini, Majlis Perhutanan Negara yang bersidang pada 30 Ogos 2005 telah menggariskan beberapa peraturan pengusaha hasil hutan di kawasan tanah-tanah kerajaan dengan tujuan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Ini termasuklah mengenakan had batas tebanan, menentukan zon penampungan air dan sungai dalam kawasan pembalakan, mengenakan syarat-syarat pembinaan jalan pembalakan seperti mana di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal, menyediakan rancangan mengusahakan hasil hutan dan menentukan kawasan sensitif iaitu tanah yang berketinggian lebih 1,000 meter, di Lojing ialah 1,400 meter dari aras laut dan kawasan yang bercerun melebihi 40 darjah tetapi di Lojing lebih dari 40 darjah.

Kerajaan mensasarkan dengan peraturan baru tersebut, pengusaha hasil hutan yang tidak mesra alam dapat dielakkan di kawasan tanah-tanah kerajaan. Untuk membendung pembalakan haram, kementerian telah meningkatkan lagi usaha-usaha pencegahan dan di mana Akta Perhutanan Negara 1984 telah dipinda dan dikuatkuasakan mulai 1993 di mana penalti untuk pencerobohan hutan dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM500,000 dan penjara daripada tidak melebihi tiga tahun kepada tidak melebihi 20 tahun dengan penjara mandatori satu tahun sebelum pindaan tersebut dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Puan Mumtaz binti Md Nawi dan kemudian Tuan Ismail Kassim.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan ialah ada yang disebut, ada syarikat yang dimiliki oleh warga asing terlibat dalam Lojing tersebut yang mana tiga syarikat milik individu yang sama. Apakah ini benar dan apakah tindakan kerajaan negeri terhadap isu ini dan isu Lojing ini? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Soalan yang amat bernas sekali. Kementerian telah menyiasat dan sebenarnya daripada 22 pemaju yang dibenarkan mengusahakan hasil tanah tinggi di Lojing sebanyak 25,000 hektar, terdapat tiga syarikat yang berlainan yang diberi tanah milik sebanyak 400 hektar setiap satu. Di mana apabila kita membuat lagi siasatan, kesemuanya adalah milik kepada sebuah syarikat sahaja yang dimiliki sebahagiannya oleh warga asing.

Memang benar ini dibenarkan berlaku, dibolehkan warga asing untuk melabur di dalam syarikat-syarikat tertentu tetapi apa yang berlaku di Lojing ini Tuan Yang di-Pertua, dia hendak buat pertanian tetapi atas tanah yang diberikan itu terdapat banyak kayu dan balak. Jadi mereka terpaksa menebang balak-balak tersebut dan mereka tahu apabila tanah kerajaan ini telah diberi hak milik dan tidak menjadi tanah kerajaan lagi, diberi hak milik secara sama ada 99 tahun ataupun 66 tahun, mereka terlepas daripada membuat pembalakan secara lestari ataupun berbuat apa sahaja. Itulah yang berlaku di Lojing. Maksudnya boleh digondolkan sebuah bukit di tanah tinggi yang melebihi 1,400 meter yang bersuhu 16 darjah Celsius.

Kerajaan negeri - tindakan yang dibuat ialah yang pertama menuduh kementerian tidak buat kerja. Yang kedua, menuduh Kerajaan Persekutuan tidak buat kerja. Yang ketiga, semuanya dia tuduh orang lain yang salah. Jadi mereka tidak bersalah dan mereka terus membiarkan Lojing diperkosa, dirogol dan sebagainya. Mereka tidak berbuat apa sahaja kecuali mengadakan ceramah siang dan malam untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Merogol itu Yang Berhormat buat *literal translation*, ya? *The rape of the forest?*

Dato' Sazmi bin Miah: Dengan izin, yes. Jadi kerjanya pergi berceramah sahajalah sekarang ini. Itulah tindakan proaktif yang boleh kita nampak yang dibuat oleh kerajaan negeri. Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berapakah jumlah pegawai penguat kuasa JAS negeri Kelantan dan berapakah nisbah ini berbanding negeri-negeri lain dan sekiranya jumlah ini berkurang dan bilakah jumlah ini akan bertambah? Yang kedua, adakah hanya kawasan Lojing di Malaysia yang mempunyai kawasan yang dikatakan botak tersebut? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat. Penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar di Kelantan yang menguatkuasakan ialah terdapat tiga orang. Berbanding dengan negeri-negeri lain pun, lebih kurang tiga hingga empat orang juga, sama tetapi apa yang telah kita buat, kementerian membuat penyelesaian dengan mengadakan penguat kuasa tanah-tanah tinggi termasuk tanah tinggi Kinta dan tanah tinggi Cameron Highlands. Jadi kita mengezonkan mereka ini. Ini proaktif yang kita buat. Kita tahu kita kurang penguatkuasaan, jadi kita mengambil tindakan.

Di tanah-tanah tinggi lain yang ada dalam Malaysia ini dibuat seperti dalam Lojing. Kita ada satu tanah tinggi yang dimajukan iaitu Cameron Highlands di mana tanah-tanah yang diberi untuk pertanian hanyalah dalam lot-lot dua ekar, empat ekar dan enam ekar yang terbesar. Di Kelantan, yang terbesar ialah 4,000 ekar. Saya tidak tahulah dia hendak tanam sayur atau apa. Jadi, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang terhormat. Yang terhormat Tuan Ismail Kassim.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah pindaan yang sewajarnya yang boleh dibuat oleh pihak kerajaan ke atas akta yang berkaitan bagi memberikan kuasa yang lebih jelas kepada pihak kerajaan untuk membolehkan tindakan undang-undang yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang terlibat dalam masalah ini?

Dato' Sazmi bin Miah: Sebenarnya undang-undang sudah cukup tetapi tidak ada etika dan tidak ada moral. Maksudnya tidak menjalankan undang-undang kerana niat asalnya memang bukan hendak tanam sayur pun tetapi hendak ambil balak. Saya rasa undang-undang ini tidak perlulah hendak dipinda sebab kerajaan negeri boleh mengambil tindakan dengan yang pertama sekali ialah tengok balik perjanjian asal yang diberikan kepada pemaju sebab ada pemaju-pemaju tersebut memberi sewa kepada orang lain. Ada sampai 60 penyewa dalam satu tanah. Ini bukan alam sekitar punya hal, ini kerajaan negeri punya hal.

Maksudnya kerajaan negeri di bawah peraturan dan enakmen-enakmen negeri boleh mengambil tindakan tetapi kerajaan negeri tidak berbuat demikian. Mereka hanya pergi berceramah sahaja dan menuduh Kerajaan Persekutuan yang tidak mengambil tindakan. Kita sudah buat, di dalam Jabatan Alam Sekitar kita tiap-tiap hari pergi tengok apa tindakan yang kita boleh ambil. Tetapi tangan kita memang terikat, yang kita boleh ambil tindakan pencemaran sungai itu sahaja. Penggondolan bukit bukan bawah kita sebab sudah jadi tanah milik. Apabila jadi tanah milik kerajaan negeri lah yang sepatutnya mengambil tindakan bukan pergi berceramah. Terima kasih.

8. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah kerajaan sedar bahawa pemodal-pemodal dari Singapura banyak membiayai projek pertanian di negara ini dan hasilnya diekspor sebagai "*Produce of Singapore*". Dan jika ada apakah tindakan bagi memastikan bahawa petani di Malaysia tidak perlu mendapatkan modal dari luar sebaliknya menggunakan modal dari dalam dan apakah sistem perbankan kita bersedia membiayai "*contract farming*" secara besar-besaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pemodal-pemodal Singapura melabur dalam sektor ini dan ia memanfaatkan negara dengan menyediakan pasaran yang terjamin. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan mensasarkan purata pertumbuhan tahunan nilai ditambah, sektor agro makanan tumbuh dari kadar 1.7% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini sengaja mengambil nada yang sejuk sedikit kerana sebelum ini dia panas sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab hangat tadi Lojing walaupun kena mengena dengan pertanian. Jadi dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu kadar 1.7% tetapi sekarang telah disasarkan kepada 7.6% dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian menjangkakan peruntukan berjumlah RM27 bilion diperlukan untuk menjana pertumbuhan tersebut tetapi jumlah peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula adalah hanya RM6 bilion. Oleh yang demikian keperluan kewangan yang selebihnya perlu diperoleh daripada pelaburan swasta termasuk pelaburan asing.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Bank Pertanian juga telah menyediakan pembiayaan kredit melalui tabung untuk makanan bagi membolehkan para petani mendapatkan pinjaman modal untuk membangunkan sektor ini sendiri tanpa bergantung pada pemodal-pemodal luar. FAMA juga telah membangunkan sistem ladang kontrak sebagai langkah mengumpul dan menggabungkan usaha petani-petani kecil dan menangani masalah pemasaran yang tidak terjamin yang sering dihadapi petani-petani dari golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad kemudian Datuk Dr. Lee Chong Meng kemudian Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah memang benar kita menggalakkan modal daripada asing tetapi negara yang tidak mempunyai tanah yang luas iaitu satu negara yang kecil begitu hebat dalam pertanian. Apakah tindakan kementerian untuk menggalak pelaburan yang lebih besar daripada sektor swasta dan berapakah GLC ataupun syarikat-syarikat besar yang sudah pun berkecimpung dalam pertanian dan industri pertanian asas tani sebab jelas menunjukkan bahawa negara kecil iaitu jiran kita mempunyai kepakaran untuk pemasaran dan juga untuk cara memperluaskan pertanian mereka? Ini adalah sesuatu yang harus kita pelajari dan kita harus melakukannya sendiri. Apakah tindakan sebenarnya Kementerian Pertanian?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat jawab, ingin saya memaklumkan bahawa saya akan teruskan masa pertanyaan sehingga 11.50 pagi. Sebahagian besar daripada pertimbangan yang membawa kepada keputusan saya ini ialah kerana menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia supaya beliau dapat bereskan pertanyaan beliau. Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita berbalik kepada soalan itu iaitu kes negara Singapura, Singapura ini adalah satu negara jiran kita yang banyak mengadakan dari segi perniagaan atau *trading* bersama dengan Singapura di mana saya ingin maklumkan di sini bahawa pada tahun 2006, nilai eksport yang kita telah adakan bersama dengan negara Singapura adalah 21.6% daripada *total* nilai eksport dan boleh dikatakan Singapura ini adalah di antara yang *top* tiga yang kita banyak urus dari segi perniagaan pertanian di mana ia mencecah kepada RM2.5 bilion.

Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya dia negara kecil dan memang bukan dia ada membuat tanaman apa-apa tetapi dia adalah *trading partner*. Bagi kita, kita mengalu-alukan juga sebab saya katakan tadi bahawa kalau hendak ikut, kalau kita hendak mencapai sasar 7.6% KDNK kita di dalam bidang pertanian, kita perlu mengeluarkan sendiri dalam RM27 bilion dan memang kita tidak mampu. Oleh yang tersebut memang kita menggalakkan pelabur-pelabur swasta dan juga asing. Untuk makluman, negara Singapura adalah tradisional *outlet* kita di mana kebanyakan barang pertanian kita melalui Singapura dan termasuk melalui yang mereka labur sendiri.

Untuk makluman, tembikai dan juga pisang adalah buah-buahan yang begitu tinggi tetapi sebenar mereka banyak melabur tidak di dalam buah-buahan tetapi ikan hiasan dan juga bunga-bunga, *especially* orkid dengan izin. Jadi mereka ini...

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya di antara mahu nama dengan mahu duit kita pilih mahu duitlah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, mahu duit sebab ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kurang sedikit nama tidak apalah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab ini *win-win* sebenarnya. Yang itu melalui pelabur yang mana ladang (*farm*) mereka adalah di Johor tetapi sebenarnya yang tuan punya *farm* itu adalah warganegara Singapura. Itu atas dasar *win-win* sebab apa kita memang ada syarat-syarat juga sebab kita memberitahu bahawa kita telah membuat penyiataan bahawa tidak ada dikatakan *produce of Singapore*. Sebenarnya dibungkus di Singapura ada, sebab apa kebanyakan barang-barang yang dibeli daripada kita khasnya sayur-sayuran adalah untuk *consumption* dengan izin, rakyat Singapura sendiri.

For re export mereka mensasarkan bahawa kalau hendak menggunakan penjenamaan semula produk Malaysia sebagai *produce of Singapore* hanya dilakukan jika sekiranya terdapat pengubahsuaian nilai tambah melebihi 40% seperti yang ditetapkan oleh *agriculture* dan *veterinary authority of Singapore* sendiri. Mengenai...

Tuan Yang di-Pertua: Perbuatan ini salah tidak di sisi WTO?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak. Sekarang ini persaingan adalah terbuka luas. Jadi kita mesti mencari apa sahaja peluang yang kita dapat untuk mencetuskan keadaan *win-win* ini, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai GLC, memang banyak sekarang ini GLC sudah menunjukkan minat di dalam bidang pertanian dan untuk makluman Yang Berhormat secara terperinci saya tidak dapat memberi di sini tetapi untuk makluman kita telah menubuhkan satu jawatankuasa panel penasihat pertanian bersama dengan pihak swasta yang telah diwujudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Dr. Lee Chong Meng.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya masalah utama yang dihadapi oleh petani-petani di Malaysia ialah ruang kargo dan lebih banyak destinasi oleh *airlines* di Malaysia untuk mengeksport barangan pertanian *perishable* dari Malaysia ke luar negara. Misalnya tadi yang disebut oleh Yang Berhormat *tropical aquarium fish* atau ikan hiasan akuarium tropika dengan ladangnya di Johor bos nya Singaporean kerana semua ikan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan, Yang Berhormat. Pertanyaan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okey, latar belakang sedikit. Jadi untuk mengeksport ikan hiasan ini kena melalui *Changi Airport* kerana lebih ruang kargo dan "... " yang terluas berbanding dengan KLIA. Jadi ini adalah masalah yang utama kerana saya adalah penasihat kepada persatuan-persatuan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah mula dengan kerana itu *pre amblenya* nanti terlalu panjanglah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okey, soalnya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kementerian Yang Berhormat mencadangkan atau berdialog dengan kementerian-kementerian lain di Kabinet untuk menyelesaikan masalah ini atau mencari cara-cara terbaik untuk menolong petani-petani Malaysia untuk pasaran antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat memang satu yang telah dikenal pasti dari segi kita hendak menghantarkan khasnya yang macam ikan hiasan sebab *live* dengan izin kerana dia hantar *live*.

Kita telah mengadakan atau kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Kementerian Pengangkutan dan juga MAS Kargo untuk memastikan bahawa memang dikhaskan ruang kepada barang-barang pertanian ini dan pada masa yang sama kita mencari kaedah atau teknologi terkini untuk kita mencari jalan di mana kita dapat, khasnya barang-barang *perishable* dapat bertahan dan dapat dihantar dengan cepat. Jadi masih dalam rundingan Yang Berhormat, masih diteruskan untuk mengadakan satu jalinan yang mempunyai sefahaman yang begitu baik supaya barangan-barangan kita memang dapat dihantar jauh. Untuk makluman, ikan hiasan Malaysia adalah satu daripada yang *top*, yang mengeksport ikan hiasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau 'pengorder-pengorder' dari Singapura memberi keyakinan terhadap petani-perani di Malaysia, apakah peranan Bank Pertanian? Kenapa Bank Pertanian mengetatkan syarat-syarat kepada petani-petani untuk mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian sendiri. Saya ingin tahu pada tahun 2006, berapa ramai petani-petani yang telah mendapat pinjaman ini dan jumlahnya? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya minta maaf Yang Berhormat sebab statistik tadi atau maklumat terperinci mengenai berapa ramai petani yang dapat mengambil pinjaman daripada Bank Pertanian tidak ada bersama saya walaupun ada semua maklumat ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita sekarang ini di dalam satu perbincangan yang dikatakan kebanyakan peminjam ini mendapati masalah dengan Bank Pertanian ini telah kita kupas dengan begitu terperinci dan satu yang selalu menjadi sungutan peminjam adalah mengenai kolateral.

Sbenarnya Yang Berhormat, kolateral ini tidak menjadi yang utama. Sebenar yang utama ialah kredibiliti peminjam itu dan kapasiti sebab namanya adalah pinjaman. Kita tidak mahu memberi pinjaman, selepas itu didapati peminjam tidak boleh membayar balik sebab kita tidak begitu *thorough* di dalam penyiasatan. Sebab itulah memang ada ciri-ciri tertentu yang kita lihat untuk memastikan bahawa pada masa dia meminjam, juga dia boleh membayar balik pinjaman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat yang hadir untuk menjawab. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.

10. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan langkah-langkah dan jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi melaksanakan program pembangunan bioteknologi di peringkat negeri oleh pihak Kementerian bagi menentukan supaya pembangunan bioteknologi dapat digerakkan di seluruh negara, tanpa mengetepikan mana-mana negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih. Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan berjumlah RM2.021 bilion telah disediakan bagi membangunkan sektor bio teknologi. Peruntukan ini telah disalurkan kepada beberapa kementerian dan agensi bagi melaksanakan pelbagai program antaranya program penyelidikan dan pembangunan, program perolehan teknologi, program pembangunan perniagaan dan permohonan infrastruktur bioteknologi.

Dalam tahun 2006, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM79.3 juta bagi melaksanakan pelbagai program bioteknologi. Dalam tahun semasa 2007, kementerian dijangka membelanjakan sebanyak RM170 juta. Bagi melaksanakan program berkenaan, peruntukan yang disediakan tidak secara khusus disalurkan kepada negeri-negeri tertentu. Namun demikian, negeri-negeri secara langsung ataupun tidak langsung akan mendapat faedah daripada program-program yang dilaksanakan. Misalnya di bawah program pendidikan dan pembangunan R&D, institusi-institusi pendidikan, institusi-institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat bioteknologi di peringkat negeri boleh memohon untuk mendapatkan geran di bawah tabung-tabung tertentu. Ini secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada pihak negeri kerana penyelidikan yang dijalankan di negeri berkenaan akan menggunakan sumber teknologi dan sumber manusia setempat. Kemudahan yang sama juga akan turut diperoleh oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam program-program lain yang dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Soalan tambahan, daripada jumlah yang sudah dibelanjakan, berapa peratus pembangunan yang berjaya dihasilkan dan apakah pendekatan-pendekatan baru yang boleh digunakan untuk memastikan supaya program pembangunan bio teknologi ini tidak tergendala? Sebab kalau daripada jawapan tadi, begitu besar jumlah yang disediakan dan jumlah yang dibelanjakan, setakat ini begitu kecil. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di dalam pembangunan industri bio teknologi, mengikut kajian yang telah dilaksanakan oleh satu *company* di United Kingdom, untuk menghasilkan satu produk ataupun satu paten, kita memerlukan pelaburan sebesar RM69 juta baru menghasilkan satu produk ataupun satu paten yang dikomersialkan. Walau bagaimanapun, setakat ini kita telah menghasilkan banyak produk yang berasaskan kepada bio teknologi yang telah dipasarkan bukan sahaja pasaran tempatan malahan pasaran antarabangsa. Misalnya di dalam bidang bio teknologi kesihatan, kita telah menghasilkan "*Tissue Culture Fowl Pox Vaccine*" satu "*Tissue Culture Fowl Pox Vaccine*" kemudian juga kita menghasilkan "*Typhidot*, *Typhidot-M* dan *Typhidot Rapid - diagnostic kits*" yang mana ini telah disasarkan kepada seluruh dunia.

Begitu juga bagi industri bioteknologi, kita menghasilkan "*biofil*" ataupun *bio filter* bagi *tracking highly polluted waste* dan bagi bio teknologi pertanian untuk menyokong industri bio pertanian, kita telah menghasilkan beberapa *variety* buah-buahan baru untuk pasaran eksport seperti betik eksotika, belimbing jenis B7, nenas Josephine dan lain-lain. Saya ingat kejayaan kita walaupun mungkin baru di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita bermula tetapi produk yang telah kita hasilkan adalah pada peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih. Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Kerana tak mahu mensia-siakan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kabinet Negara, dengan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 89, 90 dan 91, saya menjemput seorang ahli untuk bangun kemukakan pertanyaan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: [*Baru masuk ke dalam Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tarik balik pengecualian tersebut.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 11.

11. Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta Menteri Sumber Manusia menyatakan punca dan langkah-langkah terkini untuk menyelesaikan masalah kritikal graduan universiti yang gagal mendapat pekerjaan dan terpaksa memenuhi jawatan-jawatan seperti kerani am, penyambut tetamu dan sebagainya sedangkan mereka ini berijazah.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membuat banyak kecutialan untuk membolehkan saya jawab soalan ini. Terima kasih, sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Pengecualian itu telah ditarik balik. Ini memang orangnya.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ooh. Terima kasih juga, terima kasih juga. Ini kerana niat yang telah ditunjukkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara tidak mahu buang masa Menteri Kabinet.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, antara faktor-faktor yang menyebabkan graduan universiti tidak mendapat pekerjaan adalah seperti berikut. Satu, isu pengangguran adalah berkaitan dengan ketidaksepadanan atau *skill mismatch* antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan. Di samping itu, para *graduate* mempunyai kekurangan dari segi kemahiran bekerja atau *working skill* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran berinteraksi dan aspek pengurusan yang meliputi *work ethic* dan *self-motivation* dengan izin.

Namun graduan juga menghadapi kesukaran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang menjadi bahasa perantaraan di sektor swasta. Kekurangan ini menyebabkan graduan menjadi kurang berkeyakinan untuk bekerja di sektor swasta. Si graduan juga tidak mempunyai pengalaman dan keupayaan untuk menceburi diri dalam bidang perniagaan dari aspek teknik perniagaan seperti pengurusan kewangan, pemasaran, jualan dan seumpamanya yang menjadi asas yang perlu dimiliki oleh seorang usahawan. Ramai graduan mengharapkan bekerja dengan kerajaan tetapi peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh kerajaan adalah terhad.

Ketidaksanggupan graduan untuk berhijrah dari tempat asal bagi mencari pekerjaan di bandar-bandar besar yang terdapat banyak peluang pekerjaan. Oleh sebab itu, pengangguran banyak terdapat di negeri-negeri yang tidak banyak menawarkan pekerjaan seperti negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang terkini yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut ialah:

- (i) kementerian ini melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan Skim Latihan Graduan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran graduan yang masih menganggur bagi meluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan;
- (ii) Sistem Penjodohan Pekerjaan di bawah Bursa Buruh Elektronik (*Electronic Labour Exchange*). Melakukan *matching* dengan izin, melalui sistem di mana pencari kerja akan merekodkan kelayakan pengalaman yang dimiliki dan majikan akan merekodkan kriteria pekerja yang dikehendaki. Maka sistem akan melakukan *matching* secara sistematik mengikut kriteria yang ditentukan oleh kedua-dua pihak;
- (iii) menganjur karnival pekerjaan di seluruh negara. Program tersebut antara lainnya akan mengumpulkan majikan-majikan yang berhasrat untuk mencari pekerja. Ini untuk siswazah dan bukan siswazah dan para pencari kerja yang berusaha mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan pengalaman yang dimiliki; dan
- (iv) antara rancangan kerajaan yang lain untuk membantu siswazah yang menganggur mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan ialah mengadakan Program Bimbingan Kerjaya dan Kaunseling yang antaranya adalah untuk melengkapi para graduan dengan kemahiran yang bersesuaian sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Datuk Yaakob dan selepas itu saya pergi kepada penanya asal soalan Dato' Haji Tajul Urus.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah pihak kementerian berfikir atau bercadang bagaimana pemantauan ataupun penyelarasan harus dibuat kerana mengikut rekod sehingga kini dalam sektor awam, terdapat hampir 200,000 kekosongan jawatan. Manakala dari segi pengangguran di peringkat kolej dan universiti kelulusan mereka, anggaran sekitar 40,000. Tidakkah pihak kementerian fikir adil atau tidak pihak swasta mengenakan syarat-syarat tentang pengalaman dan kemahiran berkomunikasi? Kerana kriteria-kriteria itu harus diberi peluang kepada graduan-graduan yang *fresh* dan tidak memerlukan pengalaman. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih atas soalan tersebut Yang Berhormat Datuk Yaakob. Memang dalam satu keadaan di mana banyak permintaan dan juga ada banyak penawaran (*supply* dan *demand*) di sektor swasta, pihak majikan memang akan mencari siapakah pekerja-pekerja yang boleh memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di kebanyakan syarikat-syarikat tersebut, ditetapkan kelayakan-kelayakan seperti kebolehan berinteraksi, kebolehan berkomunikasi dan kebolehan berfungsi dalam satu pasukan. Ini dengan tujuan supaya bakal pekerja itu apabila mereka memasuki organisasi tersebut, mereka boleh faham tentang budayanya dan boleh berfungsi sebagai satu ahli pasukan.

Saya juga faham aspek-aspek tersebut memang kebanyakannya tidak difahami oleh dengan izin, *fresh graduate*. Untuk mengatasi tujuan tersebut, kementerian saya telah menghubungi Kementerian Pengajian Tinggi tentang maklum balas yang kita dapat. Saya berasa bangga kerana kebanyakan maklum balas tersebut telah diserapkan ke dalam kurikulum-kurikulum universiti tempatan. Mereka telah juga ada program-program khas dalam kurikulum-kurikulum universiti untuk diserapkan, untuk membolehkan graduan-graduan universiti kita apabila keluar dari universiti, memang mereka ada kemahiran-kemahiran yang diharapkan. Ini adalah satu aspek di mana kita mengatasi masalah tersebut secara bekerjasama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Tajul Urus.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Faktor yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tentang mengapa pasaran pekerjaan tidak mahu mengambil graduan bekerja antara lainnya ialah berkenaan *skill* berkomunikasi, tidak berketerampilan, tidak ada ketahanan diri, mental dan sebagainya. Soalan tambahan saya ialah tidakkah kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan INTAN agar graduan ini diberi latihan dan kursus seperti yang diberi kepada pegawai PTD atau kursus yang berkaitan kerana kalau kita lihat perbandingan, pegawai-pegawai PTD gred 41 ini adalah jauh lebih hebat daripada graduan-graduan yang baru ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih, Dato' Haji Tajul Urus atas soalan tersebut. Sebenarnya itu memang merupakan tanggungjawab universiti-universiti sama ada universiti tempatan ataupun juga universiti luar negara untuk melengkapi graduan-graduan mereka dengan kemahiran-kemahiran atau dengan kebolehan yang diharapkan.

Dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia telah ada banyak perbincangan dengan universiti-universiti tempatan dan saya rasa bangga kerana universiti-universiti tempatan memang mereka sekarang ada sikap yang positif terhadap cadangan Kementerian Sumber Manusia. Sebagai satu contoh, baru-baru ini Universiti Malaya telah mengumumkan bahawa selepas graduan mereka tamat kursus, sebelum mereka keluar, pasti mereka akan diperlukan untuk mengikuti satu kursus khas untuk membolehkan mereka mencari kerja tidak melebihi tempoh satu bulan.

Di antara kebolehan atau kemahiran yang akan disampaikan kepada mereka ialah kebolehan berinteraksi khususnya dalam bahasa Inggeris dan yang berfungsi dalam pasukan dan sebagainya. Kementerian saya yakin sekiranya semua universiti tempatan ada program-program tersebut, tidak ada masalah graduan-graduan kita untuk mencari atau mendapatkan pekerjaan. Sebenarnya, di pasaran pekerjaan di Malaysia ini memang ada banyak tawaran dan kalau siswazah-siswazah kita mempunyai syarat-syarat tersebut, memang mereka akan ditawarkan. Bukan sahaja satu tawaran atau dua tawaran, memang akan ditawarkan empat atau lima *offers* untuk graduan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Tan Bon You.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah graduan merupakan orang harapan kepada ibu bapa dan masyarakat kita, mahupun negara kita. Adakah dengan pengangguran yang begitu tinggi, ia telah menjejaskan nama imej kerajaan kita? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Masalah mencari kerja di kalangan siswazah ini sebenarnya merupakan satu fenomena universal. Ada ramai graduan di negara lain juga menghadapi masalah tersebut. Misalannya di Australia, graduan-graduan yang baru sahaja keluar dari universiti, memang mereka juga menghadapi masalah dari segi mencari kerja. Saya difahamkan antara salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan Australia ialah menasihati mereka yang mengikuti kursus-kursus di dalam universiti juga ambil kursus-kursus dari institut vokasional seperti TAFE supaya apabila mereka mendapat ijazah mereka, mereka juga dapat kelayakan dari universiti TAFE itu yang akan membolehkan mereka mencari kerja.

Itu merupakan satu cadangan yang akan dilaksanakan di Malaysia. Kementerian Sumber Manusia akan terus menghubungi atau mengadakan perbincangan dengan universiti-universiti tempatan supaya kita juga boleh membolehkan siswazah-siswazah kita apabila mereka mengikut universiti-universiti dalam tempoh *weekend* juga mereka juga boleh mengikuti kursus-kursus vokasional agar meningkatkan kebolehan mereka dari segi mencari pekerjaan. Sekian.

12. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha-usaha yang akan diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan jumlah eksport di negara ini akan terus berkembang dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara seperti mana yang dicatatkan baru-baru ini di mana jumlah eksport negara sebanyak 10.5% iaitu RM1.07 trilion pada tahun 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat dan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib bersama memandangkan kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2006, negara telah mencapai prestasi perdagangan luar yang cemerlang dengan jumlah perdagangan mencatatkan sebanyak RM1.07 trilion jumlah eksport. Untuk tahun 2006 adalah sebanyak RM588.9 bilion dan import berjumlah RM480.5 bilion. Peningkatan eksport adalah sebanyak 10.3% dan ini adalah akibat daripada:

- (i) peningkatan permintaan untuk barangan Malaysia daripada pasaran-pasaran utama iaitu Asian, Amerika Syarikat dan China;
- (ii) peningkatan eksport barangan perkilangan sebanyak RM38.6 bilion terutamanya barangan elektrik dan elektronik, keluaran besi, bahan kimia dan produk kimia, keluli dan besi serta produk getah;

- (iii) peningkatan harga barangan komoditi seperti petroleum asli, minyak kelapa sawit dan getah asli; dan
- (iv) pengukuhan daya saing di dalam sektor eksport.

Keupayaan Malaysia untuk memenuhi permintaan global yang tinggi terutama untuk barangan elektronik seperti kamera digital, televisyen, permain MP3, komputer pelbagai fungsi dan telefon bimbit adalah juga faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan jumlah eksport pada tahun 2006. Kementerian telah merangka pelbagai strategi untuk memastikan pertumbuhan eksport negara yang meliputi strategi untuk mencapai sasaran eksport negara yang terkandung di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3)

Antara pelan-pelan tindakan yang telah dirangka untuk pelaksanaan ialah:

- I. mempromosikan eksport sektor pembuatan ke pasaran sasaran melalui:
 - (a) pemadanan produk yang dipromosikan dengan pasaran yang bersesuaian;
 - (b) peningkatan daya saing produk dan perkhidmatan Malaysia;
 - (c) meningkatkan pembangunan peluang pengeksport melalui kepelbagaian pasaran; dan
 - (d) penggunaan pengedaran asing dan *hypermarket* seperti *Carrefour*, *Giant* dan *Tesco* yang beroperasi di Malaysia untuk mengedarkan produk pembuatan Malaysia di luar negara.
- II. membangunkan Malaysia sebagai pembekal utama produk dan perkhidmatan halal dengan penggunaan imej positif produk dan perkhidmatan halal Malaysia di pasaran yang strategik;
- III. mempromosikan perdagangan kenderaan bermotor, alat ganti dan komponen dengan melaksanakan lebih banyak aktiviti promosi di negara-negara eksport yang disasarkan;
- IV. menyokong aktiviti *outsourcing*, dengan izin, dengan memberi panduan serta fasilitasi kepada syarikat-syarikat Malaysia menyertai aktiviti *outsourcing*, dengan izin;
- V. meningkatkan eksport melalui pematuhan terhadap standard antarabangsa dengan menyediakan program bina upaya ataupun *capacity building* termasuk laporan terkini pasaran luar negara;
- VI. memberikan panduan kewangan yang efektif seperti geran pembangunan pasaran untuk membantu usaha para pengeksport untuk mencapai tahap eksport yang lebih tinggi; dan
- VII. mengukuhkan eksport perkhidmatan melalui seperti pemadanan perkhidmatan yang diutamakan dengan pasaran yang bersesuaian dan penambahan bilangan pembekal perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kementerian akan meneruskan aktiviti-aktiviti untuk memperkukuh dan memperluaskan pasaran eksport serta mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran bagi pasaran serantau dan global. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirangka pada tahun 2007 termasuk rombongan galakan perdagangan dan pelaburan, misi pemasaran khas, kemasukan misi belian, penyertaan dalam pameran antarabangsa serta bimbingan dan sokongan dan perdagangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada kementerian atas pencapaian ini dan soalan tambahan saya ialah apakah sumbangan sektor pertanian dalam pencapaian ini dan apakah sasaran sektor pertanian dalam sasaran 2007, juga sasaran jumlah eksport 2007? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya pada masa kini tidak ada maklumat yang berkenaan sebab ini memerlukan notis untuk mendapat angka. Boleh saya sampaikan jawapan ini secara bertulis? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah daripada jumlah perdagangan RM1 trilion tadi itu, lebih banyak disumbangkan sebenarnya oleh syarikat-syarikat multinasional. Saya ingin tahu berapa jumlah yang disumbangkan oleh IKS daripada jumlah RM1 trilion ini dan apa yang sebenarnya yang akan dibuat oleh kementerian untuk menambahkan sumbangan sektor IKS ini kepada perdagangan ataupun eksport negara ini?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, jumlah perdagangan RM1 trilion ini bukanlah sumbangan hanya daripada multinasional. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun kebelakangan ini IKS telah memainkan satu peranan yang begitu penting dalam industri pembuatan dan untuk makluman Yang Berhormat pelaburan kebelakangan ini IKS menyumbangkan sebanyak 60% dari jumlah nilai-nilai pelaburan dan multinasional hanya pelaburan FDI termasuk multinasional hanya menyumbangkan sebanyak 40% sahaja. Jadi, dari segi ini saya rasa jumlah RM1 trilion perdagangan ini merangkumi sumbangan daripada IKS bersama dengan multinasional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bermakna sumbangan daripada IKS itu memang ada dalam jumlah perdagangan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat.

13. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengelakkan golongan muda yang baru memulakan kerjaya menjadi bankrap kerana penggunaan kad kredit; dan
- (b) berapa ramaikah daripada golongan muda ini yang terlibat sepanjang tahun 2006 mengikut bangsa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah untuk menetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara supaya kad kredit ini hanya diberikan kepada golongan muda yang tidak kurang umurnya daripada 21 tahun. Hanya 21 tahun ke atas sahaja yang boleh menerima kad kredit.

Pada masa yang sama, pemohon kad kredit ini mestilah juga mempunyai pendapatan paling kurang RM1,500 sebulan ataupun RM18,000 setahun. Ketiganya, pengeluar kad kredit mestilah merujuk kepada maklumat CCRIS yang diadakan oleh Bank Negara Malaysia untuk menilai kedudukan kewangan bakal-bakal pemegang kad kredit ini. Ini bermakna walaupun pendapatan mereka sudah melebihi RM1,500 sebulan tetapi sudah mempunyai tanggungan pinjaman yang berbentuk lain yang mana mungkin pembiayaan balik pinjaman tersebut akan menyukarkan, maka pengeluar kad kredit tidak akan mengeluarkan kad kredit tersebut.

Sebagai satu perspektif untuk kita melihat masalah ini, di kalangan yang muflis, kalau kita lihat jumlah semua yang muflis di negara kita hanya 9.7% sahaja adalah merupakan muflis yang disebabkan oleh kredit kad. Ini bermakna 91% lagi muflisnya oleh sebab-sebab lain, bukan kredit kad sebagai satu perspektif. Kalau dikira pemegang kad kredit yang berjumlah 2.5 juta orang, ramai jugalah, yang hanya muflis setakat ini hanya merangkumi 0.7%, kurang satu peratus iaitu yang berjumlah 1,656 orang.

Memanglah yang mufliis kita tidak suka walaupun tidak ramai tetapi dari segi perspektifnya yang disebabkan oleh kad kredit ini tidaklah sebesar yang disebabkan oleh yang lain-lainnya. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang dipanggil AKPK yang telah memulakan operasinya pada bulan April 2006 untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling, kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula pinjaman kepada individu termasuk yang disebabkan oleh kad kredit sekiranya diperlukan oleh mereka ini. Pada tahun 2006, sejumlah 1,588 kes telah dirujuk kepada pusat kaunseling ini dan 809 kes memang yang melibatkan kad kredit. Jadi dari satu sudut kita boleh melihat bagaimana usaha kerajaan khususnya Bank Negara untuk membantu mereka yang menghadapi masalah pembayaran balik kad kredit ini dengan adanya Agensi Kaunseling ini untuk cuba menyelesaikan. Jadi mereka ini tidak dikenakan kes mahkamah sehingga membawa kepada *bankruptcy*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Salim.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, mungkinkah kaedah kad debit boleh digunakan sebagai satu lesen sebelum diberikan kad kredit untuk mengajar anak-anak muda kita tentang kegunaan kad kredit? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ini adalah satu cadangan yang cukup baik. Baru-baru ini Kementerian Kewangan telah mengadakan mesyuarat dengan semua ketua-ketua eksekutif bank-bank perdagangan Malaysia di Kementerian Kewangan untuk membincangkan khusus mengenai kad kredit ini. Jadi sekali gus menunjukkan apa pun statistik yang diberikan ini, Kementerian Kewangan cukup prihatin dan mengkaji bagaimanakah masalah-masalah ini dapat dikurangkan lagi dan dapat diminimumkan lagi. Salah satu keputusan yang dibuat oleh Menteri Kewangan Kedua yang mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah supaya dikeluarkan lebih banyak kad debit daripada kad kredit supaya ini dapat mengawal lagi tabiat berbelanja secara berlebihan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada mereka yang telah dibankrapkan ketika muda ini akan terus disenaraihitamkan sepanjang hayat mereka ataupun mereka boleh dibenarkan semula menggunakan kad kredit setelah menyelesaikan mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bagi mereka yang pernah dikenakan status *bankruptcy* ini, keutamaan mereka seharusnya menyelesaikan masalah kebangkrutan ini. Tidak cuba untuk mendapatkan kredit kad semula. Itu sepatutnya tidak menjadi keutamaan merekalah. Jadi saya percaya agensi kaunseling ini akan cuba kerana kita sedar bahawa mereka yang bankrap pada peringkat awal ini mempunyai masa depan yang jauh dan kalau tidak dibantu, masa depan yang panjang ini tentunya merupakan masa depan yang malap. Jadi kita cuba menyelesaikan masalah mereka. Soal mereka nak dapat kredit kad atau tidak kemudiannya, saya rasa Yang Berhormat tidak perlu bimbang sangatlah. Mudah-mudahan *once beaten, twice shy* dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Siw Chun a/p Eam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat ini berapakah bilangan golongan muda yang menyalahgunakan kad kredit sehingga disenaraihitamkan dan apakah langkah-langkah kawalan bagi bank-bank yang mempromosikan kad kredit secara agresif yang berleluasa di pusat membeli belah dengan menawarkan berbagai-bagai-bagai keistimewaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini juga soalan yang baik kerana ini merupakan juga satu perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat di antara Kementerian Kewangan dengan bank-bank perdagangan baru ini. Ini kerana kita bimbang dengan usaha yang berlebihan yang dilakukan di pusat-pusat membeli belah, bahkan di lapangan terbang sendiri kalau kita mahu masuk ke *gate* itu kita dapati sentiasa menolak-nolak kredit kad kepada kita.

Walaupun kita sudah bagi tahu mereka kita sudah ada banyak, bahkan ada juga pegawai ketua eksekutif bank yang menyatakan mereka selaku CEO bank juga dikerumuni oleh mereka yang ingin menjual kredit kad ataupun memberi kredit kad kepada mereka. Sebenarnya yang berkeliaran tersebut bukan merupakan pegawai-pegawai bank. Ini merupakan syarikat-syarikat swasta yang di*outsourced* oleh bank untuk mencari pelanggan-pelanggan yang bakal menjadi pengguna kredit kad ini.

Jadi apabila syarikat swasta yang berbuat demikian sudah tentu dia hendak dapatkan banyak komisen ataupun pendapatan yang diperoleh oleh syarikat swasta ini sudah tentu bergantung pada berapa banyak yang akhirnya mendapat kad. Kita dimaklumkan dalam mesyuarat dengan ketua-ketua eksekutif tersebut bahawa boleh dikatakan hanya 10% daripada apa yang dihantar oleh syarikat-syarikat swasta yang di*outsourced* ini diluluskan.

Ini bermakna walaupun mereka ini agak agresif, *exuberant* dengan izin, tetapi tidak semua yang diisikan borang oleh mereka ini diberikan kelulusan untuk mendapat kredit kad. Bermaknanya kawalan itu masih ada tetapi kita sedar bahawa tindak tanduk mereka ini agak agresif dan kadang kala tidak menyenangkan rakyat. Jadi kita minta kepada bank-bank supaya mereka tidak lagi ataupun mengawal usaha seperti ini tidak menjadi satu *nuisance* dengan izin kepada masyarakat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat, di atas maklumat-maklumat berkenaan dengan kredit kad. Silakan, Tuan M. Munusamy.

14. Tuan M. Munusamy minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) statistik universiti swasta tempatan yang diiktiraf oleh kementerian; dan
- (b) statistik kolej-kolej swasta tempatan yang diiktiraf oleh kementerian.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data pada 31 Disember tahun 2006, jumlah IPTS yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah sebanyak 515 buah iaitu 33 buah bertaraf universiti manakala 482 buah lagi merupakan IPTS bukan bertaraf universiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua IPTS yang ditubuhkan sesungguhnya perlu mendapat kelulusan penubuhan dan juga kelulusan untuk menawarkan khusus daripada kementerian ini sebelum dibenarkan beroperasi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain 515 institusi yang telah diiktiraf, adakah institusi-institusi lain yang tidak mendapat kebenaran daripada kementerian? Jika ada statistik kita hendak tahu dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memantau ataupun menghalang mereka beroperasi? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya seperti mana yang saya sebut tadi, hanya IPTS yang telah pun mendapat kelulusan dari kementerian ini sahaja yang akan dibenarkan menawarkan program-program pengajian kepada pelajar-pelajar, baik pelajar tempatan mahu pun pelajar dari seberang laut. Kiranya Yang Berhormat menyentuh tentang institusi yang lain misal kata akademi yang lain, yang bukan berupa IPTS ianya bukanlah dalam rangkuman bidang kuasa kementerian ini.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai unit khas bagi memantau perkembangan dari semasa ke semasa dan meletakkan usaha memperketat syarat kemasukan guru-guru dan juga kakitangan di universiti ataupun kolej swasta tempatan yang diiktiraf oleh kementerian demi keselamatan pelajar itu terjamin? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam menyentuh satu bidang yang khusus iaitu perguruan. Sebenarnya seperti mana yang kita sedia maklum bahawa sekarang ini pemohon-pemohon kita yang ingin hendak memasuki ataupun mengikuti program pengajian dalam bidang perguruan, kenalah disenarai pendek terlebih dahulu sebelum ditemu duga, sebelum mereka ini ditawarkan

program yang berkenaan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat maksudkan ini ataupun ada yang lain yang hendak disoal.

Puan Siw Chun a/p Eam: Kakitangan-kakitangan seperti *security guard* yang berlaku dalam masa terdekat ini, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu agak terkeluar dari soalan asal. Walaupun demikian suka saya hendak jawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang pernah saya menyatakan dalam sidang akhbar kebelakangan ini, berikutan berlakunya beberapa peristiwa ataupun kejadian yang dimaksudkan. Sesungguhnya soal sekuriti ataupun keselamatan dalam kampus adalah bulat-bulat di bawah bidang kuasa IPT yang berkenaan, baik IPTA mahupun IPTS. Tetapi, kalaulah Yang Berhormat menyentuh tentang kemudahan ataupun fasiliti yang disediakan oleh sesebuah IPT itu, maka ianya adalah merupakan salah satu kriteria kayu pengukur yang diambil kira apabila sesebuah IPT itu diberi pendaftaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini. Dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.” Sekian, terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya ialah bahawa satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.06 tgh.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muhibah. Saya, Dato' Kamarudin bin Ambok memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Persidangan Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas pada 19 Mac 2007. Saya juga bersyukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan dan penghormatan untuk membawa usul ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik semula selaku Timbalan Yang di-Pertua untuk tiga tahun akan datang. Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah seperti berikut:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas”.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan hari ini ianya memberi satu makna yang tersendiri di mana tahun ini tepat pada tanggal 31 Ogos nanti, maka genaplah negara mencapai kemerdekaan yang ke-50 tahun. Di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang disokong rakyat jelata di pelosok negara. Rakyat berterusan menyokong kerajaan Barisan Nasional dengan memberi kemenangan pilihan raya kecil di DUN Kuala Berang Terengganu, di DUN Pengkalan Pasir Kelantan, DUN Batu Talam di Pahang, di DUN Machap Melaka dan yang terakhir di DUN Ijok Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Ini bererti memberi makna yang amat jelas sekali bahawa rakyat merasakan kerajaan Barisan Nasional adalah satu-satunya kerajaan yang dapat membela nasib rakyat dan juga kerajaan yang adil serta saksama bagi semua kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Yang dipertua Agong dalam usia 45 tahun Baginda adalah di antara pemerintah yang paling muda serta cergas. Baginda juga berlatar belakangkan ahli sukan dan amat menggemari acara sukan berkuda. Jika tidak kerana masyhurkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada 13 Disember tahun 2006 yang lalu, sudah tentu Baginda sudah menjadi seorang atlet sukan berkuda mewakili sukan Asia DOHA pada tahun 2005.

Rakyat jelata sungguh berkeyakinan Tuanku akan mengetuai pemerintahan negara yang terbilang dan pasti disayangi oleh rakyat jelata. Pengalaman Tuanku yang luas selaku Sultan Terengganu sejak usia 38 tahun dan menjadikan Tuanku penuh matang dan bijaksana untuk mengetuai pemerintahan negara kita yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Titah Tuanku Baginda telah menyentuh pelbagai aspek. Antara aspeknya ialah kemerdekaan negara ke-50 tahun, menyentuh Rancangan Malaysia Ke-9, maju negara bagi Wawasan 2020, pencapaian ekonomi negara berdasarkan pertunjuk indeks bursa saham yang mencecah paras 1300 mata pada bulan yang lalu, sektor industri makanan halal bagi mencapai teras utama Misi Nasional, sektor industri perkhidmatan kewangan Islam, meningkatkan pembangunan sektor pendidikan yang telah dilancarkan bagi membantu merealisasikan teras kedua Misi Nasional, serta usaha merangsang penyelidikan dan inovasi.

Menyentuh tentang kesihatan, menyentuh tentang pelancongan, menyentuh tentang pertanian teknologi tinggi, pembangunan modal insan meliputi aspek penyelidikan dan kemahiran, kesaksamaan gender, membasmi kemiskinan dan tidak keseimbangan sosioekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelancaran Rancangan Pembangunan Wilayah Iskandar di Selatan Johor, Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Pantai Timur, Wilayah Pembangunan Ekonomi Sabah, dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Sarawak, rakyat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih makmur di bawah naungan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga bertitah mengenai penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan yang berkaitan perjalanan tadbir urus kerajaan dan urusan berkaitan dengan pemantapan ekonomi negara. Baginda seterusnya menyentuh persoalan integriti dalam negara, Baginda menyentuh mengenai banjir yang melanda di Selatan tanah air, di negeri Pantai Timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Jumlah mangsa yang terlibat adalah 184,868 mangsa pada 17 Disember tahun 2006 dan 137,522 mangsa pada 11 Januari 2007, anggaran kemusnahan kurang lebih 1.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Tuanku memuji tindakan pantas kerajaan Barisan Nasional membantu mangsa banjir. Tuanku juga memuji sikap rakyat yang prihatin dengan menghulur derma dan bantuan sama ada pihak individu, syarikat swasta, dan syarikat milik kerajaan Barisan Nasional, badan berkanun, dengan jumlah sumbangan terkumpul 145.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga bertitah agar keseluruhan kaum di dalam negara ini hidup saling hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain. Setakat ini Tuanku sukacita dengan kerajaan Barisan Nasional yang dapat memastikan perpaduan antara kaum terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sikap Baginda yang sangat prihatin pada peri pentingnya perpaduan antara kaum, pendidikan, urus tadbir kerajaan, sosioekonomi serta hala tuju negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Ia menunjukkan Tuanku benar-benar penuh yakin percaya kepada komitmen dan prestasi kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kita semua sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersyukur kini Malaysia hampir mencapai usia 50 tahun merdeka di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional, di pimpin oleh lima Perdana Menteri:

- (i) Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, memimpin sehingga 13 Mei 1969;
- (ii) Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein sehingga 1976;
- (iii) Allahyarham Tun Hussein Onn sehingga 1981;
- (iv) Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamed hingga Oktober 2003; dan
- (v) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sejak Oktober 2003 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru berusia 50 tahun merdeka, negara kita merupakan antara negara membangun yang berdaya maju. Ini jelas daripada kajian statistik di 144 negara pada tahun ini iaitu tahun 2007 Malaysia mencapai *ranking* ke-34, iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.5%, pendapatan per kapita USD12,700, imbalan dagangan USD17,860 dan pengangguran 3.5%, kalau dibandingkan pengangguran di *United States* adalah 4.8% dan di Jerman 12.4%. Kajian statistik ini adalah data gabungan beberapa badan utama seperti *Heritage Foundation*, *World Economic Forum*, *World Bank*, *Transparency International*, *Freedom House*, *Deloitte Tax*, *US Chamber of Commerce* and *Central Intelligence*.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian banjir tempoh hari mengikut kajian ianya berpunca daripada peningkatan mendadak taburan hujan ekoran kesan pemanasan global dan ketika ini menyebabkan semua cuaca dan iklim dunia berubah. Ini adalah disebabkan aktiviti pembangunan manusia yang cenderung kepada penghasilan gas karbon dioksida (CO₂) yang berlebihan tanpa kawalan menyebabkan suhu dunia meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengharapkan semua agensi kerajaan terutama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengaliran dan Saliran, pihak berkuasa tempatan hendaklah merangka strategi dan seterusnya melaksanakan dasar yang lebih efektif bagi menangani isu trend iklim pemanasan global serta merancang satu sistem pengaliran dan saliran yang lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, kajian kepadatan penduduk bagi setiap ekar tanah dan jumlah isi padu maksimum kumbahan hendaklah diambil kira dalam melaksanakan semua rancangan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini kalau dilihat di semua sungai-sungai di negara kita keseluruhannya sangat teruk, ianya jadi tempat pembuangan sampah, bahan-bahan kimia industri, najis, kerusi-kerusi buruk, rangka kereta yang buruk, tayar-tayar yang tidak dipakai, kadang-kadang mayat dan lain-lain. Boleh dikatakan kesemua bahan yang tidak diperlukan oleh manusia semuanya dicampak ke dalam sungai. Akhirnya, dulu sungai boleh kita minum airnya, mandi-manda tetapi kini sungai tidak sebersih seperti dahulu. Ini adalah disebabkan perangai buruk sebahagian rakyat Malaysia yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Selepas itu, mereka kompelin ke media cetak dan elektronik serta menyalahkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan menjadi pembangkang yang hanya tahu kompelin tetapi tidak bersama-sama kerajaan untuk menangani isu pencemaran sungai ini. Tuan Yang di-Pertua, sempena Jubli Emas kemerdekaan negara ini, saya menyeru pihak parti pembangkang untuk sama-sama menggembleng tenaga, buah fikiran dan sokongan padu kepada kerajaan bagi menangani isu alam sekitar yang merupakan isu pokok bagi setiap warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kawalan juga harus dibuat berterusan secara agresif terhadap kilang-kilang yang tidak bertanggungjawab melepaskan asap hitam. Sebagai contoh kilang kelapa sawit dan kilang kayu yang mengeluarkan asap hitam daripada pembakaran bahan bakar pepejal, *solid fuel* melalui *chimney* atau serombong asap dari alat pembakar seperti dandang stim dan *thermal oil* kita. Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bercadang untuk mengenakan saman pelanggaran yang maksimum kepada mereka yang menyalahi peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1970?

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta pihak kementerian mengeluarkan statistik terkini jumlah kompaun dan kes mahkamah yang direkodkan oleh kementerian di dalam tempoh tiga tahun ke belakang. Manakala perihal jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar ini, adakah pihak kementerian mengambil kira pengambilan di kalangan golongan profesional di dalam bidang kejuruteraan persekitaran, biologi, sains samudera, kejuruteraan kimia, aeroangkasa serta perancang bandar dan desa atau lain-lain bidang yang difikirkan bersesuaian? Dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1970, saya minta pihak kementerian mengeluarkan statistik terkini sumber manusia yang berada di jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar apakah benar ianya satu sahaja tempat pelupusan sisa bahan kimia berjadual (*schedule waste*) di Semenanjung Malaysia? Jika benar, apakah pihak kementerian bercadang untuk menambah bilangan loji pelupusan dan setakat ini berapa besarkah kapasiti loji pelupusan sisa bahan kimia ini dan adakah ia boleh menampung jumlah sisa buangan kimia di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui bagaimana pula bentuk sistem pengangkutan dari negeri ke negeri ke loji pelupusan tersebut? Seterusnya, adakah pihak kementerian mengeluarkan permit kepada pengusaha pengangkut bahan kimia ini dan berapakah bilangan permit mengikut negeri yang telah kementerian keluarkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang melancarkan pada 13 April 2007 3C – CCC (*Certificate of Completion and Compliance*) bagi menggantikan sistem pengeluaran CF (Sijil Layak Menduduki) bagi sesebuah rancangan pembangunan perumahan dan bangunan komersial di setiap pentadbiran kerajaan tempatan. Dengan 3C ini, kerajaan dapat memantapkan pentadbiran PBT dalam menguruskan pembangunan infrastruktur di setiap kawasan bagi pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula pengurusan sisa pepejal yang tidak kurang pentingnya. Kuantiti buangan sisa pepejal bertambah hari demi hari menjadikan jumlah sisa ini semakin tidak terkawal. Dalam hal ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan PBT perlu mencari formula menyelesaikan masalah sisa pepejal ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dengar dan tahu teknologi *incinerator* adalah satu sistem pengurusan sisa pepejal yang paling berkesan dan efektif. Ianya diguna pakai oleh banyak negara maju. Dengan itu, saya meminta pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat ini apakah dasar perancangan kementerian untuk menyelesaikan isu sisa pepejal ini? Oleh itu, semasa kini apakah bentuk teknologi yang diguna pakai bagi melupuskan sisa pepejal?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih ke Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK). Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006, telah diluluskan oleh Parlimen. Kementerian juga telah melantik anggota-anggota Suruhanjaya untuk memantau operasi syarikat-syarikat konsesi bekalan air di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari 2006, tarif air di Lembah Kelang telah dinaikkan kepada RM1.39 per meter padu oleh pemegang konsesi penswastan air SYABAS. Ketika ini di Lembah Kelang, kami masih menerima kualiti air yang masih rendah mutunya iaitu yang berkeladak. Pada masa yang sama, kebanyakan penduduk di Lembah Kelang terpaksa membeli *pre-filter* bagi mendapatkan air yang berkualiti. Apakah wajar kenaikan tarif ini sedangkan kualiti air yang dibekalkan berada di takuk lama?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu pula pada tahun 2009 tarif air akan dinaikkan lagi pada kadar RM1.90 per meter padu. Jika benar akan berlakunya kenaikan tarif ini, saya minta pihak Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dan anggota suruhanjaya memastikan kelulusan kenaikan tarif diluluskan selepas pemegang konsesi ini telah dapat meningkatkan kualiti bekalan air dan tidak berkeladak lagi. Saya juga ingin mengetahui apakah status pelaksanaan program penggantian paip lama yang menyebabkan air berkeladak?

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon beralih kepada Kementerian Sumber Manusia. Akta Kilang dan Jentera 1967 telah pun dipinda pada tahun lalu. Di dalam pindaan peruntukan akta ini, Menteri Sumber Manusia mempunyai kuasa bagi melantik agen pemeriksa kilang dan jentera atau *license inspector* bagi pihak kerajaan melalui satu proses penswastan. Dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian setakat ini adakah pelantikan ini telah dibuat ataupun belum? Jika belum, harapan saya dan rakyat agar ianya dibuat secara tender terbuka dan telus bagi memastikan penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera 1967 lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemalangan maut di sektor pembinaan di Wilayah Persekutuan setakat ini, Mac 2007 - jumlah kes kematian di tapak bina ialah seramai 12 orang. Dalam hal ini, apakah bentuk tindakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) mengikut peruntukan akta sedia ada dan langkah pencegahan bagi membendung kes kemalangan maut di tapak bina? Selanjutnya, berapakah kes-kes yang melibatkan kemalangan di tapak bina di bawa ke mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini terdapat banyak kes kemalangan industri sebagai contoh kemalangan yang melibatkan mesin angkat iaitu kren. Pada bulan April 2007, seorang remaja meninggal dunia apabila dia terlibat dengan kemalangan dengan kren jenis *sky lift* semasa menjalankan kerja-kerja menukar lampu jalan di Seberang Perai.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan utama yang ingin dikemukakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengelakkan kemalangan ini tidak berulang? Adakah kemalangan ini salah satu sebab mungkin bersabit di atas kecuai dalam pengendalian kren atau disebabkan tidak memahami manual operasi serta keliru dengan tanda punat kawalan yang dalam bahasa asal pembuat kren yang kebiasaannya kren ini diimport daripada Jepun, Korea, Taiwan, China, Jerman dan Itali?

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar semua jentera yang diimport dari negara-negara ini diwajibkan manual operasinya diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris termasuk semua terjemahan bahasa pada punat pengawalan jentera tersebut bagi menangani salah satu sebab punca kemalangan maut berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai kementerian yang sama mengenai keselamatan lif-lif penumpang. Kalau kita tengok kebanyakan lif-lif penumpang di perumahan awam banyak yang rosak oleh sebab vandalisme. Saya mencadangkan pembekal lif untuk memasang *built in camera* dengan izin CCTV untuk menangani masalah vandalisme ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Mengenai Pelan Induk Pendidikan Nasional 2006/2010 bagi visi mengukuhkan sistem pendidikan negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tahniah saya ucapkan di atas usaha kementerian merangka pelan induk ini. Di dalam pelan tersebut terdapat rancangan bagi penambahbaikan sistem pendidikan negara bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berdaya maju, saya ingin mengemukakan persoalan kepada pihak kementerian berhubung dengan perbezaan antara sekolah kluster dan sekolah bestari. Adakah sekolah bestari ini tidak berjaya? Apakah dengan sekolah kluster ini, sekolah bestari akan dimansuhkan? Jadi saya mahu kementerian memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai isu ini.

Peranan guru amat besar dalam mendidik anak bangsa termasuk kita semua dan para pemimpin negara. Jasa golongan ini iaitu guru dari kita tak kenal huruf kepada kenal huruf dan tak tahu membaca hingga pandai membaca. Jumlah guru ketika ini adalah lebih kurang 286,450 orang. Setahu saya persatuan guru bertegas tidak bersetuju cadangan Kementerian Pelajaran untuk menempatkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) memasuki Jabatan Pendidikan Negeri. Mereka tidak bersetuju kerana apabila PTD masuk ke JPN ia akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat guru kerana guru ini tidak banyak tempat boleh pergi. Kalau pegawai PTD boleh pergi menguasai daripada bayi yang lahir di mana dia kontrol *duty roster* doktor sampai ke mati menentukan di mana kubur. Jadi guru ini tidak ada tempat. Kenaikan pangkatnya ke Jabatan Pendidikan Negeri. Kalau ini pun hendak diambil, sangat malanglah buat guru-guru ini.

Dengan ini saya minta pihak kementerian supaya mengkaji semula keputusan yang tidak popular ini di kalangan guru iaitu meletakkan Pegawai Tadbir Diplomatik di Jabatan Pendidikan Negeri. Jadi saya minta sangat kepada Menteri Pelajaran untuk mengkaji semula. Kenanglah jasa guru, mereka inilah yang mendidik kita. Kalau zaman kita, anak murid dahulu amat takut kepada guru.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai guru. Saya menyambut baik usaha kementerian memperkasa skim perkhidmatan guru yang mana baru-baru ini JPA telah meluluskan banyak jawatan guru kanan Gred 44 dan ke atas bagi memberi peluang kenaikan pangkat yang lebih luas kepada guru. Saya berharap dengan keputusan ini pihak guru akan berpuas hati seterusnya dapat memberi khidmat bakti bagi melahirkan modal insan kelas pertama sebagaimana matlamat misi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Kewangan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM10 bilion kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad bagi memantapkan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama seperti Lembah Klang, Penang dan Johor Bahru. Mohon kementerian memberitahu Dewan apakah status terkini sambungan *Smart LRT*, *Star* dan Putra di Lembah Klang? Bagaimana pula projek Monorel di Penang dan Johor Bahru?

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap projek pengangkutan awam ini dibuat secara tender terbuka untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pembida-pembida yang layak supaya kos pembinaan monorel ini rendah dan munasabah. Kalau kosnya rendah maka harga tiket pun murah dan rakyat pun gembira. Kita tak mahu perkara yang sama berulang buat kali kedua sebagaimana projek *Star* dan Putra kerajaan akhirnya terpaksa menanggung beban kerugian syarikat konsesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu penggabungan Sime Darby, Kumpulan Guthrie dan Golden Hope di bawah Syarikat Synergy Drive Sendirian Berhad. Saya difahamkan kerajaan melalui Synergy Drive Sendirian Berhad ekuiti kerajaan melalui PNB sebanyak 45%. Inilah penggabungan korporat yang paling besar di Malaysia yang mana melibatkan tiga konglomerat terbesar dan bakal menjadi satu entiti baru korporat milik kerajaan. Kita tidak mahu apabila selesai penggabungan ini akan ada kebajikan pekerja dan tidak ada jaminan terhadap mereka.

Kita tidak mahu episod penggabungan bank menyebabkan ramai pekerja hilang pekerjaan dan seperkara lagi yang ingin saya ingatkan kita amat bersetuju dan menyambut baik syarikat daripada Malaysia telah menjadi syarikat besar dan bertaraf dunia tetapi kita minta pihak pengurusan dan pekerja bawahan menjaga tadbir urus yang baik, *good governors*. Pengurusan risiko minimum dan pematuhan kepada perundangan. Jangan terjadi seperti syarikat yang kita selalu sebut di Dewan ini pada suatu masa dulu ialah syarikat MAS, Perwaja, Renong. Sebelum ini kalau peringkat internasional seperti skandal Enron dan *world dot com*. Kesemua organisasi syarikat ini lingkup kerana disebabkan tadbir urus korporat yang tidak terkawal. Pengurusan risiko yang lemah dan ketidakpatuhan kepada perundangan korporat.

Dengan itu saya berharap kementerian mewujudkan satu badan kawal selia bebas yang akan melakukan pemantauan secara berkala operasi syarikat ini. Kita senantiasanya mendoakan dan berharap agar suatu hari nanti syarikat ini berkembang maju ke persada dunia dan mengambil alih ladang-ladang anggur di Eropah dan mengambil alih ladang kurma di *middle east* dan ladang kacang soya di Amerika dan ladang teh di India dapat dimiliki oleh syarikat yang kita akan banggakan iaitu *Synergy Drive* Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, PROTON (Perusahaan Automobil Nasional) merupakan industri automatif negara kita yang memerlukan sumbangan dan sokongan kerajaan serta rakyat untuk memastikan *survival* PROTON.

Bagi menyokong industri pembuatan automotif negara, kerajaan telah melaksanakan dasar penggunaan kereta nasional sebagai kereta rasmi kerajaan. Kerana menteri, Timbalan Perdana Menteri, Jemaah Kabinet dan pengurusan kanan kerajaan menggunakan kereta nasional. Kita amat berbangga kerana kerajaan mengamalkan dasar ini sebagai contoh teladan kepada orang ramai untuk menggunakan kereta jenama Malaysia. Bagaimana pula di kalangan syarikat-syarikat milik kerajaan yang tidak menggunakan kereta nasional tapi telah menggunakan kereta seperti Mercedes, BMW, Volvo sebagai kereta rasmi syarikat? Jadi kita minta Kementerian Kewangan memberi nasihat kepada pihak berkenaan untuk menggunakan kereta nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam merencanakan kajian penyelidikan dan inovasi teknologi baru bagi memastikan Misi Nasional Negara mencapai matlamat. Dengan teknologi inovasi ini perkembangan ekonomi negara akan lebih dinamik. Adalah dicadangkan supaya kerajaan melihat isu inovasi teknologi ini dijadikan sebahagian daripada polisi semasa membuat rancangan perolehan aset kerajaan di setiap kementerian dan jabatan kerajaan.

Fokus utama perlu diberi dalam pemberian geran IRPA (*Intensive Research in Priority Area*), Tabung Penyelidikan Bidang Keutamaan kepada para penyelidik. Geran ini perlu dikawal selia secara telus dan berkesan. Terdapat tujuh bidang utama yang kerajaan perlu tekankan iaitu bahan termaju (*advance material*), biosains dan penjagaan kesihatan (*health care*), reka bentuk kejuruteraan dan teknologi pembuatan, kejuruteraan elektronik dan photonic, penerokaan teknologi tenaga baru, *aerospace environmental*, *maritime technology*, *information communication* (ICT).

Oleh yang demikian ada penyelidik seperti pensyarah universiti yang ada PhD, janganlah tumpu kepada inovasi teknologi yang tidak boleh jual kepada pasaran. Contohnya mesin cucuk sate, lemang dalam bekas *stencil steel* dan mesin rempeyek, ini benda yang tidak boleh dipasarkan dalam Malaysia dan juga luar negara. Mereka hendaklah membuat penyelidikan inovasi baru yang boleh di komersialkan dan mempunyai pasaran besar dalam negara dan luar negara. Dengan inovasi ini ekonomi negara akan dapat ditingkatkan sejajar dengan teknologi inovasi yang dijana oleh penyelidik tempatan. Selain daripada itu kementerian perlu mengadakan jaringan usaha sama dengan badan standard dunia seperti ASME (*American Society of Mechanical Engineers*), *American National Standard of Institute* (ANSI), *British Standard*, *European Standard*, *Japan Institute of Technology* dan lain-lain badan dunia yang memperkasakan bidang inovasi negara yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua yang terakhir, saya memohon beralih kepada isu tambahan kepada PBT di Lembah Klang. Pada masa kini di Lembah Klang wujud trend di mana terdapat banyak pasar larut malam. Malam meniaga sampai larut pagi. Pihak PBT di Lembah Klang telah meluluskan operasi pasar ini daripada 10:00 malam hingga 4:00 pagi. Apakah rasional hendak buka pasar larut malam ini? Pada pendapat saya banyak buruk daripada yang baik. Minta supaya pasar larut malam ini ditukar kepada pasar malam sahaja yang dibuka daripada 5:00 petang hingga 10:00 malam seperti mana perniagaan di Petaling Street. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat sekarang saya minta Yang Berhormat bagi Puan Heng Seai Kie untuk menyokong dan berucap.

12.47 tgh.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya Puan Heng Seai Kie bangun untuk menyokong usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas. Menjunjung kasih dan kesyukuran, saya bersyukur dan junjung kasih kerana telah diberi kesempatan dan penghormatan untuk menjadi penyokong kepada usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah seperti berikut. Tahun ini negara kita akan meraikan kemerdekaannya yang ke-50. Selama 50 tahun ini pelbagai rintangan telah kita harungi demi memelihara perpaduan di negara kecil yang tercinta ini. Usaha kita sentiasa dicabar tetapi yang penting sekali kita kekalkan keharmonian dan kemakmuran. Keharmonian dan kemakmuran dapat kita kekalkan kerana kita mempunyai satu dokumen yang paling mustahak. Satu simbol atau asas perjanjian dan kepatuhan kita semua iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Satu Perlembagaan yang kita junjung dan patuhi sebagai undang-undang tertinggi di negara ini. Ia juga merupakan rangka jiwa kebangsaan yang dibentuk berasaskan tiga prinsip utama iaitu masyarakat majmuk, kesatuan daripada pelbagai dan keadilan untuk semua.

Bagi majoriti masyarakat, keadilan adalah satu konsep yang unggul. Ia merupakan satu piawaian pengukuran terhadap seseorang atau sesuatu perkara secara moral dan ideal. Keadilan dianggap utama kerana ia dapat mengharmonikan institusi-institusi sosial dengan mempelbagaikan peranan konsep kebenaran dalam satu sistem pemikiran. Walau bagaimanapun ada pula yang berpendapat bahawa keadilan belum pernah dan tidak boleh dicapai. Ini bermaksud keadilan mungkin berpunca dari keharmonian, arahan ketuhanan, undang-undang tabii, undang-undang pemerintah atau pun satu mazhab yang bercabang daripada satu piawaian akhlak yang utama.

Oleh itu apakah asas peranan Perlembagaan Persekutuan kita? Adakah kita menuntut keadilan mutlak dan memberi setiap rakyat kita segala-gala yang menjadi haknya? Kalaulah begitu ia bermaksud kita perlu memaksimumkan kebajikan untuk semua. Persoalannya ialah adakah kita berazam untuk membentuk sebuah negara kebajikan atau pun sebaliknya? Kita lebih yakin dengan konsep keadilan balasan yang berasaskan pemakaian prosedur undang-undang yang sah serta satu set hukuman yang digunakan secara bijaksana supaya keadilan dapat diberi kepada seseorang yang menuntutnya. Dalam kata yang lain, keadilan dilaksanakan secara berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa semasa kita berjuang untuk kemerdekaan, parti Barisan Nasional telah pun memilih ideologi politik yang berasaskan demokrasi sebagai cara hidup seluruh rakyat kita dan penentu masa depan negara. Pada masa yang sama, Perlembagaan Persekutuan juga ditetapkan sebagai prinsip dan rukun yang menentukan cara dan peraturan bagi kita semua iaitu rakyatnya untuk hidup bersama. Institusi-institusi yang mematuhi prinsip dan rukun ini adalah tertakluk kepada pentadbiran negara supaya keamanan dan keharmonian dapat terus dipelihara.

Biasanya ketidakadilan dikatakan berlaku jika keunggulan tidak dipenuhi. Apabila keunggulan tidak dapat disempurnakan, isu ketidakadilan akan berbangkit dan rakyat berasa mereka telah hilang kawalan ke atas kerajaannya iaitu apa yang disebut *disempowerment* dengan izin. Keunggulan keadilan mungkin boleh dipraktikkan oleh institusi-institusi tetapi keraguan akan timbul dari segi legitimasi prosedur pengkanunan dan pentafsiran undang-undang. Oleh sebab kita memilih cara hidup berdemokrasi, maka soalan-soalan ini adalah terbuka dan akan dilaungkan melalui kotak undi. Untuk ini, saya ingin menyentuh tentang isu berkaitan Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah masyarakat kapitalis di mana tanah merupakan salah satu faktor pengeluaran yang utama. Tanah di luar bandar banyak digunakan untuk pengeluaran makanan manakala tanah di bandar pula menjadi punca menjana kekayaan. Pendeknya sama ada di bandar ataupun di desa, masing-masing telah pun menyumbang kepada pembangunan negara. Seperti juga negara Asia Tenggara yang lain, di Malaysia pemilikan tanah terutamanya yang di bandar menjamin lebih peluang perniagaan dan juga kekayaan. Berhubung perkara ini, seksyen 340 Kanun Tanah Negara telah memberi jaminan bahawa pemilik tanah mempunyai hak ke tidak boleh sangkalan.

Walaupun bagaimanapun Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa segala urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam konteks ini, KTN membenarkan pihak berkuasa negeri memberi milik kepada pihak-pihak yang tertentu sama ada secara *freehold* dengan izin ataupun secara pajakan. Bagi kes pajakan adalah munasabah bahawa syarat-syarat tertentu mestilah dipenuhi sebelum pihak berkuasa negeri boleh meluluskan suatu permohonan pindah milik ataupun gadaian. Ini adalah tindakan perlu bagi memastikan tanah yang tersebut tidak akan dipindah milik atau digadaikan sewenang-wenangnya.

Polisi ini adalah penting untuk memberi perlindungan kepada penduduk tempatan agar hak milik tanah di tanah air terus dapat dipelihara dan tidak jatuh ke tangan warganegara asing. Walau bagaimanapun, proses urbanisasi telah memberi tekanan kepada penggunaan tanah yang membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti sesakan lalu lintas dan harga hartanah yang terlalu tinggi sehingga di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah. Keadaan ini bertambah merunsingkan apabila rakyat dibebani dengan birokrasi, proses transaksi yang rumit dan kes pemalsuan.

Untuk ini, saya ingin menyentuh tentang kes pemalsuan dalam transaksi tanah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah memandang serius terhadap pindah milik tanah dan lanjutan tempoh pajakan bagi tanah yang dipajak. Ini penting bagi mengelakkan kesengsaraan dan ketidaktentuan di kalangan pemilik tanah atau *beneficiary*nya. Sekiranya tidak, ia boleh menjadi suatu isu perbahasan semasa pilihan raya akan datang. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya tempoh pajakan tanah dilanjutkan secara automatik selagi premiumnya dibayar. Kadar premiumnya pula haruslah ditentukan berdasarkan kepada tafsiran yang dibuat oleh penilai bebas iaitu *independent valuer* dengan izin dengan berasaskan kadar-kadar standard yang telah ditetapkan.

Penyewa tanah tidak harus dipaksa hidup dalam dilema dan menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa negeri. Di Machap misalnya, sesetengah penyewa tanah telah menunggu selama 10 tahun semata-mata untuk mendapatkan kebenaran bagi melanjutkan tempoh pajakan tanah mereka. Akhirnya kebenaran itu telah mereka peroleh dalam masa seminggu setelah perkara ini dikemukakan kepada Menteri Besar Melaka sendiri semasa pilihan raya kecil diadakan baru-baru ini. Persoalannya ialah jika kebenaran itu boleh diproses dan diluluskan oleh pihak berkuasa dalam masa seminggu, kenapa pula ia harus dilengah-lengahkan sehingga menyengsarakan hidup petani kita.

Selain itu pajakan juga patut disambung dan dilanjutkan berdasarkan syarat yang asal kecuali telah wujud pelan yang konkrit bahawa tanah tersebut perlu diambil balik pihak berkuasa negeri untuk satu tujuan yang mustahak. Sehubungan ini...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bangun. Yang Berhormat hendak bagi laluan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Boleh?

Puan Heng Seai Kie: Bolehkah saya habiskan dahulu? Sehubungan ini, pindaan Polisi Tanah Negeri dan Pelan Pembangunan Induk mestilah telus dan diketahui umum. Polisi-polisi sebegini juga tidak patut sengaja dikategorikan sebagai sulit atas sebab-sebab yang tidak sah. Selain itu, penilaian haruslah dibuat ke atas keberkesanan penggunaan tanah demi mengelakkan penyalahgunaan ataupun sebarang penyelewengan seperti kes yang telah berlaku di Lojing di negeri Kelantan. Selain itu kes pemalsuan urus niaga tanah juga turut harus diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini kes *fraud* atau pemalsuan dalam transaksi tanah telah semakin berleluasa. Walaupun sebahagiannya telah pun diberi penghakiman oleh mahkamah, tetapi masih banyak lagi kes-kes yang masih tergantung dan besar kemungkinan banyak lagi belum dilaporkan ataupun yang lebih serius lagi belum disedari atau diketahui oleh pemilik tanahnya sendiri. Berhubung dengan ini, mengikut petikan akhbar The New Straits Times dengan izin pada 17 Mac 2007, Majlis Peguam Malaysia sendiri telah menegaskan bahawa masalah ini telah pun sampai ke tahap yang amat membimbangkan dan menggesa supaya tindakan pemulihan diambil segera oleh kerajaan bagi menangani masalah ini.

Mengikut laporan ini juga, kebanyakan kes penipuan melibatkan tanah kosong yang lama terbiar, pemilik yang buta huruf ataupun warga tua yang cuai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam kes Boonsom Boonyanit ini yang dihakimkan pada tahun 2001, seorang pemilik *bona fide* iaitu pemilik sebenar boleh kehilangan hak ke tidak boleh sangkalan tanahnya melalui satu instrumen urus niaga yang palsu. Keputusan mahkamah ini telah dikritik dan menimbulkan konfrontasi kerana ia boleh mengakibatkan lebih ramai pemilik-pemilik *bona fide* seperti 'Boonsoom' kehilangan tanah mereka dan menjadi mangsa urus niaga pemalsuan. Sudah tentu keputusan kes ini telah menimbulkan kebimbangan dan kegelisahan di kalangan rakyat jelata terutama sekali mereka yang banyak memiliki tanah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang nanti.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie sila sambung ucapan.

2.33 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyambung usul saya bagi menyokong usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kes Boonsom Boonyanit, kini seseorang pemilik tanah yang menjadi mangsa sesuatu kes pemalsuan akan kehilangan tanah dan segala-galanya tanpa sebarang pampasan. Di samping itu, beliau juga mungkin terpaksa membayar sejumlah kos guaman yang tinggi. Ini jelaslah tidak adil. Menurut prinsip keadilan yang saya sebutkan sebelum ini, peraturan dan hukuman yang berkenaan jelaslah tidak mencukupi untuk menjamin keadilan kepada rakyat sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Masalahnya ialah kelemahan yang ada pada sistem semasa kita sendiri, telah membenarkan hak milik dipindah melalui cara pemalsuan; selagi terdapat bukti bahawa pembeli tanah itu telah membelinya secara ikhlas atau *bona fide*, dengan izin. Maka saya dengan ini, mencadangkan supaya satu skema diwujudkan seperti yang diamalkan di Australia dan di New Zealand untuk memampaskan mangsa-mangsa kes pemalsuan tanah yang telah mengalami kerugian besar kerana sistem perundangan semasa kita. Untuk tujuan ini, pihak-pihak kerajaan negeri haruslah mempertimbangkan untuk menubuhkan sebuah tabung pampasan khas untuk mangsa-mangsa ini. Ini boleh dilaksanakan dengan memperuntukkan sebahagian daripada kutipan yuran pendaftaran urus niaga tanah ke dalam tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memohon izin untuk menyentuh tentang isu tanah kebun di luar bandar. Kepada penduduk luar bandar, tanah merupakan punca mata pencarian mereka. Ia menyokong kehidupan masyarakat luar bandar serta menjadi asas kepada industri *downstream* dengan izin. Sejak saya dilantik sebagai Ahli Dewan ini beberapa bulan yang lalu, saya telah berpeluang untuk membuat lawatan dan berinteraksi dengan komuniti pekebun luar bandar di daerah Kinta, Perak.

Sepanjang lawatan saya, saya telah dimaklumkan dengan pelbagai masalah yang dihadapi mereka. Majoritinya berkenaan dengan isu penerokaan tanah kerajaan negeri tanpa izin, penanaman tidak terkawal yang mengakibatkan kemerosotan harga hasil tanaman serta penggunaan racun serangga yang berlebihan dan ketidakanggupan untuk menghadapi persaingan global. Saya amat pasti bahawa masalah sedemikian juga berlaku di negeri-negeri yang lain.

Selain itu, penggunaan racun serangga yang tidak terkawal yang akhirnya mengakibatkan keracunan sayur-sayuran juga amat membimbangkan kerana kesihatan kita dan anak-anak kita akan terancam jika masalah ini tidak dibendung. Tuan Yang di-Pertua, masalah *illegal farming* dengan izin tidak harus dipandang ringan sekadar masalah pekebun yang berusaha di atas tanah milikan kerajaan. Ini kerana pada hakikatnya, ramai di antara mereka ini pernah memegang hak milik pajakan yang sah sebelum itu.

Apa yang berlaku ialah, apabila tempoh pajakan mereka tamat, mereka pun memohon supaya pajakan dilanjutkan semula. Masalahnya ialah permohonan mereka biasanya tergantung dan kelulusan tidak dapat diperolehi walaupun telah menunggu berpuluh-puluh tahun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesetengah daripada petani ini telah pun bercucuk tanam dan menetap di kawasan tersebut sejak dua atau tiga generasi yang lalu. Di situlah satu-satunya mata pencarian mereka untuk menyara kehidupan seisi keluarga mereka.

Saya juga menyaksikan bahawa kaum pemuda iaitu anak-anak mereka telah pulang ke pangkuan masyarakat kampungnya untuk membantu ibu bapa di kebun, di samping mencari peluang untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian moden sebagaimana yang disarankan oleh polisi nasional kita. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pajakan tanah negeri untuk tujuan sosial politik bukanlah satu isu yang baru. Sejak tahun 1930-an, kebanyakan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah menggazet sebahagian besar tanah yang tertentu untuk dijadikan Tanah Simpanan Melayu. Ia kemudiannya dibahagikan kepada Tanah Simpanan Melayu untuk tujuan pertanian luar bandar dan untuk pembangunan bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka yang digelar pekebun haram ini atau peneroka tanpa izin ini bukanlah berusaha di atas tanah simpanan. Sebaliknya kebanyakan tanah yang diterokai mereka merupakan tanah pasir di sekitar bekas lombong bijih timah yang telah lama terbiar sejak zaman jajahan British kerana tidak subur dan tidak sesuai untuk bercucuk tanam. Atas usaha gigih mereka inilah, tanah pasir yang tidak subur tersebut, telah pun disuburkan melalui program *treatment* dengan izin untuk tanaman sayur. Akan tetapi masa depan mereka ini masih kabur disebabkan polisi tanah dan pelan pembangunan pihak negeri yang tidak jelas ataupun tidak *transparent*.

Yang menyedihkan lagi, mereka boleh disingkirkan keluar bila-bila masa. Walaupun permohonan telah pun dibuat tahun demi tahun. Ada yang mengadu bahawa kerap kali tanah mereka telah diambil alih oleh pegawai pejabat tanah tempatan kepada siapa mereka telah mengemukakan permohonan dan kepadanya juga mereka telah memaklumkan tentang lokasi tanah yang telah diterokai dan harapkan bantuan itu. Tetapi, apa yang berlaku pula bagaikan pepatah Melayu yang berbunyi 'mengharapkan pagar menjaga padi, padi pula dimakan pagar'. Sungguhpun ramai di antara mereka ini telah pun mahir dan berpengalaman...

Tuan Yang di-Pertua: Pepatah, pepatahnya berbunyi, 'Harapkan pagar, pagar makan padi'.

Puan Heng Seai Kie: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maksudnya lebih kurang. [Dewan riuh][Ketawa]. Okey, izinkan saya sambung. Sungguhpun ramai di antara mereka ini telah pun mahir dan berpengalaman di dalam bidang pertanian dan telah banyak melabur untuk menguasai teknologi termoden serta pengetahuan yang terkemas kini. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan telah menyarankan penubuhan TKPM, iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan ataupun *Permanent Food Parks* dengan izin sebagai langkah berkesan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat Malaysia dan generasi-generasi akan datang. Sehubungan dengan itu, saya bercadang supaya konsep TKPM ini diperluaskan ke kawasan-kawasan strategik dan merangkumi pekebun-pekebun tradisional, berbilang kaum dan bangsa. Dengan ini segala kemahiran dan pengalaman boleh dikongsi demi kepentingan bersama melalui amalan bantu-membantu di samping menyumbang ke arah pemupukan keharmonian kaum dan perpaduan negara.

Sebagai insentif, pekebun-pekebun ini haruslah diberi tempoh pajakan yang lebih panjang, contohnya 30 tahun dengan kadar premium yang berpatutan. Walau bagaimanapun, segala syarat dan peraturan berkenaan amalan pertanian yang betul haruslah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa. Contohnya panduan tentang cara penggunaan ubat membunuh serangga dan baja. Selain itu, hasil pengeluaran haruslah melebihi RM3,000.00 sebulan. Sekiranya tidak, pajakan mereka boleh ditarik balik. Syarat-syarat ini adalah penting bagi mengelakkan masalah tanah terbiar di samping mengelakkan masalah di mana tanah itu diusahakan dengan kadar efisiensi yang terlalu rendah.

Saya percaya bahawa jika cadangan ini diguna pakai, ia akan membawa kebaikan-kebaikan seperti berikut:

- (i) menyokong dan memantapkan komuniti pekebun luar bandar;
- (ii) menaikkan kualiti produk luar bandar;
- (iii) menyelesaikan isu masalah tanah yang telah lama tergantung;
dan
- (iv) memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, usul saya yang seterusnya ialah tentang sistem perolehan sektor awam. Seperti yang kita sedia maklum, sistem perolehan yang lengkap dan rapi akan membantu dalam mencapai matlamat pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara yang antaranya tidak lain dan tidak bukan adalah seperti membasmi kemiskinan, melindungi hak kaum minoriti seperti masyarakat orang asli, merapatkan jurang pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan, memperbaiki persekitaran bekerja, membangunkan industri kecil dan sederhana tempatan ataupun memelihara ciptaan dan inovasi tempatan.

Sememangnya kita percaya bahawa kesemua matlamat ini boleh dicapai melalui pelaksanaan polisi perolehan yang baik dan berkesan. Walau bagaimanapun, kecenderungan yang terlalu menekan kepada polisi seperti kuota dan dasar-dasar tertentu, telah mengakibatkan pembaziran sumber, ketidakberkesanan kos, kelewatan dan seterusnya menyulitkan kehidupan rakyat. Misalnya menurut senarai perolehan kerajaan yang terdapat di laman web Perbendaharaan kita, jelas menunjukkan bahawa kontrak perolehan untuk tiga puluh *item* atau lebih termasuklah lampu jalan raya, segala peralatan pembelian kenderaan, servis dan pemeliharaan bas, pembelian perabot plastik, beg, bendera dan barang-barang lain telah diberikan kepada hanya tiga atau empat buah syarikat yang tertentu sahaja. Semua kontrak ini adalah baru dan trend ini hanya bermula dua belas hingga lapan belas bulan yang lalu. Tempoh kontrak bekalan ini adalah di antara lapan belas hingga tiga puluh enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan sistem tender tertutup ini juga boleh diperlihatkan daripada beberapa kes kecacatan bangunan baru kerajaan yang dilaporkan baru-baru ini seperti kebocoran air di Jabatan Imigresen, runtuh siling di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta retakan dinding di Bangunan Mahkamah baru di Jalan Duta baru-baru ini.

Yang lebih mengejutkan pula ialah kontraktor yang berkenaan pula enggan membenarkan pihak kerajaan untuk membuat pemeriksaan ke atas bangunan yang telah dikenal pasti bermasalah ini. Kononnya berpegang kepada peruntukan yang ada dalam perjanjian kontrak mereka. Persoalannya ialah, siapakah kontraktor ini sehinggakan mereka begitu berani berkelakuan ingkar kepada arahan dan mencabar digniti kerajaan? Mengapa pula perkara ini sanggup diterima kerajaan tanpa sebarang tindakan?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Audit Negara tahun 2005, sebanyak tiga puluh tiga buah hospital kerajaan yang didirikan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah dilaksanakan tanpa sebarang tender terbuka. Laporan ini juga menyatakan sebilangan daripada bangunan hospital ini telah didapati tidak menepati syarat ataupun taraf yang dikehendaki serta kurang berkualiti. Perkara ini telah pun disahkan oleh Menteri Kesihatan kita sendiri. Selain itu, Timbalan Menteri Kewangan kita iaitu Tan Sri Nor Mohamed dan Timbalan Ketua Audit Negara Encik Anuar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukan Timbalan Menteri Yang Berhormat... Yang Berhormat Senator Tan Sri Nor Mohamed, Menteri Kewangan...

Puan Heng Seai Kie: Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kedua.

Puan Heng Seai Kie: Timbalan Menteri Kewangan, Tan Sri Mohamed Nor..

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Timbalan Menteri Kewangan.. Menteri Kewangan Kedua... *[Dewan riuh] [Disampuk]*

Puan Heng Seai Kie: Okey, okey. Saya minta maaf, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Mohamed Nor dan Timbalan Ketua Audit Negara, Encik Anuar juga mengakui bahawa majoriti tender kontrak kerajaan telah diberikan kepada kontraktor yang tidak berkemahiran dan kurang kemampuan dari segi kewangan.

Perkara ini turut diakui Perdana Menteri bahawa punca utama berlakunya kecacatan pada projek kerajaan ialah ramai kontraktor bumiputera telah menjualkan...

Datuk Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Minta laluan.

Puan Heng Seai Kie: Tidak diberi...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan atau tidak?

Puan Heng Seai Kie: Saya minta maaf, laluan tidak boleh diberikan. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Tuan Ismail Kassim: Laluan...

Puan Heng Seai Kie: Saya minta maaf sekali lagi, laluan tidak boleh diberikan. [*Ketawa*] Sila benarkan saya untuk habiskan semua usul.

Tuan Yang di-Pertua: Perjalanan sidang dalam Dewan tak ubah seperti kehidupan. Hak wanita, hendak beri laluan atau tidak? [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini turut diakui Perdana Menteri bahawa punca utama berlakunya kecacatan pada projek kerajaan ialah ramai kontraktor bumiputera yang telah menjualkan kontraknya kepada orang lain setelah mendapat tender berkenaan. Persoalannya ialah setelah mengesani kelemahan-kelemahan ini mengapakah kita tidak mengadakan tender secara terbuka?

Mengapakah hanya tiga atau empat buat syarikat tertentu sahaja yang selalu diberikan kontrak? Apakah kriteria pemilihan kontraktor syarikat ini? Siapakah yang akan menentukan penerima dan tempoh kontrak? Adakah kontrak-kontrak ini akan diperbaharui dan dilanjutkan apabila tamat tempohnya nanti? Bagaimanakah pula syarikat-syarikat ini dinilai dari segi pelaksanaan dan penyerahannya? Yang lebih penting lagi, adakah syarikat-syarikat lain boleh dipertimbangkan?

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa menghadkan perolehan sektor awam kepada beberapa syarikat bumiputera sahaja bukanlah strategi berkesan untuk meningkatkan daya saing terutama dalam menghadapi persaingan global. Sekiranya perolehan sektor awam hendak dijadikan peralatan untuk mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi maka kita juga harus membina daya tahannya ataupun yang disebut *resilient*.

Selain itu, jika kuota perlu ditetapkan maka ia haruslah telus, jelas dan dipraktikkan secara saksama. Semua syarikat yang layak haruslah dibenarkan mengakses kepada maklumat sepenuhnya dan seterusnya diberi peluang untuk membuat tawaran. Satu sistem tender awam secara terbuka tanpa sekatan yang berdasarkan harga, iaitu *Unrestricted Public Open Tender Price Preference System* (UOPPS) bagi semua barangan patut diadakan kecuali bagi jenis barangan di bawah perlindungan khas.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat maksudkan kerana Dasar Ekonomi Negara, dulunya Dasar Ekonomi Baru - dasar ekonomi negara yang dikatakan mempunyai strategi serampang dua mata? Jadi, adakah maksud Yang Berhormat, silap-silap kita guna serampang dua mata ini, cucuk kaki sendiri? Apakah itu maksud Yang Berhormat?

Puan Heng Seai Kie: Bukan. Tuan Yang di-Pertua, setelah 30 tahun kita melaksanakan Rancangan Ekonomi Baru sebilangan besar rakyat kita telah pun dilengkapi dengan kemahiran dan kapasiti di pelbagai bidang contohnya di bidang petroleum, industri automobil, telekomunikasi, perbankan dan pengangkutan. Oleh itu, bukanlah semua syarikat bumiputera adalah lemah dan kurang daya saingnya. Sebaliknya pula bukanlah semua syarikat bukan bumiputera kuat dalam semua bidang.

Pada hakikatnya lebih daripada 70% syarikat bukan bumiputera yang berdaftar ini adalah jenis milikan tunggal ataupun milikan kekeluargaan yang bersaiz kecil ataupun sederhana. Maka, dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya hendak jelaskan – tidak faham, yang saya maksudkan cucuk kaki sendiri atau tikam kaki sendiri itu sama seperti maksud ungkapan Inggeris, *don't shoot yourself in the foot*. [Ketawa]

Puan Heng Seai Kie: Saya faham maksud Tuan Yang di-Pertua. Maka, dengan itu sistem UOPPS pastilah lebih sesuai diguna pakai untuk mencapai objektif sosial kita kerana ia memberikan satu jadual *preferential treatment*, dengan izin, dan mengelakkan ketidakpastian. Di samping itu, mekanisme transparansi sudah pasti akan membawa kebaikan dari segi mengukuhkan kapasiti SME di samping mengurangkan penyelewengan dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya seterusnya adalah berkenaan perolehan GLC. Berhubung ini, saya bercadang supaya dalam usaha kerajaan dan matlamat pembangunan negara untuk membendung SME, GLC serta subsidiarinya juga tidak harus dibenarkan untuk terlibat dalam perolehan kerajaan. Pengecualian hanya dibenarkan dalam keadaan sama ada ia adalah berkaitan dengan isu keselamatan negara ataupun produk berkenaan tidak terdapat dalam pasaran kerana masalah hak cipta, paten atau isu ejen pengagihan terhad. Ini adalah kerana seperti yang sedia maklum, kerajaan telah pun mencurahkan berjuta-juta ringgit untuk membantu GLC-GLC ini. Oleh itu, adalah tidak adil jika mereka masih lagi bergantung kepada kerajaan untuk *survival* mereka, dengan izin, dan pada masa yang sama merebut peluang serta mengetepikan peniaga SME yang lemah. Selain daripada itu, dalam proses transformasi GLC ramai pembekal dan vendor yang asal telah pun diberhentikan kontraknya atas alasan bahawa syarikat mereka tidak disenaraikan sebagai syarikat bumiputera sedangkan mereka ini telah pun memenuhi syarat kuota 30% pemilikan bumiputera, sebagaimana yang termaktub dalam polisi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan. Saya hendak menyokong hujah Yang Berhormat sebenarnya.

Puan Heng Seai Kie: Saya minta maaf laluan tidak diberikan. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak makan pujuk. [Ketawa] Sila teruskan, Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa usaha transformasi GLC adalah untuk menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap prestasi. Maka, dengan itu penilaian ke atas pembekal haruslah dibuat berdasarkan kepada keupayaan, keberkesanan serta kualiti bekalannya. Pada masa yang sama, bukanlah senang untuk kita mengenal pasti sama ada sesebuah syarikat itu benar-benar merupakan milikan bumiputera ataupun sebaliknya.

Justeru itu, saya menyarankan supaya sistem UOPPS dipraktikkan secara serentak di semua GLC. Ini adalah kerana GLC merupakan milikan semua rakyat tanpa mengambil kira kaum, agama dan bangsa. Selain itu, semua GLC haruslah *transparent*, telus dan jelas tentang polisi bumiputeranya. Segala peraturan serta cara pelaksanaannya juga seharusnya dimaklumkan kepada umum. Rekod perakaunannya haruslah jelas dan dapat menunjukkan agihan sumber-sumbernya ke arah pencapaian politik sosial seperti pembangunan negara dan pemeliharaan alam sekitar di samping mencapai keberkesanan kos dan memperoleh keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar tentang pentingnya keseimbangan tanggungjawab sosioekonomi masyarakat kita, akan tetapi perkara ini haruslah ditangani secara baik supaya ia tidak membawa kesukaran ataupun kesulitan yang serius kepada peniaga-peniaga kecil yang biasa. Misalannya, dalam kes Malayan Banking Berhad yang baru-baru ini telah menetapkan satu polisi baru yang memandatorikan semua syarikat peguam panelnya supaya sekurang-kurangnya 50% daripada saham syarikat mereka adalah dimiliki bumiputera. Saya pasti dan saya yakin bahawa ini bukanlah kehendak Bank Negara, ia tidak lah juga termaktub dalam mana-mana pelan induk kewangan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelan induk kewangan negara kita telah sebaliknya mengesyorkan pelbagai cadangan untuk meliberalisasikan industri kewangan dan perbankan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika polisi baru ini adalah untuk menggalakkan penglibatan kaum bumiputera, maka ia akan mendorong lebih banyak syarikat Ali Baba. Tidak kira sama ada syaratnya ialah 30% ataupun 50%. Yang aneh dan yang lebih menyedihkan ialah semasa kerajaan sedang berusaha, bersusah payah menetapkan polisi nasional untuk meningkatkan daya persaingan global kebangsaan; disebalik itu terdapat segelintir pegawai dan birokrat di sektor awam dan juga swasta, yang masih terikat dengan formula agihan tahun 70-an dengan arena dan kaca mata yang dihadkan dalam konteks perkauman.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat rujuk kepada satu pepatah Melayu yang berbunyi 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Sekarang pula Yang Berhormat merujuk pula kepada satu pepatah Melayu yang berbunyi 'lebih senduk dari bubur'.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini seumpama batu penghalang kepada kemajuan dan perpaduan negara. Demi menegakkan keutuhan Perlembagaan negara tindakan tegas haruslah dikenakan ke atas golongan ini lebih-lebih lagi mereka yang telah sengaja menetapkan polisi dan peraturan sendiri dengan sewenang-wenangnya yang nyata bercanggah dengan dasar dan polisi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memohon izin untuk beralih kepada masalah golongan muda yang menjadi muflis kerana penggunaan kad kredit. Kita sedia maklum bahawa kemudahan memperoleh kad kredit dan pinjaman belian akibat daripada aktiviti promosi kad kredit yang agresif serta syarat permohonan yang longgar dikatakan banyak mendorong kepada gaya berbelanja di luar kemampuan terutama sekali di kalangan remaja. Setakat bulan Februari sebanyak 153,676 kes iaitu 20% daripada kebangkrapan yang difailkan adalah kerana gagal menjelaskan hutang kad kredit. Daripada jumlah ini 8% melibatkan golongan yang berumur kurang 30 tahun.

Menurut laporan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato' Mohd Razif sehingga November 2006 sebanyak 8.8 juta kad kredit telah dikeluarkan oleh institusi kewangan di seluruh negara dengan purata setiap pemilik mempunyai lebih daripada tiga kad kredit. Yang sungguh membimbangkan ialah kira-kira 40% daripada pemegang kad kredit di negara ini gagal menjelaskan hutang mereka. Dengan jumlah mencecah RM18.6 bilion. Keadaan ini jika tidak dikawal boleh memudaratkan negara, lebih-lebih lagi ia melibatkan generasi remaja kita.

Oleh itu, adalah dicadangkan agar Bank Negara Malaysia dapat mencari kaedah terbaik untuk menetapkan kriteria yang melayakkan seseorang memohon kad kredit. Selain itu, program kesedaran umum untuk mendidik orang ramai tentang cara pengurusan kewangan seimbang juga harus dilancarkan. Ini adalah kerana kad kredit dan pinjaman boleh menjadi mekanisme yang amat berguna dalam merancang perbelanjaan serta pelaburan jika ia digunakan dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya membincangkan tentang isu bersalin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita selalu dengar perbincangan dalam Dewan yang mulia ini mengenai masalah di antara dasar dan pelaksanaan. Dikatakan peringkat dasar tidak cacat. Yang cacat itu di... sebab itu saya timbulkan dua pepatah Melayu tadi. Bila timbul cacat dalam pelaksanaan, ianya timbul daripada satu unsur 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Keduanya daripada unsur 'lebih senduk dari bubur'. Yang melaksanakan lebih UMNO daripada UMNO sendiri. Itu yang menjadi masalah. Betul kan?

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar cuti bersalin ibu dilanjutkan daripada 60 hari kepada 84 hari iaitu 12 minggu seperti mana yang dipersetujui Kerajaan Malaysia semasa Konvensyen Perlindungan *Maternity* ILO pada tahun 2000.

Datuk Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee: [Bangun] Mohon laluan.

Puan Heng Seai Kie: Saya minta maaf. Untuk berlaku adil, laluan tidak boleh diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau diberikan, ungkapan Melayunya *pilih kasih*.

Puan Heng Seai Kie: Betul, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kadar wanita Malaysia di pasaran kerja masih rendah. Statistik menunjukkan sejak tahun 70-an hanya 47% atau kurang daripada wanita yang berada dalam lingkungan umur tenaga kerja iaitu antara umur 19 hingga 55 tahun menceburkan diri mereka di pasaran kerja berbanding dengan 60% di negara maju.

Mengikut laporan ILO (*International Labour Organization*) dengan izin, Malaysia merupakan antara 25 negara daripada 152 negara yang masih memperuntukkan cuti bersalin sekadar 60 hari. Tempoh ini adalah dianggap terlalu singkat mengikut piawaian antarabangsa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga hari ini 80% daripada negara-negara di dunia ini telah pun membenarkan cuti bersalin selama 12 minggu dan ke atas. Ini termasuklah negara-negara jiran kita seperti Singapura, India dan Indonesia. Konvensyen Perlindungan *Maternity* ILO pada tahun 2000 telah menetapkan minimum 14 minggu sebagai cuti bersalin minimum.

Walau bagaimanapun, Malaysia telah pun bercadang untuk melanjutkan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari iaitu 12 minggu. Tetapi malangnya belum lagi dapat dikuatkuasakan sehingga hari ini. Perkara ini sebenarnya pernah dikemukakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Dato' Seri Hajah Shahrizat kepada Kabinet tetapi ditahan kerana mengkhuatiri pelaksanaannya mungkin menjejaskan pengeluaran dan keberkesanan pentadbiran. Alasan-alasan seperti ini adalah tidak munasabah dan perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan perlindungan *maternity* telah pun digariskan secara terperinci dalam Konvensyen Perlindungan *Maternity* nombor 183 pada tahun 2000 dan rekomen nombor 191. Ia adalah penting dalam menghapuskan diskriminasi terhadap wanita disebabkan oleh peranan wanita yang produktif di samping untuk menggalakkan keseimbangan dalam aspek-aspek seperti pekerjaan, kesihatan dan keselamatan, bagi wanita yang mengandung ataupun ibu-ibu dan kanak-kanak. Ini adalah kerana tempoh rehat yang mencukupi merupakan suatu ukuran pencegahan yang penting. Selain itu, bekerja semula terlalu awal selepas bersalin mungkin akan meningkatkan risiko yang disebut dengan izin, *acute complication* yang mungkin mengancam kesihatan si ibu.

Tambahan pula cuti bersalin membolehkan wanita menyusui dan membelai bayi mereka dengan tempoh yang lebih panjang. Sehubungan dengan itu, saya menyarankan supaya cuti bersalin dapat dilanjutkan daripada 60 hari kepada 12 minggu dan dikuatkuasakan secepat mungkin seperti yang dipersetujui kerajaan Malaysia semasa Konvensyen Perlindungan *Maternity* pada tahun 2000 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, pembangunan dan kemajuan sesebuah negara adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak dengan berasaskan Perlembagaan negara dan kesetiaan terhadap negara kita yang tercinta ini, marilah kita bersama-sama berganding bahu, bermuafakat dan berusaha untuk mencapai penambahbaikan yang berterusan demi keharmonian, kemajuan dan perpaduan negara tercinta ini. Dengan ini saya mohon menyokong Usul Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, kemudian Datuk Jins Shamsudin, Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Datuk Gooi Hoe Hin, dan Tuan Ahmad bin Husin mengikut giliran yang saya sebutkan dan Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Jadi kita ada lima hari untuk berbahas, saya agak masanya cukup. Sekarang Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang tidak berpeluang berhujah tadi sekarang boleh berhujah.

3.12 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana turut mengizinkan saya untuk membahaskan untuk menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, titah tuanku itu telah menyentuh segala aspek baik dalam soal menghadapi rasuah, baik dalam soal untuk melihat berlakunya integriti yang bertambah dalam soal pentadbiran dan pengurusan negara termasuklah kemampuan kepimpinan negara untuk membawa ekonomi yang lebih maju dan meningkat dari masa yang sebelumnya.

Saya amat kagum kerana titah Yang di-Pertuan Agong adalah menyeluruh menyentuh pelbagai aspek yang telah disebutkan itu tadi. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengucapkan setinggi tahniah kepada Perdana Menteri kita kerana telah mengurus ekonomi negara kita dengan baik dan kita melihat bahawa prestasi ekonomi negara kita memang amat memberangsangkan seperti mana yang dilaporkan baru-baru ini.

Walaupun ada pihak yang begitu sangsi sebelumnya, ini berpunca kerana sebelum ini mereka ingin melihat kejayaan itu dengan begitu cepat dan segera. Ini kerana mereka cuba membandingkan empat tahun dengan 10 tahun ataupun empat tahun dengan 22 tahun. Mereka ingat mengurus ekonomi ini seperti pos laju, hari ini hantar, semalam sudah sampai.

Sebenarnya mengurus ekonomi negara bukanlah satu perkara yang mudah. Sebab itulah kalau kita melihat kepada beberapa aspek dalam soal kepenggunaan, dalam soal peluang pekerjaan dan statistik-statistik yang dikemukakan baik dari segi indeks komposit dan sebagainya, ternyata bahawa ekonomi negara kita berada di dalam kedudukan yang kuat dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah lesen hendak jadi pengurus ekonomi negara ini? Tidakkah ia mandat politik, baru ada lesen untuk mengurus ekonomi negara? Adakah itu tepat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya sebenarnya untuk mengurus ekonomi negara tidak semestinya seseorang itu mempunyai latar belakang dalam bidang ekonomi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sebelum ianya dapat jadi pengurus ekonomi negara kena ada lesen mendat atau tidak?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, iaitu mandat yang diberikan itu adalah penting sebenarnya dan sebab itulah *track record* kerajaan Barisan Nasional membuktikan dia boleh mengurus ekonomi dengan baik. Maka sebab itulah kerajaan Barisan Nasional ini terus diberikan tanggungjawab dan kepercayaan dan amanah untuk mengurus negara. Memang terbukti iaitu apabila melihat pencapaian yang ada ini, kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang komited dan mampu melalui perkongsian kuasa perpaduan kaum dan sebagainya. Maka inilah *track record* yang ada, dan inilah yang menjadi kunci kekuatan kepada kerajaan yang ada sekarang ini. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam soal...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya sahaja buat nakal sahaja. Saya hendak nyatakan jangan cagak berkenaan dengan ekonomi mampan kalau politik kucar-kacir.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah kita tidak boleh memuaskan hati manusia ini sepuas-puasnya. Sebab itulah manusia suka mencari kelemahan, kesalahan dan kesilapan. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa, dalam soal ekonomi negara ini ialah mereka ingin melihat kelainan daripada sebelumnya tetapi sekarang ini setelah hampir empat tahun di bawah pemerintahan Perdana Menteri iaitu Pak Lah, kita melihat bahawa kerja-kerja yang melibatkan kontraktor kelas F semakin banyak. Sehingga kalau kita lihat sekarang ini selain daripada PEKA dan sebagainya, ada kontraktor sekarang ini menghadapi masalah untuk mendapat bekalan simen dan sebagainya.

Ini satu bukti bahawa memang ekonomi kita bertambah baik, kerja bertambah banyak dan kontraktor-kontraktor ini semakin yakin dengan apa yang berlaku sekarang ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita melihat angka yang sebegitu besar, RM1 trilion perdagangan dan sebagainya. Kita tidak boleh mengulangi kesilapan yang lalu. Antara kesilapan yang lalu ialah kita lupa kepada kekuatan domestik kita.

Sebab itulah saya mengharapkan bahawa apabila kita berbangga dengan angka yang besar RM1 trilion ini. Saya sudah membangkitkan pada awal tadi iaitu bahawa kita tidak boleh bergantung semata-mata eksport yang datangnye daripada syarikat-syarikat multinasional. Kita juga harus melihat sejauh manakah pula sumbangan eksport yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat IKS ini. Sebab itulah saya mengharapkan bawah IKS haruslah dijadikan sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana inilah kekuatan domestik sebenarnya yang harus diberikan perhatian. Ini supaya apabila kita berhadapan dengan cabaran dan ujian seperti mana yang berlaku ketika berlaku kegawatan ekonomi.

Kita mempunyai kekuatan domestik ini untuk mempertahankan ekonomi negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya mengharapkan di dalam perancangan kita ini, IKS sebagai contohnya, kementerian-kementerian yang berkaitan sama ada Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian haruslah menggabungkan syarikat-syarikat IKS yang kecil ini untuk digabungkan sebagai global *player*. Sebab kekuatan ini apabila digabungkan, maka barulah mereka boleh memainkan peranan dan terlibat dalam peringkat antarabangsa sebenarnya. Oleh kerana itu, saya mengharapkan bank-bank mesti lebih memudahkan sebenarnya pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat IKS ini.

Kadang-kadang timbul persoalan iaitu apabila kita menggabungkan dasar bank-bank yang ada sebelum ini menjadi satu bank yang lebih besar sebagai bank komersial. Maka akhirnya dia membawa kesan pula kepada syarikat-syarikat IKS ini dari segi kemudahan untuk memudahkan mereka membuat pinjaman. Penggabungan bank ini akhirnya menimbulkan satu birokrasi yang lebih menyulitkan.

Saya difahamkan ada syarikat IKS dalam aduan mereka mengatakan bahawa permohonan mereka itu akan diproses oleh ibu pejabat. Ada pula yang membabitkan soal *collateral* yang menyulitkan mereka ataupun *track* rekod kewangan sedangkan ada mereka yang baru bermula setahun dua tahun sudah tentulah mereka tidak mempunyai *track* rekod ataupun latar belakang kewangan yang meyakinkan seperti mana yang dikehendaki oleh bank ataupun bank-bank komersial ini.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan balik kewujudan bank-bank *regional* ini kerana mereka ini lebih memahamii keperluan dan kehendak peniaga-peniaga IKS ini.

Walaupun bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mewujudkan Bank SME ataupun bank IKS ini, dan saya berharap bahawa Bank SME ini dari segi *delivery system* ia hendaklah memberi maklumat yang jelas kepada peniaga-peniaga IKS, apakah sebenarnya kemudahan yang ada kepada Bank SME ini. Kita berharap Bank SME ini mempunyai cawangan-cawangan yang banyak baik di setiap daerah dan sebagainya, supaya memudahkan peniaga-peniaga IKS ini menggunakan kemudahan yang ada dalam Bank SME.

Saya berterima kasih bahawa kerajaan memandang jauh tentang peranan dan sumbangan IKS, sebab itulah wujudkan Bank SME. Ini satu contoh kenapa saya mengatakan bahawa kerajaan harus melihat kekuatan domestik ini iaitu bahawa memikirkan bagaimanakah IKS ini boleh diperkukuhkan kekuatannya supaya kekuatan prestasi ekonomi negara ini bukan semata-mata bergantung kepada apa yang berlaku kepada ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita bersetuju bahawa di dalam merancang ekonomi negara ini Perdana Menteri meletakkan aspek yang begitu penting iaitu soal pembangunan insan. Kita pun dengar pagi tadi bahawa soal mewujudkan mentaliti kelas pertama ini adalah begitu penting dan kerajaan memberikan peruntukan yang cukup besar untuk pendidikan dan juga latihan-latihan kemahiran dan sebagainya.

Saya juga ingin menyatakan bahawa perbelanjaan yang sebegitu besar perlulah diseimbangkan dengan apa juga yang kita buat dengan hal-hal yang lain. Sebab itulah pagi tadi saya menyebutkan bahawa apakah dalam usaha kita untuk mewujudkan mentaliti kelas pertama ini, kita membiarkan rakyat kita ini dipengaruhi dengan program-program hiburan yang sebenarnya akan menyebabkan mereka ini kehilangan arah iaitu apakah sebenarnya yang menjadi keutamaan dalam pembentukan mentaliti kelas pertama ini.

Saya mengambil contoh program-program realiti TV yang sekarang ini terlalu banyak dan kalau kita lihat program realiti ini juara-juaranya atau pemenang-pemennanya hanya ditentukan oleh SMS semata-mata. Bagi saya ini adalah satu eksploitasi sebenarnya, iaitu eksploitasi mencari keuntungan dan kadang-kadang program realiti itu sengaja di panjang-panjangkan untuk memberi ruang lebih banyak masa kepada orang untuk menghantar SMS.

Tuan Yang di-Pertua: Di sebalik hujah ini Yang Berhormat nampaknya benar-benar yakin media mencorakkan mentaliti, adakah itu benar?

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Saya yakin begitu Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah sebenarnya saya sering berhujah bahawa kalau media menggunakan saluran ini untuk membentuk pemikiran masyarakat yang berdaya saing dengan perkara yang lain, ia sebenarnya lebih baik sebenarnya.

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, pernah seorang pelajar Malaysia mendapat keputusan terbaik di Amerika yang mendapat *award* yang dipanggil sebagai *Gold Awards, Who is who among the best student in USA!*, dan yang kelima itu ialah pelajar dari Malaysia tetapi ia tidak pernah disiarkan dalam media kita, akhbar kita kecuali dalam satu akhbar bahasa Inggeris iaitu *The Star* sedangkan sepatutnya pelajar inilah yang dijadikan idola, bukannya program-program realiti yang sekarang ini mempengaruhi anak-anak kita seolah-olah mereka ini idola.

Saya bukanlah mempertikaikan soal untuk berhibur tetapi ia telah menjadi satu budaya yang berpengaruh sehingga ada satu saluran Program Diari Akademi ditonton sepanjang masa berulang-ulang.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat nak mengajak media tempatan supaya juga main peranan membentuk mentaliti rakyat negara ke arah kelas pertama, adakah itu maksud Yang Berhormat? Mahu mengajak media!.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang itulah yang kita tuntutan dan saya berharap kerajaan juga bersikap tegas untuk mengurangkan program-program yang tidak menguntungkan ini. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, syarikat Maxis akan diambil alih, dan saya yakin bahawa oleh kerana dia datang daripada satu pihak yang sama maka akan bertambah-tambahlah eksploitasi yang akan berlaku dan yang akan berlaku ialah merosakkan mentaliti rakyat kita dan sebenarnya ia tidak mengukuhkan soal pembangunan insan yang kita harapkan, itu yang ingin saya perkatkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam soal pembinaan ataupun pembangunan insan ini, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan perhatian yang khusus dalam soal untuk mengatasi gejala rasuah ini. Walaupun ada seorang tokoh dalam parti pembangkang kata Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong tidak sentuh isu rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat berpindah kepada hujah selanjutnya mana pula tempatnya *world view* atau *wide world view* atau *weltanschauung* dalam soal pembentukan minda dan mentaliti?.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal *world view* saya melihat *world view* ini dalam konteks pandangan hidup, bagi saya bahawa kalau kita buat kajian terhadap media elektronik sebagai contohnya, media elektronik untuk mengubah pemikiran seseorang atau individu itu dalam masa yang terpantas kerana dia adalah media elektronik berbanding kalau kita memberi ceramah, ucapan, seminar dan sebagainya. Tetapi media elektronik kalau kita ambil contoh iklan sebagai contoh, iklan kerana ia begitu pantas, cepat dan dalam beberapa saat berubah-ubah maka ia akan mempengaruhi minda *world view* anak-anak kita khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *world view* kita sempit bolehkah kita ada mentaliti kelas pertama?.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Mentaliti, *world view* yang sempit Tuan Yang di-Pertua, bergantung kita melihat dan menilai sesuatu perkara itu sama ada ia sempit ataupun tidak sempit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa antara *unity* dan *uniformity* tidak sama. Kita boleh wujudkan *unity* (perpaduan) tetapi kita tidak boleh mewujudkan *uniformity* iaitu keseragaman sebab itulah ada PAS, ada UMNO, ada GERAKAN, ada DAP, ada KEADILAN. Dari segi *unity*nya sama-sama mahu membangunkan negara tetapi hendak mewujudkan *uniformity* (keseragaman) sudah tentulah sukar sebab itulah wujudnya pelbagai parti ini.

Begitulah juga dari segi *world view* kita tidak boleh mewujudkan *uniformity* tetapi kerajaan mempunyai tanggungjawab sebenarnya untuk membentuk minda supaya minda itu tidak terlalu sempit iaitu melihat soal moral itu dalam sesuatu pendekatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mana lebih kuat dalam pembentukan minda kelas pertama, pemerintah atau media?

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Media dan kerajaan mempunyai tanggungjawab yang sama. Kerajaan yang mempunyai kuasa perlu menggunakan media dengan sebaik mungkin, dan kerajaan tidak boleh membenarkan pengusaha-pengusaha media ini mengeksploitasi media yang boleh merosakkan pemikiran masyarakat. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini kita ingin menyeru kepada kerajaan khususnya supaya mengawal media kita ini kerana kuasa itu ada pada kita.

Perkara ini sering dibangkitkan dan saya yakin bahawa kerajaan adalah responsif terhadap saranan-saranan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Cuma kadang-kadang kita, itu yang saya katakan *political will* ini adalah penting sebenarnya. Kita tidak mahu media seperti mana yang berlaku di Amerika, mengawal segala-galanya dan kalau kita melawan media, media boleh menjatuhkan sesuatu kerajaan. Sebelum perkara seperti ini berlaku di negara kita, biarlah kerajaan memastikan bahawa media dikawal untuk mewujudkan keseimbangan, untuk mewujudkan mentaliti kelas pertama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya cukup yakin bahawa dalam soal rasuah kalau sekiranya media mampu menonjolkan perlakuan rasuah sebagai satu jenayah besar, ia boleh sebenarnya membentuk pemikiran masyarakat untuk menolak rasuah.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa diberi laluan, silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi. Apakah maksud Yang Berhormat tadi bahawa kerajaan tidak boleh mengawal media di negara kita ini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak kata kerajaan tidak boleh mengawal media tetapi apa yang saya lihat ialah bahawa kita seolah-olah tidak begitu berjaya dari segi penguatkuasaan sebenarnya. Kalau diikutkan, saya mengambil contoh dari segi peraturan, TV mestilah menyiarkan rancangan-ancangan 60% daripada rancangan tempatan. Apa yang berlaku ialah rancangan-ancangan yang dari luar lebih banyak daripada rancangan tempatan, sedangkan peraturan ada. Maka ini yang saya katakan bahawa penguatkuasaan sebenarnya.

Ini kadang-kadang-kadang, ini yang saya rasa bahawa Perdana Menteri menegur soal *delivery system* ini sebab polisi sudah ada tetapi si penguat kuasa ini sebenarnya yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan betul dan mungkin kerana dirasuah dan sebagainya, mungkin. Sebab itu soal pembentukan minda, keperibadian, akhlak dan moral itu adalah penting sebenarnya.

Yang Berhormat Heng, dia menyebut tentang beberapa penyelewengan sedangkan dasar ada. Tapi itulah, akhirnya di 'Ali Baba' kan dan sebagainya.

Tuan Ismail Kassim: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan soal penguatkuasaan, kerana kalau kita kaitkan dengan sebuah televisyen swasta yang pada saya ianya dikawal oleh sebuah kementerian, tetapi seolah-olah stesen TV swasta ini mempunyai *exclusive rights* di mana kawalan ataupun seolah-olah dia menjadi sukar untuk ditegur ataupun sukar untuk dikawal apa sahaja dilakukan oleh stesen TV berkenaan. Jadi adakah ini juga menggambarkan penguatkuasaan yang kurang daripada pihak kerajaan ataupun kesilapan di masa lalu kita memberi kuasa yang terlebih kepada syarikat yang berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sebenarnya seperti mana hujah awal saya tadi iaitu bahawa kalau diikuti kita ini sudah banyak peraturan. Kita sendiri sering meluluskan pelbagai rang undang-undang. Saya cukup yakin kerajaan mempunyai *intention*, keikhlasan untuk memperbaiki sistemnya dari masa ke semasa.

Walau banyak mana sekalipun undang-undang dan peraturan jika yang melaksanakan, *implementers* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai sikap kejujuran, keikhlasan dan sebagainya maka dia tidak akan ke mana-mana. Saya tidak yakin bahawa kerajaan memberikan sebeb-bebasnya kepada pengusaha media ini. Ada syarat-syarat yang dikenakan, tetapi dari segi penguatkuasaan. Sebab itulah saya katakan bahawa soal hujah yang dikemukakan oleh Perdana Menteri iaitu soal pembangunan modal insan ini adalah cukup penting.

Maksudnya, Perdana Menteri tahu bahawa inilah kuncinya dan kita masih berbalik kepada media Tuan Yang di-Pertua, untuk membentuk soal pembangunan insan yang sebenarnya.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, izinkan saya untuk mencelah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apa pendapat Yang Berhormat kita susah hendak mengawal media elektronik ataupun media cetak ini disebabkan mereka-mereka ini dikuasai oleh badan-badan politik dan orang-orang kuat dalam politik yang tertentu?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya tidak pastilah kalau media di negara kita ini, maksud saya media swasta ini dikuasai oleh orang-orang politik yang tertentu tetapi kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana hubungan baik dan sebagainya. Bagi saya itu bukan alasan untuk kita terus membiarkan fenomena seperti ini. Tindakan perlu diambil. Tidak kira sama ada kita kenal tokoh tersebut atau tidak, sebab itu saya kata bahawa ketegasan ini penting.

Kadang-kadang dalam isu rasuah ini yang menjadi masalah ialah bahawa ia tidak ada dalam sistem pun sebenarnya. Ia hanyalah merupakan satu amalan, tetapi ada setengah-setengah kakitangan kerajaan menjadikan amalan itu sebagai alasan untuk membenarkan sesuatu perkara itu terus berlaku.

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, dan inilah menjadi masalah. Apabila seseorang itu membuat bangunan, syarat untuk membina bangunan 18 unit sebagai contohnya ialah ia perlu menyediakan *parking* kereta sebanyak 23 *parking* lot, ini syarat. Apabila kita membina bangunan yang ada 18 lot kedai di dalamnya maka kita mesti menyediakan 23 *parking* lot untuk kereta, tetapi oleh kerana kawasan yang sempit dia hanya mampu menyediakan 11 *parking* lot, 12 *parking* lot lagi dia tidak mampu. Maka dia menggunakan amalan, amalan iaitu bahawa dia membayar denda terhadap *parking* lot yang dia kurang iaitu sebanyak 12 *parking* lot, maka dia boleh bayar RM35 ribu.

Sedangkan apabila kita kaji, tidak ada pun dalam undang-undang kecil PBT – Pihak Berkuasa Tempatan, yang membenarkan kita boleh mengenakan denda kepada pemaju yang gagal menyediakan jumlah *parking lot* yang kurang 12 lot ini tetapi PBT benarkan kerana ia kata ini adalah amalan. Amalan inilah sebenarnya yang menjadi punca berlakunya rasuah.

Ini tidak ada dalam sistem kita pun. Itu belum bercakap dalam soal sistem yang birokratik, ini soal amalan. Sebab itulah ini saya berharap, saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua ialah apa yang berlaku kepada 'Orang-Orang Mall' di Batu Pahat iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat, dan dibiarkan dan mereka mempertahankannya. Tetapi amalan itulah yang menjadi punca kepada kelemahan *delivery system* dan antara amalannya lagi ialah langgar dulu peraturan, buat dulu bangunan, bila datang surat saman, berhenti kerja kemudian buat rayuan. Bila buat rayuan, dikenakan denda sebab itulah syarikat-syarikat besar mampu membayar denda. Apa yang berlaku kepada peniaga kecil, mereka yang menjadi mangsa dan ini yang berlaku di Majlis Perbandaran Batu Pahat yang menyebabkan kadang-kadang kita menimbulkan rasa tidak puas hati kepada Perdana Menteri. Sebenarnya Perdana Menteri sendiri yang tidak berpuas hati dengan kakitangan kerajaan yang menjadi *implementers* dengan izin yang tidak mengikut peraturan dan akhirnya kerajaan yang menjadi cemuhan dan sebagainya yang menyebabkan mereka kata kerajaan ini adalah kerajaan yang korup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bila Yang Berhormat sebut kerajaan, kerajaan, kerajaan, hakikatnya kita mempunyai tiga tahap kerajaan. Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Sebab apa rakyat salahkan Kerajaan Persekutuan sahaja kerana kelemahan-kelemahan kerajaan tempatan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, ini satu isu yang menarik sebenarnya. Itu yang saya katakan bahawa ini yang dikaitkan juga dengan *delivery system* iaitu apabila rakyat tidak faham dari segi maklumat tentang apa yang membezakan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan dan ada pula orang yang pandai mengeksploitasikan bahawa ini bukan tanggungjawab dia maka kerajaan pusatlah yang menjadi cemuhan. Sebab itulah kadang-kadang kita melihat Menteri Kerja Raya kita dia kata bukan di bawah pentadbirannya apabila berlaku bumbung runtuh dan tanah runtuh dan sebagainya. Sebab orang melihat JKR tapi dari segi yang sebenarnya bukan JKR. Jadi sudah tentulah Menteri Kerja Raya yang akan dicemuh dan sebagainya, dikejar oleh media, wartawan sedangkan rakyat percaya bahawa memang tanggungjawab JKR. Jadi lebih kepada masalah sistem maklumat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna di sini belum minda kelas pertama lagilah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada masalah yang besar yang dihadapi oleh negara kita ini ialah budaya fitnah dan rakyat lebih suka mendengar fitnah. Sebab itulah Perdana Menteri kita sering difitnah dan kadang-kadang kita amat sedih sebab Perdana Menteri seolah-olah sudah seperti tidak mampu untuk menjelaskan segala isu yang sebenarnya membuang masa pun kalau hendak diperjelaskan tetapi ada rakyat yang akan percaya kepada budaya fitnah ini. Sebab itulah kenapa Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal pembangunan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal rasuah ini saya ingin membangkitkan dua perkara, satu tentang PAC satu lagi ialah *Select Committee* yang ada di Parlimen kita ini. Saya berharap bahawa PAC dan *Select Committee* ini diberi tanggungjawab dan klausa yang lebih sebenarnya untuk menjadi pengimbang kepada masalah-masalah yang dihadapi yang melibatkan soal kredibiliti dan juga integriti. Baru-baru ini timbul dalam isu bekas Ketua Pengarah BPR yang dikaitkan dengan rasuah. Maka *Select Committee* bercadang untuk memanggil bekas ketua pengarah, kemudian tak jadi panggil. Kemudian hendak panggil, kemudian tak jadi pula. Jadi tak jadi. Akhirnya orang akan ketawa iaitu di mana kredibiliti sebab integriti melibatkan soal kredibiliti.

Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara seperti senator ini juga diberi peluang untuk menjadi anggota kepada PAC dan juga *Select Committee* ini sebab saya hairan maksudnya kenapa senator ini tidak diberi peluang untuk duduk menganggotai PAC ataupun *Select Committee* sedangkan mereka juga Ahli Parlimen.

[Tepuk] Ahli-ahli Senator seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua, selalu sebut kita bukannya *rubber stamp* dan Ahli-ahli Senator juga ada kewibawaan integritinya sendiri dan tanggungjawabnya.

[Tepuk]

Sebab itulah kita berharap PAC dan *Select Committee* ini juga melibatkan Ahli-ahli dari Dewan Negara sebenarnya kita mempunyai tanggungjawab yang sama. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Di sini saya perlu sampuk Yang Berhormat, kerana mungkin kita akan terus pada satu haluan yang mungkin tak betul sebab... sila duduk Yang Berhormat.

Public Accounts Committee ialah jawatankuasa sesebuah majlis bagi Dewan Rakyat dan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan negara kita Dewan Negara tidak begitu diberi kuasa mengenai wang. Maka munasabahlah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau *Public Accounts Committee* itu mengandungi Ahli-ahli Dewan Rakyat semata-mata dan Sabah.

Mengenai jawatankuasa-jawatankuasa pilihan memang Dewan Negara pun di bawah Peraturan Mesyuarat 74 boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan. Tinggal lagi pengamalan demokrasi berparlimen selama yang menjangkau 50 tahun - abad bagi negara kita Dewan Negara belum menubuhkan sebuah jawatankuasa pilihan dalam ingatan saya. Mungkin dari gesaan Yang Berhormat itu akan timbul inspirasi dan inisiatif untuk wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan bagi Dewan Negara. Itulah penjelasan saya. Sila rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 74.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua kerana maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh soal pembangunan koridor dan saya ingin menyentuh sedikit tentang Wilayah Pembangunan Iskandar. Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca satu buku yang ditulis oleh Kenichi Ohmae dan saya amat terkejut kerana dalam buku itu dia juga menyebut tentang Wilayah Pembangunan Iskandar walaupun sebelum ini dia menyebut tentang pembangunan wilayah selatan sebelum dinamakan Wilayah Pembangunan Iskandar.

Ini membuktikan bahawa dia mengatakan bahawa pembangunan koridor telah pun menjadi satu strategi baru untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Saya mengambil contoh tentang apa yang berlaku di St. Jose di Amerika yang sekarang ini sudah pun hampir mengatasi California. Dengan itu saya meyakini bahawa idea Perdana Menteri apabila dia membawa soal pembangunan wilayah selatan ataupun WPI ini membuktikan bahawa Perdana Menteri berfikir jauh dalam soal bagaimana sebenarnya mencari strategi baru untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, WPI ini melibatkan satu kawasan 2,217 kilometer persegi ataupun tiga kali saiz Singapura. Dia sampai ke Serkat, Pontian dan sampailah ke Kota Tinggi. Satu keluasan yang cukup luas, tiga kali Singapura dan saya, oleh kerana sedikit-sebanyak meminati dan memahami soal Wilayah Pembangunan Iskandar ini maka sudah tentulah saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mengemukakan dan melaksanakan pusat pembangunan koridor yang sebegini penting.

Apa yang ingin saya katakan di sini ialah bahawa WPI ini akan menjadikan negara kita ini lebih berdaya saing sebab selama ini kita membiarkan negara jiran kita mengeksploitasi kedudukan strategik di kawasan selatan ini untuk pertumbuhan ekonomi mereka seperti pelabuhan dan sebagainya. Sebab itulah bila wujud idea WPI ini kita melihat negara jiran kita ini merasakan bahawa berlaku satu persaingan daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru-baru ini timbul kekeliruan iaitu soal FIC khususnya tentang kuota bumiputera yang akan dikecualikan daripada WPI ini tapi apa yang sebenarnya berlaku salah faham. Sebenarnya hanya satu peratus sahaja iaitu daripada 2,217 kilometer persegi ini hanya 2,200 ekar sahaja iaitu tidak sampai satu peratus pun kawasan yang dikenali sebagai NODE 1 ini yang akan menerima pelabur

daripada luar khususnya negara Timur Tengah yang terkecuali daripada FIC ini. Hanya satu peratus tetapi yang lain-lain NODE 2 seperti Danga Bay, Pusat Pentadbiran Nusa Jaya dan sebagainya masih melaksanakan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah perincian ini dinyatakan atau dibuat atau *articulate* kerana hendak jaga apa yang dikatakan tadilah daripada 'serampang dua mata tikam kaki sendiri' atau daripada 'lebih senduk dari bubur', hendak jaga supaya jangan datang unsur-unsur tersebut diperincikan peraturan tersebut yang disalah anggap itu? Adakah itu?

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa satu daripadanya berpunca kerana orang melihat Wilayah Pembangunan Iskandar ini, hanya sebagai Johor *matter*. Sepatutnya kita melihat WPI ini adalah sebagai Misi Nasional seperti Langkawi, ia bukan soal untuk orang Kedah. Seperti Putrajaya bukan untuk orang di Wilayah Persekutuan. Kita bangga dengan Langkawi dan Langkawi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Begitu juga dengan Putrajaya. WPI bukan untuk rakyat Johor, ia untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh sebab itulah apabila ada orang berkata bahawa WPI ini adalah penjajahan baru, dia sudah jadi macam Golan Heights. Kalau orang Arab sanggup berperang untuk mempertahankan Golan Heights, dia kata kenapa kita takut dan biarkan WPI menjadi kawasan penjajahan baru. Akhirnya orang yang dikatakan bijak dalam ekonomi menjadi tidak rasional. Semata-mata mungkin dia merasakan bahawa dia tidak suka dengan WPI ini. Maka ini yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, timbul soal pelbagai tuduhan dan sebagainya yang tidak betul dan tidak tepat.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa WPI ini atau Wilayah Pembangunan Iskandar walaupun dikatakan dikecualikan daripada FIC untuk kawasan NODE 1 iaitu 1% ini, saya berharap kerajaan akan memastikan bahawa agensi-agensi amanah akan dibenarkan masuk dan diberikan peluang yang sama di kawasan ini. Agensi amanah seperti MARA, seperti UDA, seperti Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, LTAT, Tabung Haji, PNB dan sebagainya. Sebab mereka ini mempunyai kredibiliti.

Saya juga yakin bahawa ada syarikat-syarikat bumiputera yang mampu. Bagi saya Dasar Ekonomi Baru, walaupun sudah tamat tetapi spiritnya mesti dipertahankan dan kita tidak boleh melihat secara umum jika ada satu, dua, tiga syarikat bumiputera yang gagal, seolah-olah mereka tidak mampu. Sedangkan banyak juga syarikat bumiputera yang mendapat kontrak-kontrak yang besar di negara-negara luar seperti di Afrika, di India tanpa bantuan kerajaan pun.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat rasa terpenggil untuk kupas perkara ini dengan teliti kerana Yang Berhormat dihantar ke sini 'kerana' perundangan negeri Johor?

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Betul, Tuan Yang di-Pertua, sebab setiap kali ada perbincangan antara Khazanah Nasional dengan kerajaan negeri saya akan diberi ruang sama untuk mendengar dan memberikan pandangan. Yang terakhir adalah 27 April baru-baru ini di Hotel Concorde dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada kerajaan yang telus dan *transparent* yang memberi ruang untuk perbincangan dan memberi ruang untuk mendengar pandangan.

Saya yakin bahawa jika ada *complimentary* antara satu dengan lain dalam soal Wilayah Pembangunan Iskandar ini, saya yakin WPI ini benar-benar akan berjaya membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara yang berpanjangan, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya berterima kasih kepada kerajaan kerana membatalkan cadangan untuk mewujudkan apa yang dipanggil FAZ ini iaitu *Free Access Zone*.

Saya berharap kerajaan juga mempertimbangkan supaya tidak akan dibuat kereta api laju antara Kuala Lumpur terus ke Singapura. Bagi saya tidak perlu kereta api laju ini, dan kita mampu bersaing sebab itulah walaupun Singapura kata bahawa kita ini cemburu, sebenarnya kita tidak cemburu. Siapa yang cemburu sebenarnya? Kita sudah buat F1, bekas Perdana Menteri kita sudah buat F1. Sekarang baru Singapura hendak buat F1 seperti hendak sabotaj kita pula.

Tuan Yang di-Pertua, dia kata bahawa pemimpin dia adalah pemimpin yang bergred tinggi dan Singapura adalah negara luar biasa. Memang dia negara luar biasa sebab sekarang ia benarkan homoseksual, benarkan kelab malam 24 jam untuk menarik pelancong. Apakah kita hendak mengikut cara yang sedemikian? Apakah itu minda kelas yang pertama? Apakah itu sesuai pembangunan insan yang ingin kita jayakan. Saya tidak fikir begitu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya berharap dalam Wilayah Pembangunan Iskandar ini mestilah disediakan, diwujudkan REIT iaitu amanah hartanah ini, dan saya berharap bahawa ada kawasan sekurang-kurangnya 500 hektar disediakan sebagai kawasan penempatan yang mampu dimiliki oleh individu-individu seperti Kampung Majidi, atau pun Kampung Melayu dan sebagainya. Ini perlu sebenarnya supaya tidak ada orang yang terpinggir daripada Wilayah Pembangunan Iskandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit soal CUEPACS ini. Saya menyokong penuh permohonan CUEPACS supaya pelarasan gaji ini dilaksanakan. Iaitu pertama ialah dalam soal gaji minimum RM1,000 ini. Saya amat setuju iaitu gaji minimum RM1,000 sebab memang kita lihat kos semakin meningkat dan kita dapati ramai orang yang membuat kerja tambahan sama ada sebagai pemandu teksi.

Perkara ini tidak boleh dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya dahulu pernah bekerja sebagai setiausaha politik, kebetulan diberikan kemudahan *driver*. Waktu saya tidak bekerja, *driver* saya ini mengambil kerja sambilan iaitu membawa orang Singapura masuk ke Johor Bahru. Orang Singapura ini suka makan di Johor Bahru, Tuan Yang di-Pertua. Kerana tidak mahu *traffic jam* dan sebagainya, maka dia ambil nombor telefon yang dilekatkan di kondominium mereka di Singapura, *so driver* kita dia datang ambil bawa masuk ke Johor dia makan dan hantar balik ke Singapura. Kenapa? Ini kerana gaji tidak cukup. Maka banyak kerja-kerja sambilan yang mereka lakukan. Bagi saya adalah wajar kerana kali terakhir penyemakan ini di buat ialah pada tahun 1992 dan saya yakin dengan ekonomi yang bertambah baik ini, kerajaan mampu sebenarnya untuk menaikkan gaji mereka.

Kemudian dalam soal pencen ini, saya juga setuju iaitu umur pencen dinaikkan kepada 60. Kerana Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini bagi ketua kampung umur bersara mereka pun 65 tahun. Hakim-hakim pun dinaikkan umur persaraan mereka. Ada pegawai-pegawai tinggi kerajaan apabila mereka bersara, mereka diberi sambungan kontrak atau pun diberi jawatan-jawatan korporat yang di tempat lain tetapi bagaimana pekerja-pekerja yang lain ini? Sebab itu bagi saya wajar kerajaan menaikkan umur berpencen ini kepada 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ingatan saya bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri ketika berumur 56 bermakna umur pegawai yang sekarang ini bersara Tun Mahathir jadi Perdana Menteri begitu hebat selama 22 tahun lagi.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, kita pun sudah maklum bahawa umur mortaliti khususnya orang lelaki ini pun sudah meningkat sebenarnya, boleh hidup sampai umur 80 tahun. Jadi sebab itulah kadang-kadang kita amat sedih melihat pegawai-pegawai kerajaan yang bersara umur 56 tahun ini selepas itu mereka tidak ada apa hendak di buat. Duduk di rumah, sakit, kemudian meninggal dunia. *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencekah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Untuk makluman dan juga soalnya saya hendak ajukan ialah untuk lelaki 71 tahun, hayat purata panjang hayat dia, untuk wanita 76. Maknanya adakah Yang Berhormat bersetuju kalau untuk wanita umur persaraan lima tahun lebih panjang daripada lelaki?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak pernah dengar wanita menuntut lebih pun, dia orang menuntut sama sahaja selalunya. Semua mahu sama, saya belum dengar mereka menuntut lebih, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang lelaki ini sering menjadi mangsa kepada diskriminasi gender. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, orang yang bersara pilihan kalau perempuan mengambil persaraan pilihan, ketika umur 45 tahun dia sudah dapat gaji persaraan tetapi lelaki yang bersara awal dia hanya akan dapat gaji pencen dia pada umur 50 tahun. Jadi kalau gaji pencen dia itu ialah RM2,000, orang perempuan dalam tempoh lima tahun dapat RM100,000 ketika umurnya sudah 50 tahun. Orang lelaki 50 tahun baru akan mula dapat duit pencen dia, maka dia kerugian sebanyak RM100,000. Ini tidak adil.

Tuan Ismail Kasim: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya fikir CUEPACS juga kena perjuangkan perkara ini biar sama 45 tahun. Ya, sila, Yang Berhormat.

Tuan Ismail Kasim: Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah wajar ditubuhkan Kementerian pembangunan lelaki sebab ketidaksamaan gender yang berlaku pada hari ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang itu saya tidak setuju tetapi kalau jabatan lelaki di bawah Kementerian wanita saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Apa kata kalau dinamakan jabatan laki-laki kurang upaya?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang itu saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua, sebab itu menjatuhkan maruah orang lelaki sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Wanita kena fikir soal ini dan CUEPACS juga kena fikir soal ini iaitu isu persaraan awal ini supaya orang lelaki akan menerima gaji pencen dia ketika berumur 45 tahun. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Norraesah tadi orang wanita ini umur mortaliti mereka sampai 76 tahun maka lebih lama dia dapat gaji pencen ini berbanding orang lelaki, 71 tahun sudah mati. Dapat masa umur 50 tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jadi Yang Berhormat sukalah kalau wanita mati sama dengan lelaki? Ini akan menyusahkan anak-anak. Jadi saya rasa soal gender di sini saya rasa harus kita lihat dengan pandangan yang lebih objektif dan saya bersetujulah kalau diadakan jabatan kaum lelaki kurang upaya. Kalau selepas 50 tahun sudah tidak boleh kerja memanglah dia kurang upaya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya memang takutlah perkataan lelaki kurang upaya ini sebab takut disalahertikan Tuan Yang di-Pertua, sebab sekarang ini sudah ada viagra untuk wanita yang dipanggil *intrinsa* yang diguna dalam bentuk *patch* dan saya harap kerajaan harus beri perhatian tentang viagra untuk wanita ini khusus untuk wanita-wanita yang menopause. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua tetapi memang viagra ini ...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik daripada ucapan Yang Berhormat mengatakan bahawa kenaikan gaji tadi, di bawah kenaikan gaji di mana gaji minimumnya ialah RM1,000 dari pandangan Yang Berhormat, tetapi dalam kos-kos yang meningkat hari ini kita juga melihat bahawa sebahagian besar daripada bekas-bekas kakitangan kerajaan iaitu orang-orang yang telah pencen, yang telah bersara juga terpaksa hidup di dalam kelompok dunia yang ada. Dia tidak boleh lari melainkan dia itu mati. Dalam erti kata kos kehidupan itu naik ke turun ke atau memang seterusnya naik terpaksa dia hidup di dalam keadaan sebegitu rupa, tetapi dari segi penerimaan pencen wang persaraannya tidak memadai dengan kenaikan kos hidup tadi.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, cara mana boleh supaya mereka ini yang juga sebahagian besarnya telah memajukan negara kita ini ke tahap sebagaimana yang ada sekarang boleh mereka ini hidup dengan lebih selesa selepas bersara. Adakah gaji orang-orang yang pencen ini perlu diselaraskan juga supaya mereka ini lebih menikmati perkembangan negara kita sekarang ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya fikir dalam isu ini barangkali ialah kemudahan-kemudahan untuk orang yang berpencen ini mestilah ditingkatkan. Kita memang tahu bahawa sekarang ini memang banyak kemudahan-kemudahan tersebut. Kalau kita naik kapal terbang sebagai contohnya mungkin ada diskaun untuk warga emas dan berbagai-bagai lagi. Kemudahan hospital, diskaun mestilah diberikan. Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada seorang nelayan yang botnya dilanggar oleh kapal dan dia hilang.

Untuk menuntut insurans oleh tuan punya bot untuk membantu nelayan yang hilang ini, dia pergi ke hospital untuk mendapatkan laporan hospital, dia kena bayar RM40. Bagi nelayan, ini juga satu bebanan untuk mendapatkan laporan hospital. Bagi tujuan menuntut insurans untuk rakyat yang miskin adalah satu bebanan. Bagi saya perkara-perkara seperti ini harus dilihat iaitu bahawa orang-orang yang berpencen ini setelah berpencen mereka juga diberikan kemudahan-kemudahan yang boleh mengurangkan bebanan mereka. Saya tidak bermaksud kalau dia hendak bayar tol kena ada diskaun dan sebagainya tetapi yang lain-lain yang sesuai yang mudah untuk dilaksanakan. Saya fikir ini harus diberi perhatian oleh kerajaan sebenarnya.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan langkah yang telah dibuat oleh kerajaan Kelantan dalam menyediakan takaful kifalah untuk warga emas. Adakah Yang Berhormat berpandangan mungkin Kerajaan Malaysia dalam skala yang lebih besar boleh memberi insurans kepada warga-warga emas sama ada yang pernah menjadi pegawai kerajaan ataupun tidak demi untuk menjaga kebajikan warga emas yang telah pun berjasa kepada negara. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebenarnya banyak pihak yang sudah pun melaksanakan skim takaful untuk warga emas atau insurans untuk warga emas. Ada yang ditaja oleh parti-parti politik, setahu saya UMNO Kelantan pun ada memberikan premium percuma untuk ahli-ahli dia lain untuk mendapatkan insurans kematian ini ataupun khairat kematian dengan izin, tetapi saya memang setuju jika sekiranya ia dilaksanakan secara lebih meluas sebab memang banyak kebaikan dia dan untuk makluman Yang Berhormat di kawasan DUN Senggarang itu pun kita sudah berikan untuk 5,000 orang dan DUN Senggarang ini wakil rakyat dia daripada parti PAS tetapi yang bagi ini bukan PAS. Jadi kita sudah bagi kepada 5,000 orang yang terpilih untuk mendapat premium percuma untuk khairat kematian melalui takaful ini tetapi saya setuju ia dilaksanakan secara menyeluruh kerana ini satu perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak ulang balik soal viagra tadi tetapi saya harap kerajaan kaji balik hendak benarkan ataupun tidak ia dijual di negara kita ini. Sekarang harga dia RM43 sahaja khusus untuk wanita menopause kerana ia akan meningkatkan apa yang dipanggil sebagai libido ataupun libido kepada wanita yang berhadapan dengan masalah yang dipanggil sebagai *hypoactive sexual desire disorder*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibimbangkan ialah tujuannya mungkin untuk wanita yang menopause. Takut disalahgunakan oleh wanita-wanita muda ataupun isteri-isteri muda yang ingin mendapatkan kekuasaan dan kekuatan yang melebihi ataupun melampau apa yang dipanggil sebagai libido ini. Jadi sebab itulah saya harap..

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Kenapa? Nak... okey, okey. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, saya rasa itu satu penilaian terhadap wanita yang tidak patut diungkapkan. Kami wanita tidak begitu. Malahan yang muda ke, yang lama ke kami masih lagi bertenaga tetapi kami tidak pernah pun menunjukkan kami perlukan viagra. So tidak patut perkataan viagra untuk wanita itu menakutkan-nakutkan kaum bapa. Yang kita takut ini kaum bapa yang tidak boleh itu pun makan viagra. Itu yang saya selalu sarankan bahawa viagra ini kalau isteri-isteri yang senantiasia menangis sebab di poligamikan, berilah suami itu makan viagra supaya *overdose* terus padam. [Ketawa]. Jadi, untuk wanita, jangan Yang Berhormat rasa curiga atau takut yang kami salah gunakan viagra. Kami yang sebenar tak perlukan viagra, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta maaf kalau tadi menyinggung perasaan kaum wanita. Sebenarnya saya tidak bertujuan untuk menyinggung perasaan kaum wanita. Cuma saya nak memperingatkan supaya kerajaan kena pastikan dia tidak disalahgunakan sebenarnya. Ini juga baik untuk diperingatkan kepada suami yang mempunyai ramai isteri-isteri muda supaya isteri-isteri muda mereka tak beli viagra ini. Kalau tak menyusahkan mereka sebab kadang-kadang ada orang kata bahawa mana yang lebih banyak membohong antara suami yang banyak isteri dengan suami yang hanya ada satu isteri tapi ada *girlfriend*. Jadi sebab itulah saya berharap...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Dua-dua sama. [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya harap maksudnya isu viagra ini supaya sebelum dibenarkan dijual di negara kita, biarlah maksudnya kerajaan memberikan perhatian khusus mengenainya. Bercakap tentang isu wanita ini Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Pembangunan Wanita melihat isu mengenai dengan peningkatan jumlah wanita yang berpendidikan tetapi ditangkap di luar negara kerana menjadi pengedar dadah. Pada tahun 2007, daripada 15 yang ditangkap, 13 daripadanya adalah wanita dan kita pun hairan sekarang ini, akhir-akhir ini banyak sangat isu wanita kita yang ditahan di luar negara di Australia dan sebagainya kerana didapati membawa dadah di lapangan terbang dan ini adalah satu perkara yang menyedihkan. Sedangkan pada tahun 2006, daripada 32 kes hanya dua orang sahaja wanita. Tapi 2007 sehingga pada bulan April yang lepas, daripada 15 kes, 13 adalah wanita dan ini harus diberikan perhatian kenapa perkara seperti ini menjadi-jadi sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit perkara yang cukup penting iaitu mengenai dengan isu alam sekitar. Kita rasakan bahawa isu alam sekitar kesan daripada peristiwa banjir yang berlaku baru-baru ini, tentang pemanasan global dan sebagainya. Memang kita rakyat Malaysia harus memberikan perhatian bahawa jika kita tidak bertindak daripada sekarang menjaga kelestarian alam sekitar, ia akan membawa kesan yang lebih besar dan lebih buruk pada negara kita.

Banjir di Johor baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya 45 hari. Tidak sempat hendak berhenti rehat gelombang pertama, datang gelombang kedua. Bahkan di tempat saya itu, tempat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Senggarang itu dalam keadaan kita bersiap-siap mengadakan majlis doa selamat malam itu untuk supaya mereka keluar balik ke rumah, tiba-tiba datang gelombang kedua. Tak sempat nak balik ke rumah. Semua ini membawa kesan yang cukup besar kepada kita iaitu banjir. Sebab itulah alam sekitar dan kita baru-baru ini kita dimaklumkan untuk membina Empangan Kelau.

Empangan Kelau ini melibatkan beberapa kawasan. Lima kawasan utama iaitu Hutan Simpan Lakum, Skim Felda Kelau, Perladangan Felda Krau, *Reserve* Orang Asli Sungai Temir dan Rancangan Tanah Pemuda (RTP). Jadi kalau sekiranya kita tidak berhati-hati tentang pembinaan Empangan Kelau ini, walaupun kita tahu bahawa rakyat di kawasan Lembah Klang, di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur jika tidak dibekalkan air daripada empangan ini, mereka akan menghadapi masalah bekalan air pada tahun 2010.

Saya berharap kerajaan haruslah memikirkan dan mempertimbangkan permintaan pelbagai pihak iaitu pembinaan Empangan Kelau ini kalau ada alternatif yang lain, cari alternatif yang lain sebab ini akan melibatkan beberapa perkara iaitu akan menjejaskan kualiti udara dan air. Kemudian ia akan mengancam flora dan tumbuhan, kemudian ia akan menghapuskan fauna dan juga hidupan liar dan yang akhir sekali ialah berisiko tinggi takut dilanda banjir. Sebab itulah saya berharap Tuan Yang di-Pertua, iaitu bahawa kerajaan haruslah mempertimbangkan permintaan pelbagai pihak.

Kalau ingin pun dibangunkan Empangan Kelau ini, kalau ada alternatif lain cari alternatif lain. Kalau tidak pastikan pengawalan alam sekitar ini dijaga. Ini termasuk tentang isu pencemaran sungai. Saya berharap bahawa kerajaan mempertimbangkan dan saya berterima kasih kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri yang menyediakan, yang memberikan perhatian khusus tentang pencemaran sungai.

Pernyataan Perdana Menteri baru-baru ini tentang pencemaran sungai ini menunjukkan bahawa ia semakin serius dan 91% daripada pencemaran sungai ini berpunca daripada masalah najis khususnya yang datang daripada kawasan-kawasan setinggan. Sebab itulah kita menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan setinggan ini satu hari nanti akan dihapuskan sama sekali kerana ia adalah menjadi punca utama berlakunya pencemaran sungai.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya bersetuju apabila baru-baru ini saya mendengar kerajaan akan menyediakan setiap wakil rakyat DUN ataupun ADUN ini sebanyak RM10 untuk memulakan kempen untuk menjaga ataupun memastikan kualiti sungai terpelihara di kalangan pelajar sekolah dan orang ramai. Ini adalah satu tindakan yang baik. Yang paling penting bagi saya, dalam keadaan kerajaan sanggup berbelanja wang begitu banyak, kerajaan mestilah memastikan pemantauan, kawalan terhadap sungai-sungai ini mestilah diambil dengan tegas dan saya bersetuju dengan cadangan iaitu bahawa kita perlukan lagi satu peruntukan yang lebih tegas iaitu denda yang lebih tinggi sebenarnya terhadap orang yang didapati mencemari sungai-sungai kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya nak menyentuh sedikit tentang bidang pelajaran iaitu bahawa saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran ini, Dato' Sri Hishamuddin kalau boleh dipertimbangkanlah bahawa dalam usaha kita untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama, khususnya menguasai sains dan teknologi ini.

Saya harap kerajaan mempertimbangkan untuk menubuhkan sekolah-sekolah elit khusus dalam bidang sains dan teknologi yang menjadi *frontier* yang lebih bersifat futuristik supaya anak-anak kita ini yang terpilih ini dalam sekolah elit ini diasuh daripada awal lagi untuk menguasai bidang sains dan teknologi. Berfikiran inovatif dan sebagainya. Maksudnya jangan masuk universiti barulah mereka ini memilih aliran bidang sains dan teknologi. Tapi dipilih lagi daripada awal untuk masuk ke sekolah menengah atau sekolah rendah yang bersifat futuristik ini supaya mereka menguasai sains dan teknologi dengan lebih awal. Saya harap...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, saya ingin pandangan Yang Berhormat tentang sekarang ini terdapat banyak sangat kumpulan sekolah yang diwujudkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Sekolah kluster, sekolah wawasan, sekolah bestari dan dicadangkan pula sekolah elit dan sebagainya. Sedangkan dari segi kumpulan modal insan yang akan menjadi tenaga pengajar itu adalah dari pusat latihan yang tidak bercorak sekolah wawasan, elit ataupun bestari dan sebagainya.

Apa pandangan Yang Berhormat dalam konteks hari ini? Adakah kewujudan kumpulan sekolah-sekolah yang sebegini adalah merupakan sesuatu yang sihat untuk pembangunan modal insan tenaga pengajar ataupun pendidikan di Malaysia? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya yang lebih penting ialah kita mempunyai pelbagai pendekatan dan strategik. Sekolah kluster sebagai contohnya. Sebenarnya, kalau dikaji di England Tuan Yang di-Pertua, memang wujud sistem sekolah kluster ini iaitu sekolah diberikan autonomi, tetapi dasar dia tidak boleh lari tetapi autonomi diberikan, supaya dia lebih kreatif terutamanya dalam membangunkan sekolahnya apabila dia berhubung dengan pihak industri di luar dan sebagainya. Berikan kuasa autonomi itu, maka sekolah itu dengan kreativiti dan kolektiviti tenaga pengajar dan sebagainya dan juga ibu bapa melalui PIBGnya.

Dengan kuasa autonomi itu mereka telah mewujudkan berbagai-bagai kelainan di sekolah tersebut tetapi, soal dasar dia tidak boleh lari dan sekarang kita sudah pun melihat kebaikannya dan wujudlah sistem kluster ini. Bagi saya, tidak ada salahnya kita mengadakan berbagai-bagai pendekatan ini sebenarnya. Kerana bidang pendidikan bagi saya adalah pelaburan yang cukup penting dan kerajaan membuktikan bahawa Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi menerima peruntukan yang terbesar. Barulah Kementerian Kesihatan kalau tidak salah saya, dan selepas itu ialah kerajaan tempatan. Ini membuktikan bahawa kerajaan mengutamakan pendidikan dan kita perlukan kepelbagaian dalam strategik.

Sebab itulah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan satu dasar yang baru di Sabah, kalau tidak salah saya baru-baru ini dengan peruntukan tambahan sebanyak RM2.6 bilion khusus untuk di luar bandar dan kita difahamkan akan dibuat bilik-bilik darjah yang berbentuk kabin untuk menyelesaikan masalah kemudahan bilik darjah di luar bandar. Saya fikir ini adalah satu komitmen kerajaan dalam soal pendidikan sebenarnya. Sebab itu bagi saya tidak ada salah usaha kerajaan ini mempelbagaikannya dan saya berharap bahawa usaha kerajaan untuk mempertingkatkan peranan guru sebagai sumber kekuatan penting untuk melahirkan, menjayakan program modal insan ini akan berjaya.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya tertinggal sedikit perkara tentang banjir tadi. Kita berterima kasih kepada kerajaan yang memberikan bantuan wang prihatin RM200. Kemudian wang ihsan RM500. Kemudian ada pula wang ihsan tambahan iaitu jikalau air naik melebihi 5 kaki, dia mendapat RM1,100 dan kalau kurang 5 kaki, RM700. Wang prihatin RM200 ini Tuan Yang di-Pertua, dibayar dua kali. Maksudnya RM400. Kemudian, anak-anak kalau di sekolah rendah mendapat RM100, kalau di sekolah menengah RM200. Kalau empat anak di sekolah menengah dapatlah RM800. Itu tidak lagi kemudahan-kemudahan wang ihsan pertanian dan sebagainya. Kita berterima kasih kepada kerajaan iaitu bahawa keprihatinannya ini. Kita juga banyak membantu mangsa-mangsa di luar negara di Aceh.

Apabila berlaku bencana di negara kita, kerajaan tetap memberikan lebihan kepada rakyatnya sendiri seperti mana yang berlaku di Johor. Gantian kepada infrastruktur yang rosak, di Johor menerima hampir RM2 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kerajaan. Cuma saya hendak menyentuh tentang penglibatan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini supaya mereka lebih efisien. Sebagai contoh, ada kes orang yang rumah dia runtuh kerana berlaku tanah runtuh yang sepatutnya dikategorikan sebagai mangsa banjir. Sebab puncanya hujan lebat selama tiga hari iaitu pada 11, 12 dan 13 Disember dan 17, 18 dan 19 Januari. Menyebabkan *volume* hujan yang sama dengan *volume* hujan untuk enam bulan itu, menyebabkan tanah runtuh menghempap rumah. Dia sepatutnya dikategorikan sebagai mangsa banjir kerana puncanya hujan iaitu hujan menyebabkan banjir dan tanah runtuh. Seperti juga gempa bumi menyebabkan rumah runtuh dan tsunami datang. Sama sahaja.

Akhirnya setelah perkara ini dibangkitkan, barulah JKM menerimanya. Cuma apa yang saya musykilkan ialah bantuan makanan selama sebulan ini. Bila habis banjir, mereka balik, kerajaan bagi lagi bantuan berbentuk barang makanan untuk tempoh sebulan. Beras dan sebagainya. Ada 18 item Tuan Yang di-Pertua yang diberikan kepada setiap keluarga mangsa banjir tetapi malangnya di tempat saya ini, oleh sebab lambat terima, sedangkan tempat saya inilah tempat berlakunya banjir termenung ini, iaitu dia lambat naik, tetapi lambat turun.

Maksud saya ialah air Empangan Sembrong Tuan Yang di-Pertua, bila dia melimpah dia lambat bergerak untuk sampai ke kawasan Senggarang tempat saya ini. Tiba-tiba sahaja bila tempat lain sudah surut, di Kota Tinggi orang sudah balik, air itu baru sampai ke pekan Senggarang dan banjir naik sampai ke pekan dan sebagainya. Dia lambat surut sebab ia tidak boleh mengalir ke laut. Sebab *volume* air yang kuat ini tetapi akhirnya mereka ini lambat menerima. Kumpulan terakhir menerima bantuan barang makanan untuk sebulan ini. Malangnya bila terima baru-baru ini, daripada 18 item, mereka hanya menerima empat item.

Dengan ini, saya fikir bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat kena betulkanlah. Iaitu pastikan mereka juga menerima 18 item. Kita berterima kasih kepada JKM kerana banyak membantu kita tetapi biarlah maksudnya mereka menerima jumlah yang sama seperti mana orang lain terima iaitu 18 item ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Dr. Jins Shamsudin.

4.28 ptg.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua setelah dilantik semula untuk menyambung tiga tahun lagi sebagai Senator dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Bismillah hirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas pada 19 Mac 2007 yang lalu.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan serta merafak sembah setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi dan juga kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah di atas pertabalan Baginda berdua bersemayam di atas takhta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang telah ditabalkan pada 26 April 2007 yang lalu.

Menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menitik beratkan tentang pentadbiran dan pembangunan negara dengan memulakan Titah Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang telah menaung negara selama lima tahun dengan aman dan makmur.

Begitulah seorang yang merasakan rendah diri kepada yang terdahulu daripadanya dan yang lebih tua. Baginda juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, yang telah berusaha memakmurkan negara dan dihormati di persada antarabangsa. Baginda sentiasa berdoa agar negara Malaysia sentiasa berada dalam keadaan aman dan makmur.

Saya ingin menyentuh sedikit apa yang telah disuarakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda juga amat prihatin di atas bencana alam yang berlaku di beberapa buah negeri terutamanya di Johor, yang melibatkan lebih daripada 100,000 penduduk yang telah berpindah dan kerajaan telah mengalami kerugian seperti yang tercatat sebanyak RM1.5 bilion.

Selain daripada fenomena alam, kejadian banjir juga merupakan ujian tuhan terhadap manusia, yang menjadi perosak muka bumi. Menebang kayu-kayan, meruntuhkan bukit-bukau tanpa kawalan, parit dan sungai menjadi sempit dan tersekat, tasik dan danau dipenuhi dengan sampah sarap dan lumpur. Dugaan tuhan ini haruslah kita lihat juga selain daripada fenomena alam dan mungkin juga adalah sesuatu yang hendak diduga manusia setakat mana kepatuhannya kepada alam yang telah dijadikan oleh Allah Subhanahuwataala sebagai tempat kita berlindung.

Dengan adanya bencana alam yang turun ini kita menyedari bahawa sesuatu harus dilakukan kepada negara kita bagi melindungi bencana alam yang akan terus melanda kita, jika kita tidak berhati-hati dalam mengawal, melaksanakan apa yang telah diberikan oleh tuhan kepada kita untuk menentukan kita dapat meneruskan kehidupan ini dalam keadaan aman damai yang mempunyai kualiti hidup. Kalau dalam bahasa orang kampung, mereka kata bukit-bukau ini adalah pasak bumi. Jadi kita runtuh segala-galanya.

Kalau kita lihat dalam laporan-laporan akhbar dan juga media elektronik, kebanyakan bukit-bukit, bukan sahaja di Johor tetapi juga di merata tempat telah di runtuh untuk dibangunkan rumah-rumah. Yang mana sekarang ini saya masih lagi menghadapi masalah di belakang rumah saya, bukit yang dahulunya telah mengorbankan beberapa nyawa telah tertimbus, hari ini masih diruntuhkan lagi. Setiap hari, sekarang ini pun kalau kita boleh ambil kamera dan teropong sedang diruntuh. Pada waktu siang saya kadang-kadang terperanjat kerana 'boom', batu-batu diruntuhkannya setiap hari, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itulah, barangkali Allah telah menduga kita bahawa dengan adanya dugaan itu kita dapat berhati-hati dalam kita melaksanakan pembangunan negara ini hendaklah kita juga melihat bahawa ada sesuatu yang harus kita simpan untuk generasi kita akan datang. Maka itulah pemuliharaan alam sekitar menjadi amat penting. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah mengingatkan kita betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat, khususnya kepada pihak berkuasa tempatan hendaklah memainkan peranan untuk mencapai objektif pembangunan seimbang.

Apabila kita bercakap tentang pembangunan seimbang, tentulah ada perseimbangannya di antara pembangunan fizikal dengan pembangunan rohani yang harus juga seimbang. Kita lihat juga di kampung, di desa, seimbang di antara kampung dan desa, di antara kota, bandar dan juga desa, di antara negeri dan wilayah haruslah ada perseimbangan di dalam pembangunan untuk kita dapat terus hidup di dalam sebuah negara yang dapat memelihara keadaan hidup yang berkualiti.

Seri Paduka Baginda juga telah menyentuh tentang tahun kemerdekaan yang ke 50. Tahun ini merupakan tahun ke-50 kemerdekaan Tanah Melayu dan Malaysia. Dasar pecah dan perintah oleh penjajah telah menjadikan kita dijajah lebih 400 tahun. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan kita betapa perjuangan dan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan mengharungi pelbagai cabaran dan kita juga pernah dengar ada di antara kita juga mengatakan kita mencapai kemerdekaan tanpa tumpah darah.

Saya merasakan itu barangkali semasa kita mencapai kemerdekaan itu. Tetapi sebelumnya kita telah banyak tumpah darah kerana menghalau penjajah. Kita juga telah dijajah oleh pelbagai penjajah bermula daripada Belanda, Portugal, Jepun dan kemudiannya kita juga dijajah oleh Bintang Tiga selama dua minggu dan ramai di antara penduduk-penduduk telah dibunuh oleh Jepun, oleh Bintang Tiga dan banyak yang telah mati.

Sebelum itu juga pembesar-pembesar negara, pejuang-pejuang kita seperti Datuk Maharaja Lela, Datuk Naning, Datuk Mat Kilau, Tok Janggut dan ramai lagi pejuang-pejuang kita yang telah dibunuh oleh British. Itu bukannya juga mengorbankan nyawa? Kita juga telah mengorbankan banyak nyawa pejuang-pejuang kita sebelum kita mencapai kemerdekaan.

Apa yang penting ialah untuk mempertahankan kemerdekaan ini supaya tidak lagi dijajah. Jadi, oleh kerana itu kita harus melihat apa yang telah disuarakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemerdekaan bukanlah sekadar kebebasan. Kemerdekaan bukan sekadar kebebasan kalau kita lihat daripada istilah Dewan Bahasa, memanglah kebebasan, kemerdekaan tetapi ia lebih daripada itu.

Ia adalah merupakan satu tanggungjawab. Kita telah diberikan satu tanggungjawab apabila kita merdeka untuk membangunkan negara ini. Jadi, ini adalah merupakan tanggungjawab kita bersama supaya melahirkan sebuah negara yang aman, damai, makmur dan bahagia. Bukanlah mudah bagi sesebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang keturunan, berbilang bangsa, berbilang budaya ini memerlukan tolak ansur dan kebijaksanaan. Kita bersyukur kerana memiliki kepimpinan dan pemimpin yang bijaksana. Menjaga keharmonian kaum dan jangan ada di antara kita yang cuba menggugat perpaduan kaum yang kita bina selama ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan, Yang Berhormat ?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, menyebut soal kemerdekaan ini, seorang tokoh pemikir Islam, Malik bin Nabi ada berkata, *[Bercakap dalam bahasa Arab]* iaitu "*jangan kamu menyediakan satu keadaan untuk menerima sekali lagi penjajahan*". Jadi, apakah Yang Berhormat tidak merasakan bahawa ada beberapa perkara yang berlaku, iaitu soal rancangan-rancangan hiburan kita, dalam media kita, salah faham kita dan sebagainya, dan kebebasan anak muda dan sekarang ini adalah satu keadaan seperti mana yang disebut iaitu kita menyediakan keadaan untuk menerima sekali lagi penjajahan.

Walaupun bukan dalam penjajahan politik itu diserang dan sebagainya tetapi penjajahan pemikiran, penjajahan moral kita yang menyebabkan sebenarnya kita bukanlah sebuah negara yang merdeka pun. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dan apa yang patut kita lakukan sebenarnya?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak dapat menjawab kerana persoalan itu ada di dalam jawapan saya. Jadi, kalau saya jawab, saya akan mengulangi sekali lagi, saya akan teruskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Duli Yang maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan Ahli-ahli Dewan, kegigihan setiap rakyat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara untuk 50 tahun yang akan datang dan seterusnya 50 tahun lagi pembangunan insan merupakan pencapaian yang boleh dibanggakan. Dalam masa yang sama kita harus memperbaiki pencapaian dalam bidang-bidang yang lain.

Untuk itu kita harus melihat juga kerajaan kita iaitu Tuanku juga telah sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana berjaya merangka Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membawa kita ke Wawasan 2020 kira-kira kurang dari 13 tahun dari sekarang menjadikan negara ini maju dalam semua bidang. Bidang seni sebagai contoh ia menjadi wadah kepada pembangunan insan. Kita terdedah kepada budaya yang menerpa ke arah kita melalui pelbagai saluran satelit, TV, internet, filem, video, CD dan lain-lain yang menyebabkan anak-anak kita dijajah mindanya melalui budaya asing. Itulah Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya akan teruskan, anak-anak muda telah dijajah melalui budaya dan budaya-budaya asing yang sekarang ini menerpa ke arah kita.

Maka perlulah stesen-stesen televisyen memainkan peranan menyiarkan program-program yang membina jati diri bangsa, mengamalkan budaya sihat bagi mendidik anak bangsa untuk membina sebuah negara yang bermaruah sesuai dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berilmu seperti yang dihasratkan oleh Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berada di tahap yang boleh kita banggakan walaupun baru sahaja merdeka selama 50 tahun jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain sebenarnya kita telah berjaya, tetapi pada masa yang sama, khususnya dalam bidang seni perfileman dan muzik tanah air, pada tahun 2006 sahaja, kita menayangkan 340 buah filem asing yang budayanya amatlah asing bagi kita berbanding dengan 28 filem tempatan.

Ini tidak termasuk filem-filem yang ditayangkan di stesen-stesen televisyen dan baru-baru ini KeKKWa telah menganjurkan program Titian Budaya di Jakarta. Serentak dengan itu, minggu filem Malaysia telah diadakan bagi mempromosikan filem-filem tempatan. Ini adalah usaha ke arah kita memajukan penerapan budaya-budaya yang boleh kita diterima. Kami mengharapkan agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa MITI dapat memainkan peranan, bawalah bersama penerbitan filem tempatan dalam misi perdagangan di luar negara bagi mempromosikan dan pendedahan filem-filem Malaysia di pasaran antarabangsa.

Kita juga mengharapkan pesawat-pesawat nasional kita seperti MAS dan Air Asia dapat menayangkan filem-filem tempatan bagi memperkenalkan budaya kita melalui filem kerana filem memainkan peranan yang amat penting bagi menyalurkan budaya bangsa dan saya pernah diberitahu oleh seorang Timbalan Menteri tadi dan beliau berada di sini, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Yang Berhormat Datuk Ong Tee Keat. Dia pernah berjumpa saya, dia kata '*saya belajar Bahasa Melayu melalui filem*'.

Jadi bererti filem telah mengajar beliau berbahasa Melayu dengan baik dan beliau bertutur Bahasa Melayu kadang-kadang kita pun kalau tidak tengok tidak tahu namanya kita ingat dia benar-benar orang Melayu yang benar-benar berbahasa Melayu Bahasa Malaysia dengan cukup baik. Jadi bererti filem memainkan peranan yang amat penting. Apa yang hendak saya sampaikan seterusnya pada 27 April 2007, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Harta Inteltek Negara yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi. Filem merupakan salah satu warisan harta Inteltek.

Kita masih menghadapi masalah cetak rompak. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah banyak membuat serbuan demi serbuan, tetapi kegiatan ini masih lagi berleluasa. Kita lihat baru-baru ini juga penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menggunakan anjing pengesan dan telah berjaya merampas cakera optik cetak rompak bernilai RM10 juta di Holiday Plaza Johor Bahru pada bulan Mac yang lalu dan hal ini amat memalukan kita. Pada 1 April, *Mingguan Malaysia* dan *Berita Harian* telah melaporkan satu lagi serbuan dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri membabitkan 150 ribu DVD cetak rompak dan dirampas bernilai RM1.5 juta dengan menggunakan anjing pengesan sekali lagi.

Jadi bererti anjing dapat mengesan, manusia tidak dapat. Yang anehnya premis yang sama pernah diserbu dan diambil tindakan, namun pemiliknya masih menjalankan kegiatan yang sama. Mungkin saya berpendapat kerana hukuman yang dikenakan terlalu ringan, maka kegiatan ini terus berleluasa. Tidakkah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula denda yang dikenakan termasuk merampas harta benda pemiliknya bagi menyekat kegiatan-kegiatan yang berleluasa. Walaupun sudah diserbu, ditangkap dan dihukum, tetapi mereka masih menjalankan kegiatan kerana keuntungannya barangkali melebihi denda yang dikenakan.

Sepatutnya dendanya lebih daripada keuntungan. Maka itu tidak ada yang berani untuk meneruskannya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi *Utusan Malaysia* bertarikh 11 April 2007 telah melaporkan sebagai berkata, '*Kita tidak mahu dikenali sebagai Kementerian Penguatkuasa sahaja, kita ada peranan untuk membantu menjana ekonomi negara*'. Kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal. Tetapi kalau harta intelek kita dicetak rompak berterusan, hancur juga akhirnya, terjejas juga ekonomi mereka yang terlibat.

Apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau kita cari pendekatan lain untuk mengatasinya sebagai contoh melucutkan semua lesen pencetak CD atau VCD dan cakera padat dan lain-lainnya kemudian kita sediakan satu kawasan terkawal hanya yang beroperasi di sana sahaja diberikan lesen, mungkin mudahlah sedikit untuk kita mengawalinya dan ini barangkali boleh dikaji oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri kerana kita melihat juga pada 19 April 2007 satu lagi serbuan dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melibatkan 10 ribu VCD cetak rompak dan lucah.

CD lucah juga bernilai RM100 ribu dirampas. Sampai bilakah masalah ini dapat kita selesaikan? Nampaknya tidak ada kesudahan dan ini melibatkan nama baik negara. Seolah-olah Malaysia menjadi pusat cetak rompak yang tidak terkawal amat memalukan sebuah negara yang telah kita umumkan sebuah negara Islam tetapi kita tidak dapat mengawal perkara-perkara CD lucah yang berleluasa. Saya mengharapkan bahawa penguatkuasaan ini mesti diteruskan. Kerana kalau tidak ada penguatkuasaan maka tidak mungkin kita dapat mengatasi masalah-masalah ini. Ini adalah merupakan sesuatu yang sangat penting apabila kita menghadapi Hari Raya yang akan tiba dan di situlah usaha mencetak rompak semua CD sama ada ia dibuat dalam negara dan luar negara berleluasa kerana mereka dapat menjualnya dengan mudah.

Hari ini CD cetak rompak dijual tiga keping dengan harga RM10, bayangkan. Maka dengan itu sebenarnya kualitinya hampir sama sebab barangkali datang dari *source* yang sama. Jadi saya telah diberikan maklumat-maklumat ini oleh mereka yang terlibat, akan rugilah mereka yang terlibat dalam bidang pembikinan filem, lagu, muzik dan sebagainya dicetak rompak dan tidak berkesudahan. Maka itulah saya mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula cara dan kaedah untuk mengatasi perkara ini. Seterusnya juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh tentang modal insan.

Berlandaskan kepada pengetahuan merupakan aset yang paling berharga kepada negara. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,

"Sehubungan dengan itu pendidikan awal dari kanak-kanak lagi perlulah diberi penekanan agar tidak ada yang tercicir. Kita selalu mendengar sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi pelbagai masalah dengan penubuhan permata negara, sekolah bestari, usaha Kementerian Pelajaran memperkasakan sekolah kebangsaan, latihan proses pembelajaran sepanjang hayat, keluhuran budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni merupakan elemen penting di dalam melahirkan modal insan yang berilmu dan berkualiti."

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran setakat manakah keberkesanan memperkasakan sekolah kebangsaan setelah bahasa Inggeris, Tamil dan bahasa Cina diperkenalkan? Adakah kementerian mempunyai angka berapa ramaikah yang berpindah dari sekolah-sekolah swasta atau sekolah jenis kebangsaan ke sekolah kebangsaan bagi memperkasakan sekolah kebangsaan? Ini juga amat penting di dalam kita menyatupadukan kaum di negara ini. Perkara ini penting untuk mewujudkan perpaduan kaum bermula daripada kanak-kanak sekolah lagi. Dahulu kementerian pernah bercadang mewujudkan Sekolah Wawasan tapi ada juga yang menentangnya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran? Kerana saya berpendapat bahawa perpaduan kaum haruslah bermula daripada anak-anak sekolah lagi.

Jadi dari situ kita dapat membina mereka ke arah satu perpaduan yang lebih erat lagi apabila mereka berkenalan daripada kecil lagi dan akhirnya menjadi kawan sehingga mereka dewasa dan di situlah kita dapat membina negara yang bermaruah, membina negara yang dapat menyatupadukan semua bangsa dan berkongsi kuasa.

Bercakap mengenai nilai-nilai murni baru-baru ini saya telah dihubungi oleh beberapa orang ibu bapa semasa saya merasmikan sebuah Mesyuarat Agung PIBG mengenai lagu yang dinyanyikan oleh *The Fabulous Cat* bertajuk Papa Jahat. Disiarkan di stesen radio di seluruh negara termasuk RTM. Di antara seni katanya berbunyi "*papa jahat, kenapa papa nakal sangat, papa kerja kuat, papa tahu papa ligat, papa ada otak untuk melihat, papa jahat.*"

Saya berpendapat seni kata lagu ini tidak menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak sedangkan kempen nilai-nilai murni dan budi bahasa telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disusuli oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tidak lama dahulu. Tidakkah lagu ini bertentangan dengan kempen nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak dan saya khawatir kalau tidak dibendung akan ada pula lagu mama jahat, atau...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: ... keluarga jahat, kawan jahat dan banyak lagi. Silakan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, mengapa agaknya kata-kata itu tidak baik oleh kerana tidakkah tujuan lagu itu untuk menyedarkan bapa yang hari ini banyak membiarkan anak-anak berkeliaran dan sebagainya. Jadi setidak-tidaknya pukulan lagu anak itu kepada bapa ini menyedarkan kepada bapa bahawa sudah dia ada anak maka dia patut lebih bertanggungjawab. Jadi secara tidak langsungnya dengan harapan kalau lagu ini selalu dimainkan, bapa-bapa yang tak peduli fasal anak ini akan mengambil lebih berat lagi dan saya mencadangkan banyak lagi lagu-lagu macam ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa untuk mendidik anak-anak adalah daripada rumah. Syurgaku, rumahku bukannya di tengah padang, bukannya kita menyuarakan di luar daripada ruangan. Kita mendidik di rumah. Kita mengajar anak-anak kita. Jadi kalau kita suruh anak maki kita jadi ini adalah satu nilai yang tidak baik pada saya. Jadi saya merasakan seni kata lagu ini hendaklah sekurang-kurangnya memuji bapa yang telah mendidiknya. Kalau ada sesuatu yang tidak baik saya rasa haruslah dibendung di rumah bukannya dikeluarkan di dalam lagu-lagu seperti ini.

Saya khuatir lagu-lagu seperti ini boleh membawa kepada perasaan yang tidak baik kerana ia melibatkan anak-anak yang tidak tahu apa-apa. Jadi dia telah menggunakan seni kata ini dan akhirnya dia pula maki mak dia dan akhirnya keluarganya juga akan disentuh. Saya merasakan kurang sesuai.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: *[Bangun]*

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Itu pandangan saya walaupun saya orang seni tapi saya merasakan sesuatu yang hendak kita sampaikan kepada keluarga itu haruslah melalui saluran yang lebih baik. Okey, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada dua-dua pandangan sebenarnya. Cuma sebagai seorang ibu saya bersetuju kurangkanlah bahasa-bahasa kesat yang perlu hendak dipamerkan di luar tapi apabila ia mengaitkan kepada seorang ayah yang seharusnya bertanggungjawab kepada keluarganya dan ayah biasanya pula dia ego, dia tak boleh ditegur apatah lagi anak yang hendak menegur.

Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat apa cara untuk menegur ayah secara efisien supaya dia sedar. Kalau tidak melalui lagu sebab anak sudah tak boleh menegur ayah sebab kita nampak pun tak sopan tetapi untuk memperbaiki sampai jangan merebak anak ini nanti apabila tak boleh ayahnya ditegur, ayahnya pula memberi satu contoh yang tidak baik dan diikuti pula oleh anak dan apabila ini berlaku nanti ada lagi satu lagu yang hendak mencaci ibunya pula dan kalau ibu lagi tak boleh ditegur jadi saya hendak mendengar pandangan seorang seni apa cara yang terbaik untuk menegur kepada ibu ataupun kepada bapa yang rasanya tidak bertanggungjawab.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kalau kita lihat dari seni kata itu ada usaha untuk menegur tapi menegur ibu bapa itu di dalam Islam pun kita sebagai anak harus menghormati ibu bapa sebab di dalam hukum yang kita tahu yang kita belajar jangankan kata kepada bapa, kita jeling sahaja pun atau kata huh! pun adalah berdosa.

Jadi oleh kerana itu dan kita galakkan pula mereka ini menyanyi lagu yang mencaci atau mengata bapanya adalah bertentangan dengan Islam sama sekali. Saya bercakap dari sudut agama. Tetapi walau bagaimanapun kita ada saluran yang lain. Setiap minggu kita boleh adakan sekurang-kurangnya dua jam bersama dengan keluarga dan di situ kita boleh bertanya apa masalahnya hendak, cuba bagi tahu ayah atau bagi tahu mak, mari kita perbetulkan. Saya rasa itu adalah lebih afdal...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Minta laluan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: ...Atau lebih sesuai. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat khususnya tentang ajaran Islam dalam menghormati ibu bapa dan jelas dalam ayat Al-Quran menyebut bahawa *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* maknanya bermaksud "...dan katakanlah kepada keduanya kata-kata yang baik dan ini merupakan satu arahan dan suruhan bukanlah perkara yang dibuat secara sambil lewa."

Maknanya arahan Allah Taala untuk kedua ibu bapa mesti 'kaulan karimah' cara-cara yang baik dan saya kira dalam hendak mengajar mengikut pandangan Yang Berhormat di dalam hendak mengajar bapa yang kadang-kadang bapa kadang-kadang ibu dan mungkin juga kadang-kadang anak yang tidak menghormati hak satu sama lain. Kita ada undang-undang dan di sinilah bagi saya fungsi undang-undang dan penguat kuasa kerana dalam negara kita ini undang-undang tentang penderaan sudah banyak dalam negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju. Saya pun ke arah itu. Jadi kalau kita hendak menegur saya juga ada ibu dan bapa tapi sekarang sudah tak ada, saya selalu menggunakan pendekatan yang terbaik. Saya akan pergi saya cium tangan ibu bapa saya, saya bertanya kalau apa yang saya buat ini tak betul. Yang mak buat itu macam mana?

Yang itu kita boleh bincang sebab itulah cara yang terbaik. Sebab tidak ada yang lebih baik pendekatan yang diarahkan oleh Allah S.W.T. adalah yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah keluarga bukannya kita buat di luar atau kita mengata kepada mak kita, kita pergi ke corong radio adalah tidak sesuai sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Dalam masa yang sama, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia telah pun menaikkan taraf ASK di dalam modal insan tadi kepada ASWARA yang bertaraf universiti. Dalam bidang seni yang telah dirasmikan pelancarannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 9 April 2007 yang lalu. Ini bererti tidak lama lagi ASWARA akan melahirkan modal insan yang berilmu dalam bidang seni. Terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, warga seni sentiasa diberi pengiktirafan oleh kerajaan.

Melalui KeKKWa saya ingin menarik perhatian kerajaan mempertimbangkan kewajaran untuk mengisytiharkan hari seniman satu hari dalam setahun bagi menghargai semua seniman yang terlibat dalam bidang seni, seni lakon, seni tari, seni suara, seni ukir, seni kraf, seni reka, seni tampak dan semua yang berkaitan dengan seni yang berkaitan seperti sasterawan, penulis, teater, karyawan seni, budayawan dan lain-lainnya yang ada kaitan dengan bidang seni yang telah banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan dunia seni tanah air.

Kalau dalam bidang yang lain kita mempunyai hari tertentu bagi menghargai sumbangan mereka seperti Hari Guru, Hari Buruh, Hari Pahlawan, Hari Polis, Hari Jururawat, Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Belia dan banyak lagi yang telah kita umumkan dalam setiap tahun. Kita baru sahaja meraikan Hari Pekerja yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri juga, seniman juga banyak memberikan bantuan, banyak juga memberikan sokongan kepada kerajaan dan juga ekonomi, sosiopolitik tanah air. Hari-hari perayaan seperti Hari Kemerdekaan, jamuan negara, pilihan raya dan banyak lagi ucapan-ucapan yang memerlukan, upacara-upacara yang memerlukan persembahan-persembahan kesenian maka senimanlah yang diperlukan untuk menghibur atau menyampaikan maklumat.

Untuk mengenang jasa mereka maka wajarlah diisytiharkan satu hari dalam setahun kita panggil hari seniman. Apa pandangan Yang Berhormat untuk menjadikan satu hari bagi mengumpulkan semua seniman tanah air dan mengadakan beberapa aktiviti bagi membantu mereka yang memerlukan. Ini adalah hasrat dan suara-suara yang datang daripada golongan seni kerana ianya telah pun disuarakan lebih daripada beberapa tahun yang lalu bermula daripada Festival Filem Malaysia Keenam pada tahun 1986 dan

berikutnya Festival Filem Yang Keenam, Ketujuh, Kelapan dan Kesembilan telah pun disuarakan dalam buku cenderamata untuk melahirkan satu hari, hari seniman. Maka saya mewakili kaum seniman seluruh negara ingin menyuarakan perkara ini, merayu dan memohon kewajaran untuk kerajaan mengisytiharkan satu hari dalam setahun hari seniman. Terima kasih kepada kerajaan yang telah memberikan banyak anugerah kepada para seniman dan negara kita yang meletakkan tahap yang tertinggi.

Satu lagi perkara yang telah disuarakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah kemajuan wanita. "*Beta berbangga dengan kemajuan wanita di Malaysia*", Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender telah ditubuhkan bagi mengkaji kedudukan wanita di peringkat membuat keputusan. Saya terbaca di sebuah akhbar baru-baru ini di Finland, anggota kabinetnya lebih ramai wanita dari lelaki. Di Malaysia belumlah sampai ke tahap itu tetapi sekarang ini kata Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, jumlah pekerja-pekerja wanita berkurangan semenjak 10 tahun yang lalu kerana ramai yang berhenti selepas cuti bersalin untuk menjaga anak di rumah.

Baguslah itu anak mereka dijaga sendiri bukan oleh orang gaji yang datang dari Filipina atau dari Indonesia atau dari datang dari negara-negara lain menjaga anak kita dan itulah budaya yang kita selalunya terima daripada luar. Jadi kalau ada yang sudah berhenti itu hendak jaga anak sendiri elok jugalah tetapi kita juga mengharapkan sumbangan wanita di dalam membangunkan negara ini supaya tidak terhenti setakat itu dan akan berterusan menjadikan sumbangan yang seimbang dengan kaum lelaki dapat membangunkan negara ini agar lebih maju lagi.

Seterusnya kita terus bercakap tentang saya ingin menyentuh juga perkara pembangunan seimbang. Telah menjadi fokus kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar tanpa mengira kaum menjelang 2010. Masih terdapat keluarga miskin yang telah dipaparkan melalui rancangan TV Bersamamu khususnya di luar bandar dan ini adalah sesuatu yang amat menyedihkan kerana kita hari ini mempunyai pungutan wang zakat yang berjuta-juta ringgit dan kita selalu membuka kaunter zakat di merata daerah di negeri dan di seluruh negara untuk memungut zakat. Jadi untuk itu kita juga mencadangkan supaya zakat yang dipungut ini dapat memberi dan membantu keluarga-keluarga miskin yang dipaparkan di dalam rancangan-rancangan TV itu yang amat daif. Ke mana perginya wang zakat ini dan bagaimana ia disalurkan?

Kalau kita ada mempunyai kaunter membayar zakat kenapa tidak juga ada satu kaunter mengeluarkan zakat di tempat yang sama. Apa yang saya difahamkan di kaunter zakat ini tidak ada kaunter untuk membayar tetapi hanya menerima. Jadi eloknya ada juga kaunter untuk mereka yang berkecukupan untuk menerima zakat ini datang ke kaunter yang sama. Di sana ada orang memberi, di sebelahnya ada orang yang menerima. Jadi ini akan menambah mudah lagilah mereka yang tidak berkemampuan untuk mendapat. Saya juga telah difahamkan hari ini pihak yang berwajib khususnya telah menggunakan wang zakat untuk membina sebuah hospital dan juga hotel.

Saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab adakah wang zakat ini boleh digunakan untuk membina hotel dan kalau boleh apakah boleh hotel ini diduduki oleh orang-orang bukan Islam dan kemudiannya orang-orang miskin yang tidak berkemampuan boleh tinggal di hotel ini kerana ia adalah daripada wang zakat. Begitu jugalah dengan hospital yang dibina dari wang zakat dan bolehkah mereka yang datang daripada luar bandar dari mana-mana untuk datang ke Kuala Lumpur kerana sesuatu, hendak temu duga atau sebagainya dapat menggunakan hotel ini tanpa bayaran kerana wang itu adalah wang zakat.

Saya harap kementerian dapat mencari satu jalan supaya dapat memperjelas perkara ini supaya wang zakat ini disalurkan kepada pihak-pihak yang memerlukan dan yang perlu kita bayar. Kadang-kadang kita juga tidak tahu ke mana wang zakat ini dan kalau ada kaunter zakat dipungut zakat saya lihat banyak tempat kaunter pungut zakat tetapi saya belum nampak lagi kaunter hendak bayar kepada orang yang sepatutnya menerima zakat belum ada lagi. Jadi mungkin ini boleh difikirkan oleh kementerian supaya kita ada satu kaunter untuk memberi zakat khususnya kepada mereka yang memerlukannya.

Kita mengharapkan juga di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat mengatasi masalah ini bila dilaksanakan sepenuhnya nanti. Masih terdapat ketidakseimbangan pendapatan di antara kaum bumiputera dan juga kaum Cina dan India. Untuk mengatasi perbezaan ini satu pendekatan baru hendaklah dicari.

Kita mengharapkan juga di dalam masa Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat mengatasi masalah ini bila dilaksanakan sepenuhnya nanti. Masih terdapat ketidakseimbangan pendapatan di antara kaum Bumiputera dan juga kaum Cina dan India. Untuk mengatasi perbezaan ini, satu pendekatan baru hendaklah dicari dengan memberikan perhatian bahawa tidak ada mana-mana kaum monopoli dalam sesuatu bidang perniagaan. Dalam bidang perfileman umpamanya sebagai contoh, masih terdapat ketidakseimbangan di kalangan penglibatnya. Jadi bila ada satu kaum memonopoli bidang itu, maka ia tidak seimbang. Jadi kalau kita mahukan supaya membasmi kemiskinan, keseimbangan di antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera, mestilah seimbang dan tidak ada satu kaum memonopoli satu bidang perniagaan.

Jadi semua kaum boleh mengambil bahagian dalam semua bidang perniagaan. Ini akan memberikan ruang dan peluang kepada semua kaum supaya dapat mempelajari bidang-bidang yang tidak pernah diceburi oleh mereka. Akhirnya menjadi satu perkongsian, maka tidak timbullah tuduhan-tuduhan Ali Baba atau Baba Ali ini kalau semua orang sudah melibatkan diri dalam semua bidang perniagaan dan monopoli sistem ini haruslah kita pecah kerana dia tidak memberikan apa-apa.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [Bangun]

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Kalau kita lihat di Amerika Syarikat ada satu sistem *antitrust law* supaya tidak ada sebuah syarikat atau sebuah perniagaan itu dimonopoli oleh sebuah syarikat atau satu kumpulan.

Datuk Yaakob b. Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Menyentuh topik keseimbangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat. Saya ingin mendapat pandangan tentang monopoli. Kalau dilihat rata-rata hari ini dalam dasar kerajaan dan keseimbangan dari segi perniagaan sebagaimana Yang Berhormat sentuh tadi. Realitinya hari ini kota-kota Kuala Lumpur, Lembah Klang dan kota-kota lain di dalam negara kita, kalau dilihat umpamanya pasar raya, Midvalley, umpamanya pasar-pasar perniagaan ternyata dengan jelas untuk mencari seorang Bumiputera pun amat sulit sekali. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat juga tentang realiti bagaimana monopoli ini harus dipecahkan walaupun sudah begitu lama diuar-uarkan, dilaung-laungkan oleh kerajaan agar keseimbangan ini harus diperbetulkan.

Sudah saya nyatakan tadi realitinya hari ini kalau Yang Berhormat atau rakan-rakan yang pergi ke Midvalley ataupun pasar-pasar besar, tidak ada hasrat ataupun *vision* kerajaan untuk menentukan keseimbangan dari segi perniagaan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat untuk memastikan perkara ini harus diperbetulkan sama ada oleh dasar-dasar kerajaan yang tertentu ataupun bagaimana dari segi UDA nya dahulu harus memainkan peranan yang lebih aktif bagi menjurus ke arah hasrat misi kerajaan itu dapat dicapai. Terima kasih.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah usaha ke arah memecahkan monopoli ini bukanlah satu perkara yang mudah tetapi kita harus berusaha. Kalau di dalam pembangunan-pembangunan *shopping complex* yang ada di seluruh Klang Valley dan juga di bandar-bandar besar ini dapat kita kawal. Maksudnya setiap ruang-ruang perniagaan ini juga diberikan peruntukan kepada semua kaum. Jadi ada orang Cina, ada orang India, ada orang Melayu, dan lain-lainnya dapat sama-sama berkongsi sama ruang. Cara ini akan dapat memecahkan monopoli. Dengan itu juga kita dapat merapatkan lagi integrasi kaum. Dengan berada di satu ruang. Sebagai contoh, kalau dulu panggung-panggung wayang pada zaman British dahulu dia tentukan ini panggung untuk filem Inggeris, ini panggung untuk filem Cina, ini panggung untuk filem Tamil dan seterusnya.

Namun apa yang berlaku hari ini, semua panggung wayang yang sedemikian ditutup kerana tidak ada lagi yang mahu pergi kepada panggung wayang ini. Jadi usaha ke arah mewujudkan integrasi kaum, dengan membina panggung wayang di sebuah kompleks perniagaan dan kalau kita lihat di Midvalley, di KLCC ada panggung-panggung wayang yang dibina, di situ ada filem Melayu ditayangkan, di situ ada filem Cina ditayangkan, di situ ada filem Inggeris ditayangkan dan lain-lain. Kita tidak lagi takut hendak pergi kepada panggung yang dikunjungi oleh semua kaum.

Jadi ini adalah satu usaha yang baik. Pembangunan panggung-panggung wayang di seluruh negara hari ini sudah ada trend untuk membina pawagam yang banyak dewan. Kalau kita tengok di Midvalley ada 18 screen atau dewan di dalamnya. Kita tidak rasa lagi takut kerana di situ ada semua kaum di samping membina integriti kaum, semua orang boleh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Orang Melayu boleh tengok filem Cina, orang Cina boleh tengok filem Melayu dan sebagainya. Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Yang Berhormat, saya tertarik dengan perniagaan monopoli iaitu kita lihat ASTRO hari ini, kerajaan hanya membenarkan satu syarikat sahaja iaitu untuk mengawal perniagaan monopoli. Hari ini kita lihat ASTRO sewenang-wenangnya menaikkan yuran dan ada menteri sendiri berkata kalau tak mahu tengok, tak mahu naikan, tak mahu bayar lebih, tak payah tengok ASTRO. Tapi bukankah ini satu perkara yang tidak adil? Apa kata kalau lesen ini diberi kepada beberapa syarikat lagi? Pada RTM juga boleh. Apa salahnya kalau RTM dia ada siaran percuma. Kalau nak lihat siaran yang berbayar, kita bayar. Begitu juga dengan TV3, begitu juga dengan NTV7. Jadi ini satu persaingan dalam perniagaan dan mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan yuran. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju. Bersetuju sangat kerana menaikkan yuran dengan sewenang-wenangnya itu akan menambahkan lagi kos kepada mereka yang tidak berkemampuan. Sedangkan kerajaan menggalakkan kita berjimat cermat. Jadi untuk berjimat cermat, maka semua pihak harus ada tanggungjawab. Jadi tidak perlulah kita kata kalau tak nak tengok tutuplah. Saya rasa itu sesuatu yang menyekat kebebasan kita untuk menonton sesuatu program kalau ia mempunyai 21 *channel*. Kita boleh ambil beberapa *channel*. Jadi saya amat bersetuju supaya yuran *channel* berbayar tidak dinaikkan dan ini adalah terletak kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kerana Kementerian inilah yang mengeluarkan lesen-lesen televisyen.

Jadi kita meminta jasa baik Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengkaji semula permintaan untuk menaikkan yuran TV berbayar dulu kita pernah bayar lesen TV sebanyak RM24 setahun, tetapi kerana memikirkan TV itu amat penting bagi menyalurkan maklumat-maklumat kerajaan, maka kerajaan sangat prihatin dan memansuhkan lesen TV dan radio sekarang adalah percuma. Tetapi ada pula pihak swasta mengambil kesempatan untuk menaikkan yuran haruslah dikaji semula. Saya amat bersetuju.

Tuan Ismail Kassim: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Ada lagi? Baik, terima kasih.

Tuan Ismail Kassim: Saya ingin menanyakan pandangan Yang Berhormat. Sedikit sahaja Yang Berhormat. Adakah tindakan menaikkan kadar yuran sewenang-wenangnya ini disebabkan oleh kuasa yang berlebihan yang diberikan oleh pimpinan terdahulu kepada syarikat berkenaan?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya tidak ada maklumat secara terperinci tetapi saya difahamkan salah satu daripadanya ialah *Censor Board*. Pihak berkenaan mempunyai ahli penapisannya tersendiri. Berkemungkinan kerana telah diberikan suatu lesen tertentu di dalam syarat lesen itu barangkali telah dinyatakan mereka berhak untuk mengadakan Jawatankuasa Penapisan tersendiri. Berkemungkinan juga di dalam lesen itu ada syarat-syarat tertentu tetapi dia juga adalah tertakluk kepada undang-undang negara

dan saya percaya kerajaan boleh membatalkan mana-mana lesen jika difikirkan bercanggah dengan undang-undang negara dan lesen boleh ditarik balik. Jadi oleh sebab itu saya rasa perkara ini...

Datuk Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin:... kita mintalah pandangan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Mereka barangkali lebih memahami tentang pengeluaran lesen. Terima kasih.

Datuk Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah pada pendapat Yang Berhormat, keadaan kenaikan harga Astro ini akan jadi seperti PLUS? Kerana mereka mempunyai *advantage* atau dengan izinlah, dari segi ikatan perjanjian. Maka apabila sampai masa, mereka rasa mereka perlu naik mereka akan naik tanpa boleh mana-mana pihak menyekat kenaikan itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Kita ada pepatah mengatakan 'lurus jarum, lulus kelindan'. Jadi kalau kita benarkan kali ini naik, maka dia akan berterusan. Bukan sahaja lesen TV, dan mungkin ada lain-lain lesen juga. Saya amat bersetuju perkara menaikkan sama ada tambang, naik harga minyak, naik harga tol, naik harga lesen TV, hendaklah ada kawalan dan barang-barang keperluan harus dikawal oleh kementerian yang berkenaan untuk mengawal kenaikan harga ini bagi mengatasi masalah mereka yang tidak berkemampuan.

Kita tahu kerajaan sentiasa, saya ulangi, kerajaan sentiasa menggalakkan kita berjimat-cermat. Jadi untuk berjimat-cermat kita hendaklah mengawal segala kenaikan. Yang tidak perlu naik, jangan naik. Kalau yang terpaksa naik itu kita tidak ada pilihan. Saya ingin teruskan perkara yang juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah mengenai...

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Minta laluan. Maaf Yang Berhormat oleh sebab begitu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi laluan tak ini? Bagi laluan ke tidak?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Saya mohon laluan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Bagilah, pendek kalau boleh...

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Ya, sebelum berpindah kepada perkara yang lain. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk. Minta maaf saya terpaksa mengganggu tetapi oleh sebab saya nampak dalam kita membahaskan dan ada kaitannya dengan seni, terlalu banyak perkara yang berlaku yang mungkin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan dan juga orang yang di luar.

Saya setelah mendengar tentang Astro, masalah naik harga, saya rasa itu perkara kecil. Yang lebih besar ialah pengaruh Astro itu sendiri terhadap muda mudi kita. Kita nampak hari ini, sejak Aruna diperkenalkan, *New Satellite* Aruna, dan boleh dikatakan rata-rata di mana-mana di kampung-kampung kalau kita masuk pun tidak ada lainlah, mereka pasang semuanya Astro yang menumpukan kepada Aruna dan biasanya *channel* 9 ini kebanyakan program ada kaitannya dengan anak-anak muda sekolah, budak-budak sekolah, akibat banyak gaul dan sebagainya. Semuanya tidak ada lain, semuanya cewek-cowok, yang bercinta sahaja. Selain bercinta, selepas itu mengandung di luar nikah, membuang anak.

Dalam usaha kerajaan pada satu sudut, *on one hand*, kita hendak memperkenalkan nilai-nilai murni, pendidikan yang tulus. Tetapi dalam masa yang sama kita membenarkan tayangan-tayangan yang membawa gambaran yang begitu negatif terhadap kita. Yang sedih itu, kalaulah Astro sahaja yang melakukannya oleh sebab swasta dan saya tidak tahu di mana? Apa caranya, kononnya kita mengawal. Konon-kononnya kita ada badan penapisan. Sejauh mana kuasa penapisan boleh menghalang perkara-perkara negatif yang boleh mempengaruhi anak muda kita dan yang lagi menyedihkan ialah RTM dan juga TV3. Dia juga terikut-ikut. Dia juga menyiarkan sekali-sekala program-program seperti ini.

Jadi, apa caranya kita hendak mengawal? Sebab saya rasa dia bercanggah dengan dasar kita sendiri. Saya minta pandangan daripada Datuk yang tengah membahaskan perkara ini.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya difahamkan ada satu jawatankuasa meninjau program-program televisyen yang ditubuhkan di peringkat Kabinet yang dianggotai oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Mari kita bertanya kepada kementerian yang berkenaan untuk memberi jawapan bagaimana pelaksanaan jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini?

Saya difahamkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan kalau boleh jawatankuasa ini dapat melaksanakan tugas mereka bagi meninjau program-program televisyen yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya, yang bertentangan dengan peraturan-peraturan dan juga undang-undang kita atau bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan dapat kita pantau dan kita bolehlah menegur atau minta supaya mereka memperbetulkan segala program yang tidak sesuai untuk disiarkan di negara kita.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, barangkali kalau percaya, percayalah. Kalau tidak pun saya tidak dapat memaksa. Saya tidak ada Astro. [*Tepuk*]. Kerana anak saya masih sekolah. Jadi saya takut anak-anak saya terpengaruh dengan program-program itu. Maka saya tidak pasang Astro di rumah saya, ini benar. Jadi saya yang kawal. Jadi, kita tidak boleh kawal stesen Astro. Kita tidak boleh *stop* pelancaran satelit tetapi kita boleh kawal diri kita. Jadi tidak perlulah kita *worried* dengan izin. Tidak perlulah kita khuatir apa program yang disiarkan kerana kita mengawal diri kita sendiri. Jangan pasang Astro tetapi tidaklah bererti jangan ada Astro kepada mereka yang ingin menontonnya, silakan. Saya cuma beritahu. Saya yang kawal diri saya. Untuk meneruskannya, saya sebenarnya ada lagi. Sempat, ada dua minit lagi. Saya ingat kena sambung..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya teruskan dahulu. Sementara itu saya ingin menyentuh perkara yang ringkas dahulu iaitu dari segi integriti dan rasuah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru semua lapisan masyarakat termasuk perkhidmatan awam meningkatkan integriti dan membanteras rasuah. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah pun mengumumkan perang rasuah habis-habisan. Kerana rasuah menggugat integriti nasional. Pada 23 April 2007 yang lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan ulang tahun ketiga penubuhan Institut Integriti Malaysia. Kita selalu mendakwa.

Dalam perbincangan itu, kita mendakwa yang menerima rasuah tetapi jarang kita mendengar yang memberi rasuah. Kita mestilah meningkatkan usaha memburu yang memberi rasuah juga untuk mendapat sesuatu projek. Kalau tidak ada yang memberi, tidak adalah yang menerima. Jadi, kita harus buru juga yang memberi rasuah. Kerana ada di antaranya yang mahukan projek-projek tertentu mereka memberi rasuah, maka adalah yang menerima. Kalau kita lihat rasuah hampir sama jika dibuat perbandingannya dengan dadah. Kalau tidak ada yang mengedar dadah, mana ada yang menghisap dadah. Jadi, kita masih perlu memerangi habis-habisan yang memberi rasuah dan yang mengedar dadah, puncanya supaya kita dapat menghapuskannya seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus *zero* dadah dan *zero* rasuah dengan izin.

Jadi untuk itu, kita harus melihat perkara ini amat penting di dalam kita menjadikan negara kita sebuah negara yang aman damai, makmur dan maju. Melahirkan insan yang berilmu. Melahirkan manusia yang berkualiti, rasuah haruslah kita hapuskan. Di dalam RMK-9 merupakan gelanggang yang terbaik untuk kita menguji integriti dan rasuah. Kerana dalam pelaksanaan RMK-9 ini, daripada tahun 2006 hingga 2010, RM220 bilion akan dibelanjakan oleh kerajaan. Apakah pelan tindakan Badan Pencegah Rasuah untuk memastikan sifar rasuah seperti yang diharapkan bila kita menjelang Wawasan 2020.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi ucapan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya masih ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pagi esok.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Sambung esok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.

LAMPIRAN**PARLIMEN MALAYSIA**

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS
19 MAC 2007**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

***Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara
dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian***

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas.

2. Sempena majlis yang mulia ini Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Paduka Ayahanda Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Perlis yang telah bersemayam di atas takhta, menaungi negara dan memayungi rakyat selama 5 tahun dengan aman dan makmur.

3. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri yang kini memasuki tahun keempat menerajui tampuk kepimpinan negara. Mamanda Perdana Menteri telah mencetuskan pelbagai dasar agar negara dan rakyat terus makmur dan Malaysia dihormati di persada antarabangsa.

4. Beta berharap dan sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara kita akan terus berada dalam suasana aman dan harmoni, menikmati kestabilan yang berpanjangan serta pembangunan ekonomi yang mapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Tahun baru 2007, seluruh negara berkongsi kedukaan atas kejadian banjir yang melanda beberapa buah negeri. Bencana alam ini merupakan antara yang terburuk dalam sejarah negara kita. Lebih 100,000 rakyat jelata terpaksa dipindahkan dari rumah mereka akibat banjir tersebut. Dianggarkan kerugian akibat banjir buruk ini mencecah hampir satu perpuluhan lima (1.5) bilion ringgit.

6. Beta dan Raja Permaisuri Agong ingin merakamkan ucapan takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan mata pencarian akibat bencana tersebut. Beta juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan Mamanda Perdana Menteri yang bertindak pantas bagi meringankan penderitaan mangsa-mangsa banjir dan membolehkan mereka memulakan kehidupan baru.

7. Dalam usaha kita menangani kesan akibat banjir besar yang baru saja berlalu, kita juga harus insaf bahawa bencana sebegini mungkin akan berlaku lagi. Ramai saintis yang berpendapat bahawa hujan lebat yang mengakibatkan banjir besar baru-baru ini sebenarnya berpunca daripada perubahan iklim. Justeru, tidak mustahil perubahan iklim ini boleh mendatangkan lebih banyak bencana alam pada masa hadapan. Beta berharap agar tumpuan sewajarnya diberikan untuk menambah baik infrastruktur terutamanya sistem perparitan dan saliran bagi memastikan kita bersedia menghadapi sebarang musibah. Pada masa yang sama, kita juga harus menginsafi bahawa negara kita juga tidak terlepas daripada bencana alam. Beta berharap kita semua akan mempersiapkan diri masing-masing agar kita sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang musibah pada masa hadapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Walau apa sekalipun kejadian yang melanda negara, namun tahun ini amat istimewa dan penting dalam sejarah negara. Ini kerana kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. Ia bermakna telah separuh abad kita bebas dari telunjuk penjajah yang melemahkan jiwa anak bangsa dengan dasar pecah dan perintah. Sejak merdeka kita sudah mampu berdikari dan memerintah negara sendiri tanpa bergantung dengan kuasa luar.

9. Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana pengorbanan dan kebijaksanaan pejuang-pejuang kemerdekaan membolehkan negara kita merdeka tanpa konflik berdarah. Kecekalan mereka memperjuangkan kemerdekaan dan mengharungi pelbagai cabaran serta kesulitan untuk membina sebuah negara berbilang kaum telah membuahkan kejayaan yang hasilnya dapat kita nikmati hari ini.

10. Sesungguhnya, makna kebebasan dan makna kemerdekaan ini amat berharga dan perlu dihayati terutama bagi generasi muda. Beta sesungguhnya berharap agar kumpulan ini dapat mengetahui dan memahami sejarah kelahiran negara kita, menjiwai pahit getir pengalaman pejuang-pejuang kemerdekaan dan dengan itu menghargai kebebasan yang kita nikmati sekarang. Fahamilah semangat yang mendorong, kemelut yang tercetus, rundingan yang begitu rumit, dan tolak ansur yang dicapai untuk mencari titik keseimbangan bagi membolehkan kita semua hidup bersama dengan merdeka, berdikari, tolak ansur, saling menghormati dan bersatu padu. Kita semua, termasuklah anak-anak kita, perlu menghargai nikmat kemerdekaan yang kita perolehi selama 50 tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Sesungguhnya, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpah kurniaNya kepada bumi Malaysia ini. Namun, Beta juga ingin mengingatkan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bahawa usaha dan kegigihan setiap rakyat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan negara untuk tempoh 50 tahun yang akan datang. Kerajaan Beta tidak akan leka dengan pelbagai kejayaan yang telah dicapai dan akan terus mengejar kecemerlangan dalam semua bidang.

12. Dengan itu, Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri kerana berjaya merangka Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang telah dilancarkan tahun lalu. Perancangan-perancangan tersebut dibuat dengan matlamat untuk membawa negara kita menuju Wawasan 2020. Beta sukacita melihat tumpuan yang masih jitu dan kukuh ke arah wawasan yang murni tersebut. Beta yakin bahawa penekanan-penekanan yang diambil ke arah merealisasikan wawasan seperti yang termaktub dalam Misi Nasional akan memastikan negara sentiasa berada pada landasan kejayaan.

13. Lima teras Misi Nasional merangkumi aspek-aspek pembangunan negara secara menyeluruh termasuk kepesatan ekonomi, keseimbangan sosial serta keberkesanan jentera-jentera pentadbiran negara. Tumpuan kepada kelima-lima teras Misi Nasional seharusnya membawa perubahan kepada daya saing negara dan kualiti hidup rakyat.

14. Berdasarkan Laporan Daya Saing Dunia 2006, kedudukan Malaysia telah meningkat daripada kedudukan ke-28 pada tahun 2005 kepada kedudukan ke-23 pada tahun 2006. Menurut Laporan Pembangunan Manusia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tahun 2006, Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang berada dalam kategori tinggi untuk pembangunan insan. Ini merupakan pencapaian yang boleh dibanggakan, lebih-lebih lagi memandangkan betapa pendek sejarah kita sebagai sebuah negara yang merdeka. Pencapaian ini harus meningkatkan semangat kita untuk terus maju dan di samping itu memperbaiki pencapaian dalam bidang-bidang lain.

15. Dalam era yang serba mencabar ini, kita perlu melipatgandakan usaha dan menambah baik kerja. Demi kesejahteraan negara, Beta berharap Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini akan berkorban tenaga untuk memastikan bahawa segala dasar, program dan projek yang dirancang disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut tujuannya. Hanya tinggal kurang daripada 13 tahun menjelang tahun 2020. Inilah masanya untuk membuktikan bahawa negara kita mampu menggapai kecemerlangan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Beta maklum bahawa tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan akan menyaksikan perubahan dalam struktur dan prestasi ekonomi negara. Setiap sektor ekonomi yang sedia ada disasar akan mencapai nilai ditambah yang lebih tinggi melalui penggunaan kaedah baru, teknologi tinggi dan ilmu pengetahuan. Sektor-sektor ekonomi baru akan dipacu seperti teknologi maklumat dan komunikasi serta bioteknologi. Di samping itu, pelbagai inisiatif telah dan akan diambil untuk meningkatkan daya tarikan dan daya saing negara terutamanya bagi menambah baik persekitaran pelaburan.

17. Alhamdulillah, langkah-langkah yang sedang dilaksanakan telah mula menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Pada tahun 2006, sektor-sektor utama ekonomi terus mencatat pertumbuhan yang lebih baik. Sejak 3 Januari 2007, Indeks Komposit Bursa Malaysia mencatatkan prestasi yang menggalakkan pada paras melebihi 1,200 mata, satu tahap yang tidak pernah dilangkaui sejak tempoh krisis mata wang Asia pada Julai 1997. Harga komoditi terutamanya getah dan kelapa sawit yang menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2006, telah memberi pulangan lumayan kepada para pekebun dan pengusaha komoditi tersebut. Negara kita juga buat pertama kalinya mencapai jumlah dagangan antarabangsa melebihi 1 trilion ringgit pada tahun 2006. Manakala jumlah pelaburan dalam negara terus kukuh mencapai tahap tertinggi dalam sejarah negara pada tahun yang sama. Berkat dari pencapaian-pencapaian ini, Beta yakin bahawa ekonomi negara akan terus menunjukkan peningkatan yang menggalakkan terutamanya jika usaha-usaha penambahbaikan diperhebatkan lagi.

18. Pada masa akan datang, sektor pembuatan akan terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di kalangan aktiviti pembuatan yang wujud pada hari ini, Beta mengharapkan agar industri pemprosesan makanan dan industri halal akan berjaya dibangunkan secara bersepadu dan menyeluruh sehingga Malaysia dapat menerajui industri-industri tersebut di peringkat global. Kekuatan semula jadi negara kita dalam bidang ini perlu dimanfaatkan dan Beta berharap usaha-usaha Kerajaan akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu hab makanan dan hab halal dunia.

19. Sektor perkhidmatan disasar akan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Dengan peningkatan modal insan dan tahap kecekapan, Malaysia boleh menjadi pusat serantau bagi pelbagai aktiviti sektor perkhidmatan seperti logistik, teknologi maklumat dan komunikasi, kewangan Islam, pendidikan, kesihatan dan pelancongan. Dalam pada itu, Beta berharap usaha-usaha yang lebih bersepadu akan dipergiat untuk menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan utama dunia. Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, Beta menyeru semua lapisan masyarakat terutama barisan hadapan industri pelancongan negara supaya sentiasa bersikap jujur, ikhlas dan mesra serta berusaha memberi layanan yang terbaik.

20. Sektor pertanian telah diberi nafas baru supaya tampil sebagai tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi. Negara kini memasuki tahun kedua pelaksanaan pendekatan 'Pertanian Baru' bagi memperkasa sektor pertanian dan agro-makanan. Sehubungan ini, projek-projek berimpak tinggi seperti Pusat Fidlota Negara, Zon Industri Akuakultur dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan akan dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri. Beta berharap penyertaan sektor swasta dalam bidang pertanian akan terus dipergiat terutamanya dalam usaha sama yang melibatkan penggunaan teknologi, pemasaran dan peningkatan profesionalisme.

21. Namun, dalam membangunkan ekonomi negara, Beta berharap Kerajaan Beta akan sentiasa memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh bagi menjamin kestabilan ekonomi negara. Pengurusan defisit bajet Kerajaan yang telah mengecil kepada tiga perpuluhan lima (3.5) peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar wajar diteruskan. Pada masa yang sama, usaha pembendungan kadar inflasi serta kadar pengangguran harus diberi perhatian yang khusus. Kesan kenaikan harga barangan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah mesti diberi perhatian dan penguatkuasaan ke atas harga barangan kawalan mesti dipertingkatkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

22. Beta percaya bahawa modal insan adalah aset negara yang paling berharga. Hakikatnya, modal insan yang berkualiti mampu

melonjakkan ekonomi negara ke arah ekonomi berlandaskan pengetahuan. Modal insan berkualiti juga mampu meningkatkan keupayaan negara untuk membangunkan teknologi baru demi meningkatkan daya saing negara serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mantap.

23. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan memperhebatkan lagi usaha untuk membangunkan modal insan berkualiti sebagai agenda pembangunan utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan Beta akan berusaha untuk membangunkan modal insan berkualiti melalui pendidikan, latihan dan proses pembelajaran sepanjang hayat. Usaha menerapkan keluhuran budi serta amalan nilai-nilai murni juga akan ditekankan untuk melahirkan modal insan yang holistik, yakni yang memiliki sikap, nilai dan etika yang positif.

24. Proses pembangunan modal insan berkualiti harus bermula dari peringkat usia muda lagi. Oleh itu, penekanan harus diberikan kepada pendidikan prasekolah supaya kanak-kanak diberi ruang memulakan hidup yang terbaik. Beta berharap agar Majlis Penyelarasan Dasar Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak atau PERMATA NEGARA akan dapat memberi sumbangan besar ke arah pencapaian matlamat ini.

25. Di samping itu, Beta berharap sekolah-sekolah kebangsaan dan institusi-institusi pendidikan negara akan terus diperkasa untuk melahirkan generasi muda yang berkualiti dan berkaliber. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 telah dilancarkan pada awal tahun ini. Pelan ini bertujuan untuk memastikan pendidikan yang berkualiti akan disediakan terutama bagi masyarakat luar bandar. Beta percaya bahawa pelan ini akan meletakkan asas yang kukuh bagi melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat sistem pendidikan negara di mata dunia.

26. Sistem pendidikan tinggi negara juga harus diberi perhatian khusus. Ini adalah kerana ia merupakan saluran utama untuk menjana kecemerlangan ilmu, melahirkan para pemikir dalam bidang sains sosial dan teknologi yang akan membawa pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi lagi. Beta berharap kualiti akademik institusi-institusi pengajian tinggi negara dapat ditingkatkan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini. Ia juga merangkumi pemupukan keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, sambil mengukuhkan rangka hak intelek negara. Beta mahukan agar rakyat Malaysia mula dikenali sebagai pencipta teknologi dan bukan sekadar pengguna teknologi semata-mata.

27. Dalam pada itu, Beta berbangga dengan kemajuan kaum wanita di negara kita setakat ini. Kini, lebih ramai wanita menjadi tenaga pekerja dan menjawat jawatan tinggi di peringkat pembuat keputusan. Memandangkan kaum wanita adalah sebahagian daripada modal insan negara, maka Beta berharap agenda pembangunan wanita akan terus dimantapkan. Sehubungan ini, Beta sukacita dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender. Beta berharap jawatankuasa ini akan terus mengkaji semula dasar dan undang-undang yang mendiskriminasi wanita supaya hak dan maruah wanita akan terus dilindungi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Salah satu fokus utama Kerajaan Beta adalah memastikan pembangunan yang meluas dan seimbang. Iltizam untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum harus diteruskan di samping menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Beta ingin melihat kemiskinan tegar dihapuskan dan kadar kemiskinan keseluruhan diminimumkan menjelang tahun 2010.

29. Di samping itu, pelaksanaan strategi pengagihan harus diteruskan untuk menghapuskan ketidaksamaan pendapatan antara kaum yang masih kekal lebar. Kerajaan Beta akan memastikan sasaran nisbah pendapatan antara kaum Bumiputera dengan kaum Cina dapat dikurangkan kepada satu nisbah satu perpuhuan lima (1:1.5) menjelang tahun 2010. Bagi nisbah antara kaum Bumiputera dengan kaum India juga dapat dikurangkan kepada satu nisbah satu perpuhuan satu lima (1:1.15) pada tahun yang sama.

30. Beta sukacita dengan usaha-usaha berterusan yang diambil untuk mencapai matlamat pengagihan. Usaha-usaha ini termasuk penglibatan badan bukan kerajaan dan sektor swasta dalam pembasmian kemiskinan, perluasan akses kepada program pendidikan dan latihan, dan juga pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang kini memasuki fasa kedua. Beta amat berharap agar inisiatif-inisiatif sebegini akan dapat memastikan bahawa tiada seorang pun rakyat Beta yang tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

31. Ketidaksamaan antara negeri dan wilayah juga adalah agenda penting Kerajaan Beta. Usaha-usaha gigih mesti diteruskan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam pada itu, Beta amat gembira melihat perkembangan Wilayah Pembangunan Iskandar di Selatan. Beta juga berharap agar pembangunan Koridor Pembangunan Wilayah Utara, Koridor Pembangunan Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Pembangunan Sarawak dapat dipercepatkan agar manfaatnya segera dinikmati oleh segenap lapisan rakyat jelata.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. Pembangunan ekonomi negara yang mapan dan kukuh tiada ertinya sekiranya kualiti hidup rakyat tidak meningkat sejajar dengan pembangunan tersebut.

33. Dari segi aspek kesihatan, kualiti hidup rakyat Malaysia secara keseluruhannya sudah bertambah baik dan jangka hayat semakin meningkat. Sistem pengurusan kesihatan sedang dipertingkatkan dan ditambah baik seiring dengan keperluan masa kini. Bagi penyediaan perumahan, Kerajaan Beta akan terus berusaha memastikan bekalan perumahan yang mencukupi dan berkualiti terutamanya bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk kemudahan pengangkutan pula, selaras dengan ciri negara maju, Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan jaringan infrastruktur serta kecekapan pengangkutan awam khususnya di bandar-bandar utama.

34. *Bagi memastikan bekalan air yang bersih dan terjamin untuk semua rakyat, Kerajaan Beta telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang akan mengawal selia operator perkhidmatan bekalan air. Beta berharap tindakan ini akan meningkatkan mutu pengurusan bekalan air negara. Usaha untuk meningkatkan jaringan bekalan air ke seluruh pelosok negara juga mesti diteruskan agar rakyat di kawasan pedalaman dan terpencil dapat menikmati bekalan air yang bersih dan selamat.*

35. *Malaysia kaya dengan pelbagai khazanah alam semula jadi. Oleh itu, Kerajaan Beta akan terus mengambil tindakan proaktif untuk memulihara dan melestarikan alam sekitar yang sedia ada. Dalam hal ini, semua pihak yang berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai objektif pembangunan seimbang dengan mengurangkan impak alam sekitar dan negara demi kesejahteraan rakyat.*

36. *Dalam bidang sukan pula, Kerajaan Beta akan terus menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan riadah. Selain itu, sokongan akan terus diberi kepada ahli-ahli sukan negara yang berpotensi mencipta nama di peringkat antarabangsa. Ahli-ahli sukan amatir pula akan terus dibantu mengasah bakat mereka supaya mencapai tahap profesional.*

37. *Menerusi aspek kebudayaan, rakyat telah mula sedar akan kepentingan menghargai warisan negara. Seni kreatif seperti kraf, sastera, teater dan muzik adalah wadah kepada pembangunan insan serta sosioekonomi negara. Dalam hal ini, pembangunan seni kreatif akan dipertingkatkan untuk menjadi salah satu komponen penting dalam menjana ekonomi rakyat.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

38. *Beta percaya negara perlu bergerak lebih pantas ke hadapan berbanding negara-negara lain bagi mencapai hasrat untuk menjadi negara maju. Pada dasarnya, ini memerlukan peningkatan prestasi jentera pentadbiran negara.*

39. *Penambahbaikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam telah dikenal pasti sebagai salah satu penentu kejayaan negara. Pelbagai usaha telah diambil untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Beta ucapkan tahniah atas usaha ini. Namun begitu, Kerajaan Beta perlu terus berusaha dan melipatgandakan kerja kerana masih terdapat banyak ruang untuk membuat perubahan dan pembaharuan. Sehubungan itu, Beta melihat penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan sebagai langkah yang baik bagi mempercepatkan kelulusan projek-projek pelaburan yang strategik. Beta juga mengalu-alukan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan dan juga Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan. Dengan pendekatan-pendekatan ini, Beta berharap persekitaran perniagaan negara akan bertambah baik, seterusnya menarik lebih banyak pelaburan serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.*

40. Pada masa yang sama, pemantauan program-program Kerajaan harus diperkukuhkan untuk memastikan segala perancangan dan perbelanjaan yang diadakan akan memanfaatkan golongan sasaran, terutamanya rakyat yang termiskin dan terpinggir. Pemantauan yang berkesan memerlukan usaha gigih dan juga integriti. Dalam pada itu, usaha untuk meningkatkan integriti serta membanteras rasuah dan salah guna kuasa harus diperkuatkan. Usaha Mamanda Perdana Menteri perlu disokong oleh semua anggota Perkhidmatan Awam dan semua lapisan masyarakat. Menghapuskan rasuah dan penyelewengan bukanlah mudah, ia memerlukan kerjasama semua pihak untuk menolak daripada memberi atau menerima rasuah. Beta ingin melihat usaha pemupukan minda dan budaya membenci rasuah diperhebat agar warga Malaysia menjadi masyarakat yang berpendirian tinggi dan dihormati.

41. Rakyat Malaysia harus menjadi warga dunia yang diiktiraf dan dikagumi. Malaysia harus dilihat sebagai sebuah negara yang bermaruah dan berhemah tinggi. Dalam pada itu, Beta berbangga atas pelaksanaan dasar luar negara yang proaktif, bebas dan berkesan. Hasilnya dapat dilihat melalui pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat antarabangsa kepada usaha dan peranan Malaysia ketika menerajui ASEAN dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Malaysia selanjutnya terus diyakini oleh masyarakat Islam antarabangsa untuk memimpin Pertubuhan Persidangan Islam. Beta sukacita kerana kita telah dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan memastikan pertubuhan-pertubuhan tersebut kekal relevan di persada antarabangsa.

42. Beta juga berbangga dengan penglibatan aktif Angkatan Tentera Malaysia dalam misi pengaman dan pemerhati di peringkat antarabangsa. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa yang secara langsung menaikkan imej negara. Beta berharap kecemerlangan perkhidmatan ini akan diteruskan dalam misi pemantau di Mindanao, Filipina serta misi keamanan di Lubnan. Peranan Malaysia sebagai penyumbang tenaga dan pemimpin di peringkat antarabangsa harus terus dipupuk sejajar dengan pembangunan ekonomi dan sosial dalam negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

43. Beta mengakhiri titah ulung ini dengan menyentuh perkara yang paling penting bagi negara kita, iaitu perpaduan. Perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cintai ini akan berpecah-belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian. Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur musnah dan sia-sia.

44. Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, perbincangan dan pertukaran pendapat sesama rakyat telah menjadi lebih kerap dan terbuka. Pelbagai pendapat diutarakan mengenai hala tuju dan identiti negara kita. Jika terdapat perbezaan pendapat, ini adalah lumrah perbincangan. Walaupun demikian, Beta berharap rakyat Malaysia dapat berbincang dan mengurus keterbukaan ini secara bijaksana, tenang dan prihatin. Beta percaya bahawa setiap warga Malaysia bersatu dalam rasa cinta pada bumi Malaysia ini dan tidak ingin masyarakat yang ekstremis dan berpecah-belah di mana sifat perkauman sempit berleluasa. Dengan itu, setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab memelihara ketenteraman awam. Setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk saling memahami pandangan dan sensitiviti setiap kaum dan harus berusaha untuk mencapai kata sepakat.

45. Walaupun agama Islam diberi perhatian oleh Kerajaan sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi Persekutuan, namun agama-agama lain bebas diamalkan sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Beta mengalu-alukan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Mamanda Perdana Menteri sebagai satu usaha untuk membudayakan ciri-ciri ketamadunan Islam yang mengutamakan ilmu dan keadilan. Tamadun-tamadun Islam gemilang yang terdahulu terkenal dengan penemuan-penemuan sains dan matematik. Mereka juga terkenal dengan pentadbiran yang adil terhadap rakyat berbilang agama dan bangsa. Ciri-ciri ketamadunan ini harus ditekankan dan diamalkan bagi membina Malaysia gemilang.

46. Beta bersyukur keselamatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman. Polis Diraja Malaysia menjalankan tugas dan amanah dengan penuh dedikasi dan Beta mengharapkan agar usaha tersebut dapat terus dipertingkatkan.

47. Kestabilan politik dan ekonomi terus berkembang walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran di peringkat serantau dan antarabangsa. Kita telah berjaya memelihara kemerdekaan Malaysia dengan aman dan harmoni selama 50 tahun. Marilah kita bersama-sama mengukuhkan semangat persaudaraan dan perpaduan ini demi membina negara yang lebih makmur, bersatu padu dan dihormati.

48. Beta menghormati kepimpinan Mamanda Perdana Menteri dalam mengurus pembangunan negara ke fasa yang seterusnya. Beta juga memandang tinggi Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan kesetiaan Polis Diraja Malaysia serta sumbangan Angkatan Tentera Malaysia dalam memelihara keselamatan dan keamanan negara. Akhir sekali, Beta menghargai Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara. Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat untuk membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti. Negara ini adalah hak milik kita bersama. Justeru, setiap rakyat Malaysia ada peranan dan tanggungjawab. Beta percaya jika setiap warga Malaysia melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, tidak ada gunung yang tidak dapat didaki, tidak ada lurah yang mustahil dituruni. Dengan gandingan kerjasama yang erat serta persefahaman dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, Beta yakin cita-cita dan harapan kita akan terlaksana.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.